

SABDA Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam yang diriwayatkan oleh Al-Imam Al-Bukhari yang maksudnya :  
 “Dari Abi Hurairah Radhiallahu’anhui dari Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam Baginda bersabda :  
 Barang siapa yang beriman dengan Allah dan hari akhirat maka hendaklah ia menghormati tetamunya, dan barang siapa yang beriman dengan Allah dan hari akhirat maka hendaklah ia menyambung silaturahmi”.

## SELAMAT HARI RAYA AIDILFITRI MAAF ZAHIR & BATIN

# LAFAZ ALHAMDULILLAH SANGAT TINGGI NILAINYA

■ Oleh : Srinarawie Bidzah

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Rabu, 10 April.  
 - Syukur adalah perkara agung dan mulia dan ia dituntut oleh Allah dengan berjanji, bahawa barang siapa yang mensyukuri nikmat, akan ditambah lagi nikmat itu.  
 Maksud syukur ialah berterima kasih kepada Allah atas nikmat-Nya, caranya ialah dengan memuji-Nya dengan lafaz Alhamdulillah.  
 Manakala kita berjaya menyempurnakan

ibadat puasa, maka wajarlah bagi kita untuk mengucapkan Alhamdulillah.  
 “Begitu juga kalau badan sihat dan rezeki luas serta dapat menyambut Aidilfitri dengan selesa, maka wajarlah bagi kita untuk melafazkan Alhamdulillah, sebagai pernyataan kita bersyukur atau berterima kasih kepada Allah.  
 “Allahuakbar, Allahuakbar, Allahuakbar, Walillahil Hamd,” titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu’izzaddin

Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar ‘Ali Saifuddien Sa’adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam semasa berkenan mengurniakan Titah Perutusan sempena Hari Raya Aidilfitri Tahun 1445 Hijrah / 2024 Masihi, di Istana Nurul Iman.  
 Menurut titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam lagi, lafaz Alhamdulillah sangat tinggi nilainya.  
 >> Muka 2

## Berkenan berangkat ke Majlis Mengadap, Berziarah Hari Raya Aidilfitri

■ Oleh : Pg. Vivy Malessa Pg. Ibrahim

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Khamis, 11 April. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu’izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar ‘Ali Saifuddien Sa’adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha binti Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Mohamed Alam berkenan berangkat ke Majlis Mengadap dan Berziarah Hari Raya Aidilfitri 1445 Hijrah / 2024 Masihi daripada pembesar-pembesar negara dari negara-negara sahabat.

>> Muka 3

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu’izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar ‘Ali Saifuddien Sa’adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha binti Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Mohamed Alam dan kerabat diraja pada Majlis Mengadap dan Berziarah Hari Raya Aidilfitri. - Foto : Haji Ariffan Mohd. Noor / Morshidi.



## Takbir Raya tanda kesyukuran kepada Allah Subhanahu Wata’ala

■ Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Rabu, 10 April.  
 - Puji syukur kita panjatkan atas nikmat Allah Subhanahu Wata’ala, umat Islam di seluruh dunia termasuk Negara Brunei Darussalam berkesempatan meraikan Lebaran Aidilfitri meskipun tidak serentak namun pujian kepada Yang Maha Esa kita laungkan demi

keagungan-Nya yang tidak terhingga.  
 Seluruh masjid, surau dan balai ibadat di seluruh negara kita hari ini mula bergema dengan laungan Takbir Raya sejurus menunaikan Sembahyang Fardu Maghrib dan bukan itu sahaja, malah di corong radio dan televisyen juga kedengaran Takbir Raya berkumandang.

Umat Islam disyariatkan supaya melaungkan takbir apabila terbenamnya matahari pada akhir bulan Ramadan dengan suara yang lantang bagi menggambarkan kegembiraan dan menunjukkan syiar Islam.

>> Muka 16



## Berita Utama



HIDUPKAN sambutan Hari Raya Aidilfitri bersama mualaf

Muka 10



4,111 mushaf UNISSA diserahkan ke sekolah-sekolah Arab

Muka 18



BUNGA api, mercun pelbagai jenama dirampas

Muka 28



RENCANA

SALAM Lebaran

Muka 29



# Lafaz Alhamdulillah sangat tinggi nilainya

Oleh : Srinawie Bidzah  
Foto : Hernie Suliana Haji Othman



## >> Muka 1

Kebawah Duli Yang Maha Mulia juga turut mengongsikan bahawa Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam telah bersabda, maksudnya : "Sekiranya seseorang dari umatku dikurniakan dunia dengan segala isi di dalamnya, kemudian dia mengucapkan Alhamdulillah, maka ucapan Alhamdulillah itu adalah lebih utama dari dunia dan segala isinya."

"Begitu harga Alhamdulillah (ucapan memuji Allah), sebagai tanda kita bersyukur," tambah titah baginda lagi.

Terdahulu, Kebawah DYMM dalam titah menyatakan Aidilfitri insyaaAllah menjelang lagi, iaitu hari kita bergembira sambil bersyukur kerana berjaya mendepani cabaran berpuasa.

"Alhamdulillah, kita adalah sama-

sama berjaya dan semoga kejayaan ini diterima oleh Allah sebagai ibadat yang diperintahkan-Nya

"Bukan kecil cabaran berpuasa itu kerana ia memerlukan kesabaran tingkat tertinggi," ujar titah baginda lagi.

Menurut titah Kebawah DYMM lagi, jika ada kesabaran seperti ini, baharulah mudah untuk menghadapi cabaran tersebut.

"Beta yakin, rakyat beta yang beragama Islam memahami perkara ini, yang menjadikan mereka tidak ada masalah untuk menyempurnakan ibadat puasa masing-masing.

"Sekarang kewajipan kita ialah untuk bersyukur.

"Semasa berpuasa, manakala kita dikurniakan kesihatan dan rezeki, maka wajiblah dibalas dengan bersyukur," titah baginda lagi.

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ketika berkenan mengurniakan Titah Perutusan sempena Hari Raya Aidilfitri Tahun 1445 Hijrah / 2024 Masihi, di Istana Nurul Iman.

# ZAKAT DAPAT MENSUCIKAN HARTA

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 10 April.

- Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bertitah selain dari ucapan, perbuatan juga boleh jadi tanda bersyukur, seperti seseorang yang menunaikan zakat, maka perbuatannya berzakat itu adalah bukti dia bersyukur, kerana itu Allah akan menggandakan hartanya sebagai balasan dia bersyukur itu.

"Allahuakbar, Allahuakbar, Allahuakbar,

Wallillahil Hamd.

"Mengenai zakat, beta difahamkan bahawa tujuan berzakat itu ialah untuk membersihkan harta.

"Harta yang dizakatkan adalah harta berkat, ia bukan berkurang tetapi bertambah, dan tidak binasa tetapi selamat," titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam lagi ketika berkenan mengurniakan Titah Perutusan sempena Hari Raya Aidilfitri Tahun 1445 Hijrah / 2024 Masihi, di Istana Nurul Iman.

Oleh itu titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia

lagi, di samping menunaikan Zakat Fitrah, maka bagi siapa yang mampu, hendaklah bersedia untuk menunaikan Zakat Harta pula.

Kebawah DYMM seterusnya bertitah bahawa zakat adalah wajib setelah genap haul, dan menjadi syarat untuk seseorang diiktiraf sebagai beriman, sebagaimana maksud hadis Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam : "Barang siapa (yang mahu digolongkan) sebagai beriman dengan Allah dan hari akhirat, maka hendaklah dia menunaikan zakat hartanya".

Kebawah DYMM juga turut mengajak supaya kita sama-sama berazam untuk

memenuhi tanggungjawab yang besar ini, demi keselamatan kita di akhirat kelak, dan juga untuk tujuan membantu golongan yang berhak, serta impaknya yang lebih jauh pula ialah untuk menjana kemakmuran umat dan negara.

"Untuk akhirnya, beta dan keluarga beta dengan sukacita mengucapkan Selamat Hari Raya Aidilfitri kepada semua lapisan rakyat dan penduduk di mana sahaja mereka berada, semoga kita sama-beroleh kerahmatan dan perlindungan daripada Allah Subhanahu Wata'ala. Amin," titah baginda lagi mengakhiri perutusan.

| WAKTU SEMBAHYANG |        |               |       |       |        |      |       |      |         |       |
|------------------|--------|---------------|-------|-------|--------|------|-------|------|---------|-------|
| April MASIHI     | HARI   | Syawal HIJRAH | IMSAK | SUBUH | SYURUK | DUHA | ZUHUR | ASAR | MAGHRIB | ISYAK |
| 13               | SABTU  | 3             | 4.46  | 4.56  | 6.14   | 6.37 | 12.22 | 3.30 | 6.27    | 7.37  |
| 14               | AHAD   | 4             | 4.46  | 4.56  | 6.14   | 6.36 | 12.22 | 3.30 | 6.27    | 7.37  |
| 15               | ISNIN  | 5             | 4.45  | 4.55  | 6.13   | 6.36 | 12.21 | 3.31 | 6.27    | 7.37  |
| 16               | SELASA | 6             | 4.45  | 4.55  | 6.13   | 6.36 | 12.21 | 3.31 | 6.27    | 7.37  |
| 17               | RABU   | 7             | 4.44  | 4.54  | 6.13   | 6.35 | 12.21 | 3.31 | 6.27    | 7.37  |
| 18               | KHAMIS | 8             | 4.44  | 4.54  | 6.12   | 6.35 | 12.21 | 3.32 | 6.27    | 7.37  |
| 19               | JUMAAT | 9             | 4.43  | 4.53  | 6.12   | 6.35 | 12.20 | 3.32 | 6.27    | 7.37  |

Waktu-waktu sembahyang bagi Daerah Tutong ditambah 1 minit dan Daerah Belait ditambah 3 minit

| RAMALAN CUACA 3 HARI |                |                |  |
|----------------------|----------------|----------------|--|
| SABTU                | AHAD           | ISNIN          |  |
| Bandar Seri Begawan  |                |                |  |
| 35<br>27<br>°C       | 35<br>27<br>°C | 34<br>26<br>°C |  |
| Pekan Bangar         |                |                |  |
| 35<br>27<br>°C       | 35<br>27<br>°C | 34<br>26<br>°C |  |
| Pekan Tutong         |                |                |  |
| 35<br>27<br>°C       | 35<br>27<br>°C | 34<br>26<br>°C |  |
| Kuala Belait         |                |                |  |
| 35<br>27<br>°C       | 35<br>27<br>°C | 34<br>26<br>°C |  |

Wallahualam Bissawab  
Sumber : Perkhidmatan Kajuca Brunei Darussalam, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi

## SIDANG PENGARANG

13 APRIL 2024

### Raikan Aidilfitri dengan penuh esyukuran

**B**ERSEMPENA dengan hari kemenangan dan kegembiraan seluruh umat Islam iaitu Sambutan Hari Raya Aidilfitri setelah berjaya mengerjakan ibadat puasa Ramadan dengan sempurna, kalimah Allahuakbar, Allahuakbar, Allahuakbar, Allah Maha Besar mulai bergema di seluruh pelusuk negara yang kita cintai ini.

Kemenangan itu bukan saja menang kerana berjaya mengawal nafsu makan dan minum pada siang hari dalam bulan Ramadan, malah kejayaan menghalang diri daripada melakukan perkara-perkara dilarang ketika berpuasa.

Oleh yang demikian, bagi merayakan Syawal yang mulia ini, perlulah sejajar dan selaras dengan kehendak serta tuntutan syariat. Kita perlu melakukan amalan sunat seperti memperbanyakkan bertakbir dan berzikir mengingati Allah. Mengerjakan Solat Sunat Aidilfitri dengan mengenakan pakaian bersih dan indah. Menziarahi sesama umat Islam sambil bermaaf-maafan seperti yang dianjurkan oleh Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam. Kerana Aidilfitri adalah hari mengeratkan tali persaudaraan dan menyuburkan silaturahim.

Hubungan persaudaraan yang baik adalah satu usaha untuk membentuk individu yang berkualiti. Ini boleh membawa kepada kesejahteraan dalam kehidupan berkeluarga, bermasyarakat dan bernegara. Dalam hubungan ini, sambutan Aidilfitri telah memberi ruang dan peluang yang luas ke arah pengukuhan persaudaraan dan silaturahim melalui ucapan salam Aidilfitri, kunjung-mengunjungi dan saling bermaaf-maafan.

Sempena dengan Aidilfitri yang mulia ini, sama-samalah kita mengambil kesempatan dengan mengamalkan budaya ziarah-menziarahi sesama kita, mudah-mudahan akan dapat mengeratkan hubungan silaturahim sesama insan dan mendatangkan keberkatan dalam kehidupan kita. Selain itu, kita juga perlu insaf dan sedar bahawa terdapat saudara-mara, jiran tetangga, sahabat handai dan saudara seagama kita yang menyambut Aidilfitri dalam keadaan sedih, bersendirian, daif dan sebagainya.

Dalam kemeriahan kita berkunjung ke rumah-rumah, perlu diingat untuk memastikan keselamatan rumah yang ditinggal dikunci dan pastikan semua bahan elektrik yang digunakan dimatikan. Ini bagi sama-sama memastikan keselamatan rumah terjamin semasa ketiadaan kita di rumah. Selain itu, ia juga bagi mengelak dari pelbagai macam perkara yang tidak diingini berlaku di bulan yang mulia ini.

Pada hari kemenangan yang diraikan hendaklah juga kita ingat dan menjaga keselamatan kita bersama. Dalam menuju tujuan kita berhari raya, pastikan kenderaan kita dalam keadaan yang baik dan selamat. Di samping itu, pastikan keselamatan keluarga dan juga pengguna jalan raya yang lain dijaga bersama. Kita tidak mahu mencemari kegembiraan dengan kedukaan.

Oleh itu, semua pemandu perlu ingat bahawa kita bukan memandu seorang dan tanggungjawab kita bukan untuk diri sendiri atau keluarga sahaja bahkan kepada semua pengguna jalan raya yang lain. Amalkan sikap bertolak ansur walaupun keadaan jalan raya sibuk dengan bilangan kenderaan yang bertambah dari hari-hari biasanya. Salam Aidilfitri untuk semua. - **Ketua Penyuntingan (Ad)**

NOTA : AKHBAR PELITA BRUNEI MENGANDUNGI AYAT-AYAT AL-QURAN DAN DOA-DOA. SILA LETAK AKHBAR INI DI TEMPAT YANG SEMPURNA DAN TERJAGA

✉ pelita.brunei@information.gov.bn | ☎ 2382891 / 2383400 Smb. : 217 | 📠 2381004 | 🌐 www.pelitabrunei.gov.bn

تربيتكن اوله جابتن قراغن، جابتن قردان منتري دان دجيتق اوله قرينت قلس سنديرين برحد، نكارا بروني

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Print Plus Sdn. Bhd., Negara Brunei Darussalam



# BERKENAN BERANGKAT KE MAJLIS MENGADAP, BERZIARAH HARI RAYA AIDILFITRI



**KEBERANGKATAN** Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha binti Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Mohamed Alam dan kerabat diraja pada Majlis Mengadap dan Berziarah Hari Raya Aidilfitri (atas, kiri dan bawah)

Oleh : Pg. Vivy Malessa Pg. Ibrahim

Foto : Mohamad Azmi Awang Damit, Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi, Azmah Haji Ahad, Muhammad Asri Haji Awang Abas

## >> Muka 1

Berangkat sama paduka-paduka anakanda dan adinda Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah binti Pengiran Haji Salleh Ab. Rahaman; Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik dan Yang Amat Mulia Pengiran Anak Isteri Pengiran Raabi'atul 'Adawiyah binti Pengiran Haji Bolkiah; Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen dan Yang Amat Mulia Pengiran

Anak Isteri Anisha Rosnah binti Adam; Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah; Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisura Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah dan Yang Amat Mulia Pengiran Bini Hajah Faizah binti Dato Haji Nasir dan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Digadong Sahibul Mal Pengiran Muda Haji Jefri Bolkiah.

Juga berangkat, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Rashidah Sa'adatol Bolkiah; Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Majeedah Nuurul Bolkiah; Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Hafizah Sururul Bolkiah; Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri 'Azemah Ni'matul Bolkiah; Yang



Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Ameerah Wardatul Bolkiah; Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Masna, Ambassador-at-Large di Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri; dan

Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Amal Umi Kalthum Al-Islam serta cucunda-cucunda baginda serta kerabat diraja.

>> Muka 4



**BERANGKAT** sama, paduka-paduka anakanda Kebawah Duli Yang Maha Mulia, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah; Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik dan Yang Amat Mulia Pengiran Anak Isteri Pengiran Raabi'atul 'Adawiyah; Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen dan Yang Amat Mulia Pengiran Anak Isteri Anisha Rosnah binti Adam (kiri, tengah dan kanan).



**JUGA** berangkat paduka-paduka anakanda dan adinda baginda, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Rashidah Sa'adatol Bolkiah; Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Majeedah Nuurul Bolkiah; Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Hafizah Sururul Bolkiah; Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri 'Azemah Ni'matul Bolkiah; Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Ameerah Wardatul Bolkiah; Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Masna, Ambassador-at-Large di Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Amal Umi Kalthum Al-Islam (kiri dan kanan).





KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha serta kerabat diraja pada majlis berkenaan.

### >> Muka 3

Seperti lazimnya, junjung ziarah para pembesar negara yang terdiri daripada Yang Amat Mulia Pengiran-pengiran Cheteria;

Menteri-menteri Kabinet, Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara; Timbalan-timbalan Menteri, para Diplomat dari negara sahabat ke negara ini, Setiausaha-setiausaha Tetap dan juga Pegawai Kanan

Kerajaan bersama isteri masing-masing.

Pada majlis yang berlangsung di Istana Nurul Iman, hari ini, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan

Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha berkenan menerima sembah ucapan Selamat Hari

Raya Aidilfitri dan berinteraksi mesra dengan para tetamu baginda.

### >> Muka 5



JUGA berangkat, cucunda-cucunda Kebawah Duli Yang Maha Mulia serta kerabat diraja yang lain (kiri dan kanan)



ANTARA yang hadir pada majlis berkenaan (kiri dan kanan).





KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia berkenan berangkat ke Majlis Mengadap dan Berziarah Hari Raya Aidilfitri (atas dan kanan).

>> Muka 4

Pertemuan Kebawah Duli Yang Maha Mulia dengan para pembesar negara dengan perwakilan negara sahabat mencerminkan ketulusan baginda menjadikan Sambutan Hari

Raya ini sebagai titian untuk mewujudkan rasa muhibah.

Dalam masa yang sama, para pembesar negara dan perwakilan negara-negara sahabat juga berpeluang untuk beramah mesra dengan rakan sejawat yang berada pada majlis berkenaan.



Kebawah DYMM berkenan beramah mesra dan berinteraksi bersama dengan para pembesar negara dan perwakilan negara sahabat (atas kiri, atas kanan, kiri, bawah kiri dan bawah).







KEBAWAH DYMM dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha berkenan beramah mesra dan menerima junjung ziarah (atas sekali kanan dan atas sekali kiri). Manakala gambar atas, atas kiri dan kiri, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri berkenan menerima junjung ziarah dan dijunjung untuk bergambar ramai.



PADUKA-paduka anakanda dan adinda baginda ketika berkenan beramah mesra bersama para pembesar negara dan perwakilan negara sahabat (atas, atas kiri, kiri sekali dan kiri).



# BERANGKAT MENUNAIKAN SEMBAHYANG SUNAT HARI RAYA AIDILFITRI



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanali Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat bersama dengan umat Islam dan rakyat baginda di negara ini bagi menunaikan Sembahyang Sunat Hari Raya Aidilfitri di Jame' 'Asr Hassanil Bolkiah, Kampung Kiarong.

Oleh : Pg. Syiaruddin Pg. Daudin

Foto : Mohamad Azmi Awang Damit, Muhammad Asri Haji Awang Abas

**KIARONG**, Khamis, 11 April. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanali Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan

Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat bersama dengan umat Islam

dan rakyat baginda di negara ini bagi menunaikan Sembahyang Sunat Hari Raya Aidilfitri di Jame' 'Asr Hassanil Bolkiah, Kampung Kiarong, di sini.

Berangkat sama ialah paduka-paduka anakanda Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka

Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri; Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik; dan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen.

Keberangkatan tiba Kebawah Duli Yang Maha Mulia dijunjung oleh Yang Di-Pertua Adat Istiadat Negara, Yang Amat Mulia Pengiran Indera Setia Diraja Sahibul Karib Pengiran Anak Haji Idris bin Pengiran Maharaja Lela Pengiran Muda Abdul Kahar; dan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman, selaku Pengerusi Jawatankuasa Tertinggi Sambutan Hari-hari Kebesaran Islam Tahun 1445 Hijrah.

Turut menjunjung, Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof; dan Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang

Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohammad Tashim bin Pengiran Haji Hassan.

Kira-kira jam 7.30 pagi, Sembahyang Sunat Hari Raya Aidilfitri didirikan dan diimamkan oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Paduka Seri Utama Dato Paduka Seri Setia Haji Awang Salim bin Haji Besar.

Sejurus selepas itu, Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohammad Tashim dalam Khutbah pertama Aidilfitri antara lain menjelaskan apabila tiba Hari Raya, hampir kesemua kita ini menziarahi rumah ibu bapa.

"Ibu bapalah tempat pertama yang dituju untuk menyambut lebaran, ibu bapa merupakan insan yang paling berjasa dalam hidup kita, mereka telah mengurniakan seluruh hidup untuk memastikan kehidupan kita sewaktu anak-anak sentiasa cukup dan menerima pelajaran yang selayaknya demi masa depan kita.

"Setiap kali tiba Hari Raya, pastinya ibu bapa kita insan yang berlegar-legar dalam fikiran dan ingatan kita, maka kegembiraan pada Hari Raya ini pastinya kita ingin raikan bersama insan-insan yang mulia dan inilah peluang yang kita ada untuk mengeratkan hubungan silaturahim antara ibu bapa, keluarga dan sanak saudara," jelas Yang Mulia Pengiran Dato.

>> Muka 8



BERANGKAT sama ialah paduka-paduka anakanda Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanali Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri; Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik; dan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen.



JEMAAH yang hadir mendengarkan Khutbah Hari Raya Aidilfitri yang disampaikan oleh Yang Mulia Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama (atas dan kanan).







KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan paduka-paduka anakanda baginda menadah tangan ketika doa dibacakan oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Paduka Seri Utama Dato Paduka Seri Setia Haji Awang Salim bin Haji Besar.

## >> Muka 7

Bagi ibu bapa dan orang tua tambah Yang Mulia Pengiran Dato lagi, mereka adalah insan yang paling gembira pada hari ini kerana anak-anak, cucu dan sanak saudara berkumpul bersama-sama dan pastinya setiap anak mengharapkan restu dan keredaan ibu bapa masing-masing kerana keredaan ibu bapa

adalah yang akan mendatangkan keredaan Allah Subhanahu Wata'ala.

Yang Mulia Pengiran Dato seterusnya menasihati untuk kita mengambil peluang di Hari Raya ini sementara mereka masih ada untuk terus mencurahkan bakti dan penghormatan kepada ibu bapa, serta juga bersyukur bagi mereka yang masih memiliki ibu bapa untuk meraikan Hari

Raya bersama-sama.

Dalam suasana kita menyambut Hari Raya ini, Yang Mulia Pengiran Dato dalam Khutbah keduanya pula mengingatkan kita untuk tidak lupa akan keperitan dan kesengsaraan yang sedang dialami orang saudara seagama kita di mana sahaja seperti saudara kita yang berada di Palestin.

"Kita sedang bergembira

meraikan Aidilfitri sedangkan mereka di sana dalam kegelisahan, ketakutan dengan bermandikan air mata dan bersimbah darah.

"Mereka menghadapi penindasan dan serangan musuh durjana berupa pengeboman yang tidak berperikemanusiaan tanpa ada belas kasihan sehingga mengorbankan orang awam termasuk kanak-kanak dan wanita," ujar Yang Mulia Pengiran Dato.

Dalam Khutbahnya, Yang Mulia Pengiran Dato juga berkata bahawa mereka yang masih hidup pula kehilangan tempat tinggal dan bersedih kerana kehilangan orang yang tersayang, anak-anak kehilangan ibu bapa dan begitulah juga ibu bapa kehilangan anak-anak.

"Sebagai umat Islam yang diikat dengan tali persaudaraan dan kasih sayang sesama Islam, kita berserta dengan negara-negara Islam yang lain dan juga negara-negara yang mencintai keamanan dan kedamaian amatlah kesal dengan kejadian ini.

"Oleh itu, saya mengajak kita semua untuk memohon pertolongan daripada Allah Subhanahu Wata'ala dengan berdoa semoga saudara kita di Palestin diselamatkan daripada kekejaman musuh serta penderitaan yang mereka alami berakhir dengan segera dan semoga mereka merasai hidup yang aman dan damai seperti yang kita nikmati di Negara Brunei Darussalam," ujar Yang Mulia Pengiran Dato lagi.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia melambai sejurus selepas selesai Sembahyang Sunat Hari Raya Aidilfitri (atas kiri). Sementara gambar atas, jemaah yang hadir tidak melepaskan peluang untuk berziarah bersama Kebawah DYMM dan paduka anakanda baginda.

ANTARA jemaah yang hadir (kiri sekali dan kiri).



# Sembahyang Sunat Hari Raya Aidilfitri 1445 Hijrah / 2024 Masihi

## Daerah Tutong

Oleh : Hajah Siti Zuraihah Haji Awang Sulaiman  
Foto : Alishahrin Haji Mumin



**SEMBAHYANG** Sunat Hari Raya Aidilfitri Berjemaah di Masjid Ar-Rahim Kampung Bukit Panggal (kanan). Sementara gambar atas, khutbah disampaikan oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid, Awang Haji Kamaluddin bin Haji Abd. Rahman.

**TUTONG**, Khamis, 11 April. Laungan gema takbir Hari Raya Aidilfitri mula berkumandang di masjid-masjid seluruh negara sejak semalam, mempamerkan rasa syukur kita ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala atas nikmat Aidilfitri yang diberikan setelah satu bulan berpuasa.

Sehubungan itu, umat Islam di negara ini memulakan Sambutan Hari Raya Aidilfitri hari ini dengan laungan takbir serta menunaikan Sembahyang Sunat Hari Raya Aidilfitri Berjemaah di seluruh masjid, surau dan balai ibadat di seluruh negara.

Di Daerah Tutong, salah sebuah masjid yang menjadi tumpuan umat Islam menunaikan Sembahyang

Sunat Hari Raya Aidilfitri ialah di Masjid Ar-Rahim Kampung Bukit Panggal.

Sejurus selepas laungan takbir, pelbagai peringkat lapisan masyarakat termasuk kaum wanita dan kanak-kanak bersama-sama menunaikan Sembahyang Sunat Hari Raya Aidilfitri Berjemaah di masjid berkenaan yang diimamkan oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid, Awang Haji Kamaluddin bin Haji Abd. Rahman selaku Imam Masjid Ar-Rahim Kampung Bukit Panggal.

Pada khutbah Hari Raya Aidilfitri yang disampaikan oleh imam masjid berkenaan antara lainnya menyeru bagi insan yang masih mempunyai ibu bapa untuk merebut



peluang mencurahkan bakti dan penghormatan kepada kedua ibu bapa sementara mereka masih ada.

Ibu bapa merupakan insan yang paling berjasa dalam hidup kita di mana mereka telah mengorbankan seluruh hidup mereka untuk memastikan kehidupan kita sentiasa cukup dan menerima pelajaran yang sebaiknya demi masa depan kita.

Ibu bapa juga merupakan insan yang paling gembira pada hari ini kerana anak-anak pulang berkumpul. Pastinya setiap anak mengharapkan restu dan keredaan daripada ibu bapa masing-masing kerana keredaan ibu bapa itulah yang akan mendatangkan keredaan

Allah Subhanahu Wata'ala.

Khutbah berkenaan juga menyentuh bahawa Aidilfitri merupakan kesempatan yang sangat sesuai untuk kita memaafkan kesalahan orang lain terhadap kita dan peluang memohon kemaafan atas apa jua kesalahan yang telah kita lakukan.

Sementara itu, pengisian khutbah juga mengingatkan kita untuk menyambut Hari Raya dengan mengikut kemampuan masing-masing dan jangan sampai melakukan pembaziran kerana pembaziran itu dibenci oleh Allah Subhanahu Wata'ala. Apa yang penting biarlah bersederhana kerana Islam mengajar kita

melakukan sesuatu perkara secara bersederhana dan tidak membazir.

Dalam suasana kita meraikan kegembiraan ini, janganlah kita lupa akan keperitan dan kesengsaraan yang sedang dialami oleh saudara seagama kita yang berada di mana sahaja seperti saudara kita yang berada di Palestin.

Marilah kita memohon pertolongan kepada Allah Subhanahu Wata'ala dengan berdoa semoga saudara Islam kita di Palestin diselamatkan daripada kekejaman musuh serta penderitaan yang mereka alami berakhir dengan segera dan seterusnya semoga mereka akan dapat merasai hidup yang aman dan damai seperti yang kita nikmati.



Berita dan Foto : Hernie Suliana Haji Othman

**BELAIT**, Khamis, 11 April. - Masjid Mohammad Jamalul Alam di Kuala Belait yang boleh menampung lebih 2000 orang dalam satu masa dihadiri oleh jemaah dari pelbagai lapisan masyarakat untuk menzhahirkan syukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala sempena tibanya 1 Syawal yang dinantikan setelah genap 30 hari berpuasa di bulan Ramadan.

Sembahyang Sunat Hari Raya Aidilfitri bagi masjid berkenaan telah diimamkan oleh Awang Haji Noor Azhar bin Haji Harith, yang seterusnya menyampaikan Khutbah Hari Raya Aidilfitri 1445 Hijrah / 2024 Masihi.

Antara pengisian Khutbah Pertama yang disampaikan ialah untuk mengingatkan kita kepada insan yang paling berjasa dalam

**SEMBAHYANG** Sunat Hari Raya Aidilfitri Berjemaah di Masjid Mohammad Jamalul Alam di Kuala Belait (kiri).

hidup kita, iaitu ibu bapa, di mana keredaan mereka sama ertinya dengan keredaan Allah Subhanahu Wata'ala.

Oleh itu, bagi yang masih mempunyai ibu bapa, bersyukurlah, dan ambil peluang untuk terus mencurahkan bakti dan penghormatan kepada mereka, kerana anak yang sudah kehilangan ibu bapa hanya dapat memperbanyakkan doa memohon kepada Allah Subhanahu Wata'ala untuk mengampunkan dosa-dosa ibu bapa yang telah meninggal dunia sebagai salah satu amalan berbakti kepada mereka.

Khutbah Kedua pula mengingatkan kita untuk meraikan Aidilfitri dengan bersederhana, dan menyambutnya dengan mengikut kemampuan masing-masing, jangan sampai melakukan pembaziran kerana perbuatan tersebut dibenci oleh Allah Subhanahu Wata'ala.

Selain itu, dalam suasana

## Daerah Belait



**KHUTBAH** Hari Raya Aidilfitri disampaikan oleh Awang Haji Noor Azhar bin Haji Harith.

kita meraikan kegembiraan ini janganlah kita lupa akan keperitan dan kesengsaraan yang sedang dialami oleh saudara seagama kita yang berada di mana sahaja seperti saudara kita yang berada di Palestin.

Oleh yang demikian, marilah kita memohon pertolongan kepada

Allah Subhanahu Wata'ala dengan berdoa semoga saudara Islam kita di Palestin diselamatkan daripada kekejaman musuh serta penderitaan yang mereka alami berakhir dengan segera. Antara yang hadir ialah Pemangku Pegawai Daerah Belait, Awang Haji Amrol Hafidzin bin Haji Mohammad.



# Sembahyang Sunat Hari Raya Aidilfitri 1445 Hijrah / 2024 Masihi

## Daerah Temburong

**TEMBURONG**, Khamis, 11 April. - Dengan bertakwalah dapat membezakan antara orang-orang yang beriman dengan orang-orang yang tidak beriman.

Orang-orang yang beriman itu, mereka yang mendapat kemenangan dan menjadi ahli syurga.

Ganjaran syurga merupakan setinggi-tinggi pencapaian dan

destinasi terakhir dalam kehidupan insan yang bertakwa.

Perkara berkenaan antara inti pati Khutbah Hari Raya Aidilfitri 1445 Hijrah / 2024 Masihi dengan tajuk 'Ke Arah Menjadi Umat Yang Bertakwa' yang disampaikan oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid, Awang Haji Shafrillah bin Haji Ahmad di Masjid Utama Mohammad Salleh, Pekan Bangar, di sini

"Selama berada di bulan Ramadan, kita dilatih melaksanakan ibadah-ibadah fardu dan sunat seperti Sembahyang Fardu Isyak Berjemaah, Sembahyang Sunat Tarawih, bertadarus Al-Quran, qiamullail, bersahur, memperbanyakkan sedekah dan sebagainya.

"Semuanya itu merupakan hasil daripada didikan Ramadan yang boleh mendorong kita ke arah menjadi umat yang bertakwa.

"Ketahuilah, bahawa perjuangan untuk mewujudkan masyarakat

Oleh : Nooratini Haji Abas

Foto : Ak. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman

bertakwa ini menjadi tanggungjawab kita bersama sebagai umat Islam, maka seluruh umat Islam tanpa mengira latar belakang, kedudukan, bangsa dan pangkat serta darjat perlulah bergerak, berjuang dan bersatu memperkukuh kesatuan umat Islam," ujarnya lagi.

Sementara itu, Awang Haji Shafrillah juga mengingatkan agar janganlah kita sampai melakukan pembaziran dalam meraikan Aidilfitri kerana pembaziran itu dibenci oleh

Allah Subhanahu Wata'ala.

"Sambutlah Hari Raya ini dengan mengikut kemampuan masing-masing dan apa yang penting biarlah bersederhana kerana Islam mengajar kita melakukan sesuatu perkara secara bersederhana dan tidak membazir," tambah beliau dalam Khutbah kedua dengan membawakan tajuk 'Sambut Hari Raya Mengikut Kemampuan'.

Terdahulu, umat Islam di Daerah Temburong pagi ini menunaikan Sembahyang Sunat Hari Raya Aidilfitri Berjemaah di semua masjid, surau dan balai ibadat di daerah ini.

Sembahyang Sunat Hari Raya Aidilfitri di Masjid Utama Mohammad Salleh Pekan Bangar, diimamkan oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid, Awang Haji Shafrillah.

Menyertai para jemaah dalam menunaikan Sembahyang Sunat Hari Raya Aidilfitri ialah Pemangku Pegawai Daerah Temburong, Awang Mohamad Yassin bin Haji Ahmed.



PEGAWAI Hal Ehwal Masjid, Awang Haji Shafrillah bin Haji Ahmad mengimamkan dan membacakan Khutbah Sembahyang Sunat Hari Raya Aidilfitri di Masjid Utama Mohammad Salleh, Pekan Bangar (atas dan kanan).



## Pusat Da'wah Islamiah



Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani  
Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Khamis, 11 April. - Laungan takbir, tahlil dan tahmid pada 1 Syawal hari ini berkumandang menghiasi ruang angkasa Negara Brunei Darussalam menandakan puji syukur atas kurniaan Allah

atas kesempatan menyambut hari kemenangan setelah mengharungi ujian Ramadan dengan penuh sabar dan keimanan.

Dalam sama-sama mensyukuri nikmat yang kita raikan, Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) melalui Pusat Da'wah Islamiah (PDI) pagi tadi berkunjung ke Rumah



PENGARAH PDI, Awang Haji Abdul Rajid bin Haji Mohd. Salleh mengimamkan Sembahyang Sunat Hari Raya Aidilfitri semasa berkunjung ke Rumah Kegiatan Ugama Kampung Bebuloh (kiri dan atas).

Kegiatan Ugama Kampung Bebuloh bagi sama-sama menunaikan Sembahyang Sunat Hari Raya Aidilfitri 1445 Hijrah bersama para penduduk Kampung Bebuloh.

Acara dimulakan dengan Sembahyang Sunat Hari Raya Aidilfitri yang diimamkan oleh Pengarah PDI, Awang Haji Abdul Rajid bin Haji Mohd. Salleh. Sejurus selepas itu, Khutbah

Aidilfitri dibacakan oleh Penolong Pengarah, PDI, Awang Haji Ahmad Abdussalam bin Haji Abd. Rahman. Acara pagi itu juga diteruskan dengan penyerahan sumbangan Hari Raya Aidilfitri kepada lapan orang penerima yang disampaikan oleh Pengarah PDI.


Antara tujuan aktiviti seumpama ini diadakan ialah untuk sama-sama memeriahkan dan menghidupkan

sambutan Hari Raya Aidilfitri bersama mualaf khususnya yang berada di pedalaman di samping mengeratkan silaturahmi antara PDI dengan masyarakat di sekitarnya.

Ia juga merupakan salah satu sarana dakwah dan syiar serta menzahirkan rasa pemeduliaan pihak kerajaan khususnya PDI, KHEU kepada para mualaf yang berada di kawasan pedalaman.



# JUNJUNG ZIARAH HARI RAYA ERATKAN SILATURAHIM



DUTA Besar Istimewa dan Mutlak Thailand ke Negara Brunei Darussalam, Puan Yang Terutama Boosara Kanchanalai.

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Khamis, 11 April. - Istana Nurul Iman hari ini menerima kunjungan daripada orang-orang kenamaan dan pembesar-pembesar negara bagi sama-sama meraikan sambutan Hari Raya Aidilfitri dan menjunjung ziarah ke hadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang

Oleh : Marlinawaty Hussin  
Foto : Azmah Haji Ahad

Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha binti Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Mohamed Alam serta kerabat diraja yang lain.

Ketika ditemui Pelita Brunei, Duta Besar Istimewa dan Mutlak Thailand ke Negara Brunei Darussalam (NBD), Puan Yang Terutama Boosara Kanchanalai melahirkan rasa gembira kerana berpeluang meraikan sambutan Aidilfitri buat tahun kedua di Istana Nurul Iman dan merasakan suasana kemeriahan Hari Raya di negara ini.

Menurut Puan Yang Terutama, sambutan Hari Raya pada tahun ini adalah istimewa kerana negara ini juga meraikan Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan NBD Ke-40 Tahun, selain Sambutan Ulang Tahun Ke-40 Hubungan Diplomatik antara Thailand dan NBD.

"Tahun ini juga menjadi momen istimewa bagi saya sebagai warga Thailand kerana Hari Songkran, iaitu perayaan tahun baharu

tradisional Thailand akan diraikan semasa sambutan Hari Raya Aidilfitri.

"Terdapat persamaan dari segi kemeriahan antara perayaan Songkran dengan sambutan Hari Raya Aidilfitri, pada hari berkenaan kami akan mengambil peluang untuk berkumpul bersama ahli keluarga dan rakan, bersedekah dan berkongsi, serta meraikan sambutan tersebut bersama pelbagai lapisan masyarakat tempatan," jelas PYT.

Pada kesempatan itu, PYT turut menyebarkan ucapan Selamat Hari Raya Aidilfitri ke hadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri berserta kerabat diraja yang lain, dan masyarakat di negara ini.

Sementara itu, Ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Dayang Chong Chin Yee mengongsikan bahawa tahun ini merupakan kunjungan kali kedua Yang Berhormat ke Istana Nurul Iman bagi sama-sama memeriahkan sambutan Hari Raya Aidilfitri.

Menyentuh mengenai penekanan

rasa bersyukur dalam titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia semasa berkenan mengurniakan Titah Perutusan sempena Hari Raya Aidilfitri Tahun 1445 Hijrah / 2024 Masihi, Yang Berhormat menjelaskan bahawa rasa syukur atau terima kasih itu perlu disemai dalam diri setiap rakyat dan penduduk di negara ini atas keamanan dan keharmonian yang telah dikecapi masyarakat di bawah kepimpinan Kebawah DYMM.

Yang Berhormat menambah, beliau turut menzahirkan rasa berterima kasih atas kejayaan negara ini dalam menangani cabaran-cabaran yang telah dihadapi terutama semasa pandemik COVID-19 dan kemajuan yang dicapai dalam usaha mengatasi krisis tersebut.

"Saya berharap kita akan dapat melihat lebih banyak kemajuan melalui isu yang sudah dibincangkan dan cadangan yang telah dibentangkan pada Persidangan MMN baru-baru ini, di samping kejayaan negara



AHLI Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Dayang Chong Chin Yee.

dalam mencapai sasaran pertumbuhan ekonomi," ujar Yang Berhormat.

Yang Berhormat juga turut menyebarkan ucapan Selamat Hari Raya Aidilfitri ke hadapan majlis Kebawah DYMM dan kerabat diraja yang lain, juga kepada seluruh umat Islam di negara ini.

## Lebih 300 diraikan dalam majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri



**MENTIRI**, Jumaat, 12 April. - Lebih 300 orang yang terdiri daripada Anak-Anak Yatim, Orang Kurang Upaya, Muallaf dan Ibu tunggal diraikan dalam Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri.

Pemilik Syarikat Masjeffey Sendirian Berhad, Pengiran Haji

**PEMILIK** Syarikat Masjeffey Sendirian Berhad, Pengiran Haji Mohd. Jaafar bin Pengiran Haji Damit dan Pengurus Syarikat, Awang Saibudeen bin Jameel semasa menyampaikan sumbangan Hari Raya (kiri).

inisiatif syarikat ini telah dilaratkan kepada penerima daripada enam buah kampung di Mukim Mentiri ini," jelasnya pada majlis yang berlangsung di Mentiri, pagi ini.

Majlis dimeriahkan dengan penyampaian sumbangan Hari Raya oleh Pemilik Syarikat, Pengiran Haji Mohd. Jaafar dan Pengurus Syarikat, Awang Saibudeen bin Jameel.

Hadir pada majlis ini ialah Pemangku Ketua Kampung Kawasan 2, RPN Kampung Mentiri, Awang Haji Nizam bin Haji Julaihi.

■ Berita dan Foto : Ihsan Syarikat Masjeffey Sendirian Berhad



HADIR pada majlis tersebut ialah Pemangku Ketua Kampung Kawasan 2, RPN Kampung Mentiri, Awang Haji Nizam bin Haji Julaihi.

سورھنجاي قرحدمتن عوام  
SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM  
JABATAN PERDATA MENTERI | BRUNEI DARUSSALAM  
WWW.RECRUITMENT.GOV.BN | WWW.SPA.GOV.BN

## PENTING

### SILA LENGKAPKAN PROFIL PSCR 2.0 AWDA DENGAN BETUL DAN TERATUR

**BARU**

**IMPAK PROFIL PSCR 2.0 YANG TIDAK LENGKAP**

- ✗ Permohonan tidak akan diproses.
- ✗ Maklumat yang dihadapkan ke pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA) adalah tidak lengkap atau tidak teratur.

Laman Utama > Dashboard Saya > Status Permohonan Kerja

TIDAK DIPERAKUKAN

**DIANTARA SEBAB-SEBAB PROFIL PSCR 2.0 TIDAK LENGKAP / TERATUR**

- ✗ Melengkapkan maklumat latar belakang pendidikan di ruang yang tidak betul. sebagai contoh: mengemaskini pendidikan menengah (O level) di pendidikan tinggi
- ✗ Tidak memuatnaik transkrip bagi sijil kelulusan yang tidak menyatakan bidang kelulusan. sebagai contoh: Bachelor of Arts/Science/Education dan lain-lain
- ✗ Tidak melengkapkan Pengalaman Kerja Kerajaan dengan lengkap. memasukkan tangga gaji / tempoh perkhidmatan yang salah
- ✗ Tidak mengemaskini ruangan peperiksaan dan kursus bagi warga perkhidmatan awam.

**Sila sahkan bahawa maklumat di dalam profil adalah lengkap, kemaskini, betul dan teratur** semasa menghadapkan permohonan bagi jawatan yang dipohon.

Memahami bahawa maklumat profil yang tidak lengkap, kemaskini, betul dan teratur semasa menghadapkan permohonan jawatan kosong boleh mengakibatkan tidak menepati kelayakan seperti di dalam iklan, maka dengan sendirinya permohonan tidak akan diproses.



# Amalan Ziarah-Menziarahi

Khutbah Jumaat Negara Brunei Darussalam pada 2 Syawal 1445H/12 April 2024M

**Agama Islam telah menggariskan beberapa peraturan dan adab ketika berkunjung. Antaranya ialah:**

ASSALAMU'ALAIKUM



Memberi salam dan meminta izin terlebih dahulu sebelum masuk ke rumah yang hendak dizarahi



Hendaklah memperkenalkan diri sebelum masuk



Mengetuk pintu/ membunyikan loceng rumah dengan perlahan sekira-kira boleh didengar oleh tuan rumah/ penghuni rumah



Memilih masa dan waktu yang sesuai untuk berkunjung

## RUMAH TERBUKA



Bukanlah menjadi satu kewajiban sehingga membebankan

Hendaklah diadakan mengikut kemampuan masing-masing

Hendaklah mengikut lunas ajaran agama Islam

Tidak dicampuradukkan antara yang hak dengan yang batil



# KHUTBAH HARI RAYA AIDILFITRI 1445H / 2024M

Negara Brunei Darussalam

جبلن حال احوال مسجد  
JABATAN HAL EHWAL MASJID,  
KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA,  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

## KHUTBAH PERTAMA



### IBU BAPA

- ♥ Insan yang paling berjasa dalam hidup kita
- ♥ Keredhaan ibu bapa = Keredhaan Allah SWT

### Bagi mereka yang masih memiliki ibu bapa:

- ✓ Bersyukurlah
- ✓ Ambil peluang sementara mereka masih ada

### Bagi yang telah tiada:

Teruslah perbanyakkan doa semoga Allah SWT mengampunkan dosa mereka dan menempatkan mereka dalam kalangan hamba-hamba yang soleh

## KHUTBAH KEDUA

### Dalam merayakan Aidilfitri....



Jangan sampai  
melakukan pembaziran



Bersederhana



Sambut dengan mengikut  
kemampuan masing-  
masing



Jangan lupa keperitan dan  
kesengsaraan yang sedang  
dialami oleh saudara seagama  
kita yang berada di mana  
sahaja seperti saudara kita  
yang berada di Palestin



Bahagian Penyelidikan dan Perkembangan, Jabatan Hal Ehwal Masjid,  
Kementerian Hal Ehwal Ugama, Negara Brunei Darussalam



# Kesibukan kedai cuci kereta menjelang Aidilfitri



Oleh : Pg. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad  
Foto : Ak. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman



SUASANA sibuk di salah sebuah kedai mencuci kereta kelihatan orang ramai berpusu-pusu menggunakan perkhidmatan cuci kereta menjelang Aidilfitri malah ada juga yang menggunakan perkhidmatan pembersihan yang mendalam terhadap kereta-kereta mereka (atas dan kanan).

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Rabu, 10 April. - Hari Raya Aidilfitri telah menjelang tiba dan sudah tentu semua Muslimin dan Muslimat sibuk membuat persediaan bagi meraikan hari kemenangan umat Islam setelah sebulan berpuasa.

Rumah-rumah sudah pasti dihias cantik dan rapi selain dibersihkan agar kelihatan kemas bagi menyambut kedatangan para

tetamu yang berkunjung.

Selain itu, kenderaan yang digunakan untuk mengunjungi sanak saudara juga memainkan peranan yang penting.

Penampilan kereta yang dipandu juga menjadi perhatian tuan-tuan rumah dan tetamu yang lain apatah kereta yang dipandu adalah kereta mewah dan mahal.

Kereta mestilah bersih dan kelihatan berkilat terutama sekali

apabila tampil di waktu cuaca yang panas.

Pelita Brunei telah berkesempatan membuat tinjauan ke beberapa buah kedai mencuci kereta di negara ini.

Suasana sibuk kelihatan di sebuah kedai mencuci kereta berikutan orang ramai yang mahu mencuci kereta sebelum pulang ke kampung halaman bagi menyambut Hari Raya Aidilfitri bersama orang-

orang yang tersayang.

Terdapat kedai-kedai cuci kereta yang beratir agak panjang menunggu giliran untuk kenderaan mereka dicuci.

Para pelanggan semestinya sabar untuk menunggu giliran masing-masing asalkan kereta yang dipandu bersih dan berkilat.

Ada juga perkhidmatan cuci kereta ke rumah-rumah di mana pemilik kereta tidak perlu keluar rumah tetapi sebaliknya pencuci kereta yang ke rumah untuk mencuci kereta para pelanggan

mereka.

Perbezaan dari segi harga juga mungkin berbeza dari perkhidmatan mencuci di kedai kerana perkhidmatan mencuci kereta di rumah sudah pasti agak mahal sedikit memandangkan perkhidmatan yang disediakan adalah *door-to-door*.

Ada perkhidmatan cuci kereta yang buka sehingga malam pukul asalkan para pelanggan berpuas hati untuk memandu kereta yang bersih dan berkilat pada awal pagi Aidilfitri.

## 5 KESALAHAN PERINTAH PEKERJAAN, 2009 DICATATKAN



OPERASI tersebut adalah bagi memastikan Perintah Pekerjaan 2009 dipatuhi oleh para majikan.

Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Buruh

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Rabu, 10 April. - Bahagian Penguatkuasaan Undang-undang, Jabatan Buruh telah mengendalikan Operasi Siaga 71/2024 pada

2 April 2024, bertujuan untuk menguatkuasakan dan memastikan Perintah Pekerjaan 2009 dipatuhi oleh para majikan.

Pemeriksaan yang dijalankan

di sebuah kedai di kawasan Kampung Jaya Setia mendapati lima kesalahan di bawah Perintah Pekerjaan, 2009 yang dilakukan oleh majikan, iaitu Bab 10, majikan gagal menyediakan kontrak perkhidmatan secara bertulis kepada pekerja; Bab 39, majikan gagal membayar kerja lebih masa; Bab 70, gagal memberikan cuti pada Hari Kelepasan Awam yang diwartakan; Bab 71, gagal memberikan cuti tahunan; dan Bab 72, gagal memberikan cuti sakit yang disahkan oleh pengamal perubatan.

Bagi kesalahan melanggar Perintah Pekerjaan 2009, jika didapati, majikan boleh dikenakan denda kompaun tidak lebih daripada BND1,000 bagi kesalahan berkenaan.

Jika gagal membayar denda kompaun berkenaan, majikan akan dihadapkan ke mahkamah.

Sehubungan dengan itu, Jabatan Buruh ingin mengingatkan kepada majikan supaya sentiasa memantau hal ehwal kebajikan pekerja selaras dengan kehendak Perintah Pekerjaan, 2009 seperti penyediaan kontrak perkhidmatan secara bertulis kepada pekerja dan pembayaran gaji pekerja tepat pada



### Kanser Kolorektal

Kanser kolorektal adalah kanser no. 1 di kalangan lelaki dan no. 2 di kalangan wanita di Negara Brunei Darussalam.

Lelaki: 10 orang, Wanita: 5 orang

Kanser Kolorektal adalah penyebab bagi 22% kanser lelaki dan 12% kanser wanita

#### Faktor Risiko:

- Lelaki mempunyai risiko yang lebih tinggi dari wanita.
- Mempunyai ahli keluarga yang menghidap kanser kolorektal.
- Pernah menghidap kanser kolorektal.
- Berat badan yang berlebihan.
- Merokok.
- Tidak aktif.
- Diet yang rendah serat dan tinggi lemak.
- Meminum minuman keras yang berlebihan.

#### Langkah Pencegahan:

- Tidak merokok.
- Perbanyakkan memakan buah-buahan dan sayur-sayuran.
- Elakkan meminum minuman keras.
- Meningkatkan aktiviti fizikal.
- Pengesanan awal untuk kanser kolorektal.

#### Tanda-tanda kanser kolorektal:

- Perubahan dalam pergerakan usus.
- Darah dalam najis.
- Sakit perut yang berpanjangan.
- Kembung perut.
- Kurang selera makan.

Untuk maklumat lanjut mengenai Program Pemeriksaan Kanser Kolorektal, sila layari [www.ppkk.gov.bn](http://www.ppkk.gov.bn)

waktunya.

Para majikan adalah dinasihatkan untuk tidak menyalahgunakan Lesen Pekerja Asing dan melanggar akta di bawah Perintah Pekerjaan 2009.

Untuk maklumat lebih lanjut bolehlah berhubung dengan Jabatan Buruh di talian +673 2381848 (semasa waktu bekerja) atau +673 7298989 (di luar waktu bekerja).



# RAHSIA DI SEBALIK KEUNIKAN KEK KEPALA MEJA

Berita dan Foto : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Jumaat, 12 April. - Arus perubahan zaman sekarang antara pemicu kepada kepupusan tradisi dan budaya yang kian dilupakan sehingga golongan muda sekarang tidak mengetahui wujudnya sesuatu tradisi atau budaya yang dipakai oleh orang-orang dahulu.

Menjelangnya Hari Raya Aidilfitri, pelbagai hidangan kuih-muih yang lazat disajikan untuk para tetamu yang datang berkunjung ke rumah selain mengeratkan silaturahmi dan



saling bermaaf-maafan antara satu dengan yang lain.

Masyarakat kita terutama sekali generasi muda sekarang ini sudah pasti kebanyakan mereka belum mengetahui akan adanya Kek Kepala Meja yang merupakan satu tradisi dulu-dulu sebagai memulakan sesuatu ikatan antara lelaki dan perempuan.

Pendekatan Pelita Brunei bersama Pengiran Haji Ahmad bin Pengiran Haji Ismail, 74 tahun menceritakan bahawa Kek Kepala Meja yang dihidangkan oleh tuan rumah itu seakan satu petanda bahawa terdapatnya anak gadis

**KEK Kepala Meja yang dihidangkan oleh tuan rumah itu seakan satu petanda bahawa terdapatnya anak gadis yang belum mempunyai di rumah berkenaan (gambar sekadar hiasan).**

yang belum mempunyai di rumah berkenaan.

Menurut Pengiran Haji Ahmad, tradisi yang sudah lama tidak dipraktikkan itu tidak diketahui bila sejarah awal ia bermula namun sekitar tahun 60an sehingga hampir 80an ia masih diguna pakai bagi si jejak yang datang ke rumah gadis yang menambat hati sebagai syarat hendak menjalinkan hubungan.

Kebanyakan pada ketika itu, tambahnya, setelah si jejak itu memotong Kek Kepala Meja itu, seterusnya akan menghulurkan wang tunai sebagai sagu hati yang diletakkan di tepi sisi kek yang dihidangkan itu.

"Kek Kepala Meja yang dihidangkan itu disusun di atas meja dengan kedudukan di tengah dengan dikelilingi kuih muih yang lain serta minuman di setiap penjuru dan ditutup dengan kain kasa," tambahnya.

Selain itu, katanya, penyediaan Kek Kepala Meja juga ada yang ditulis nama atas kek tersebut

dan ada juga yang menyediakan beberapa biji kek mengikut jumlah anak dara yang terdapat dalam rumah berkenaan.

Kek Kepala Meja itu, ujarnya, dihias dengan begitu indah sambil disediakan sebilah pisau pemotong kek untuk si jejak yang datang berkunjung di hadapan orang tua gadis itu kerana anak dara mereka tidak dibenarkan keluar bertemu si jejak itu secara langsung.

Begitulah tradisi Kek Kepala Meja yang merupakan sebagai penghubung awal ikatan antara si jejak dan anak gadis sehingga kebanyakannya membawa kepada hubungan suami isteri.

Tradisi seumpama ini juga menandakan sebagai membuktikan keberanian anak lelaki itu seakan menjadi simbol untuk memohon kebenaran awal perkenalan kepada anak gadis yang dihajati untuk disunting menjadi teman wanita si jejak tersebut.



**PENGIRAN Haji Ahmad bin Pengiran Haji Ismail.**

Justeru, adakah tradisi boleh dipraktikkan dalam zaman sekarang? Apa pun harus disertakan dengan niat yang ikhlas dan tulus lebih-lebih lagi untuk memohon izin perkenalan daripada orang tua kepada anak gadis yang berkenan di hati.

## Amalan ziarah perkukuhkan ukhuwah

Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani  
Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Jumaat, 12 April. - Bulan Syawal setentunya memberi makna kepada semua umat Islam sebagai bulan kemenangan menyambut Hari Raya Aidilfitri setelah sempurnanya kita menunaikan Ibadah Puasa di Bulan Ramadan.

Kemeriahan bulan Syawal juga turut diserikan dengan tradisi bermaaf-maafan serta ziarah-menziarahi dan kunjung-mengunjungi antara satu sama lain. Amalan ziarah amat dituntut dalam Islam bagi seseorang Muslim dan tidak sempurna imannya sekiranya

ia tidak menghubungkan silaturahmi sesama mereka.

Tradisi tersebut juga dapat merapatkan silaturahmi dan menyemai nilai kasih sayang dan terdapat sesetengah masyarakat di negara ini gemar membuat konvoi raya semasa menjalankan aktiviti kunjung-mengunjungi.

Menurut Dayangku Masadriana binti Pengiran Mohd. Mokhtar dari Kampung Mengkubau menjelaskan bahawa amalan ziarah atau kunjung-mengunjungi merupakan salah satu cara untuk kita mengeratkan dan mengukuhkan lagi silaturahmi yang sedia ada.

Tambahnya, ia memberi manfaat yang amat besar kepada kita

menjadikan yang jauh menjadi dekat, yang bersengketa menjadi damai, yang renggang menjadi rapat dan sebagainya.

Walaupun amalan ziarah-menziarahi terutamanya menziarahi saudara-saudara terdekat, sahabat handai, jiran tetangga dan sebagainya menjadi tradisi hari raya, namun sesetengah kita tidak sedar bahawa amalan tersebut juga perlu dilakukan di luar musim-musim perayaan atau sambutan-sambutan tertentu.

Justeru, adalah menjadi harapan agar ziarah-menziarahi dan kunjung-mengunjungi ini turut diberi perhatian dan menjadi tradisi yang diamalkan bukan hanya semasa perayaan sahaja tetapi juga seperti Hari Raya Puasa ataupun Hari Raya Haji mahupun kunjungan pada hari biasa agar jalinan silaturahmi sesama kaum keluarga, saudara mara, sahabat handai dan yang lainnya akan terus bertambah erat dan kukuh.

**AMALAN ziarah atau kunjung-mengunjungi merupakan salah satu cara untuk kita mengeratkan dan mengukuhkan lagi silaturahmi yang sedia ada.**



## Penambahbaikan TAFIS, peralihan portal e-Invoice ditukar menjadi Government Vendor Portal

Siaran Akhbar : Kementerian Kewangan dan Ekonomi

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Rabu, 10 April. - Berikutan dengan penambahbaikan ke atas Treasury Accounting and Financial Information System (TAFIS), Jabatan Perbendaharaan, Kementerian Kewangan dan Ekonomi dengan ini memaklumkan bahawa mulai 1 April, 2024, portal e-Invoice telah melalui proses peralihan dan ditukar menjadi Government Vendor Portal.

Government Vendor Portal ini adalah portal layan sendiri (*self-service*), yang akan membolehkan pembekal-pembekal (*vendors*)

yang berminat untuk menyertai sebut harga ataupun tawaran yang dikeluarkan oleh kementerian-kementerian dan jabatan-jabatan; serta menghadapi tuntutan atau inoivis setelah memberikan khidmat pembekalan atau perkhidmatan kerja kepada mana-mana agensi kerajaan.

Kementerian dan jabatan tidak akan dapat memproses apa jua tuntutan atau pesanan sama ada bagi pembekalan atau perkhidmatan kerajaan kepada mana-mana pembekal yang belum berdaftar di dalam Government

Vendor Portal.

Pembekal-pembekal yang sudah pernah berdaftar di dalam portal e-invoice adalah diperlukan untuk mendaftar semula di dalam Government Vendor Portal dengan seberapa segera yang boleh.

Pembekal-pembekal yang memerlukan bantuan untuk mendaftar di dalam Government Vendor Portal adalah digalakkan untuk mengikuti sesi Vendor Clinic pada tarikh dan tempat seperti berikut iaitu 1 April 2024 hingga 30 April 2024 (semasa waktu pejabat) bertempat di Bilik Mesyuarat 3, Tingkat 1, Bangunan Kementerian Kewangan dan Ekonomi.

## Produk suplemen kesihatan mengandungi 'beni-koji'

Siaran Akhbar : Kementerian Kesihatan

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Rabu, 10 April. - Kementerian Kesihatan ingin memaklumkan susulan daripada terdapatnya laporan di akhbar-akhbar dan media mengenai penarikan balik produk-produk suplemen kesihatan oleh pengilang syarikat Kobayashi Pharmaceutical Co., Jepun bagi produk suplemen kesihatan yang mengandungi 'beni-koji' atau *red yeast rice*.

Produk suplemen kesihatan yang terjejas dikenal pasti dipasarkan dengan beberapa jenama, iaitu Beni-koji choleste-help (Red yeast rice cholesterol help); Nattokinase Smooth Grain Gold and Naishi-help plus cholesterol.

Penarikan balik produk-produk berkenaan oleh syarikat Kobayashi Pharmaceutical Co., Jepun adalah disebabkan negara Jepun telah melaporkan lima kematian dan 196 kes pesakit yang dirawat di hospital (setakat 4 April 2024).

Kes-kes berkenaan telah pun dikaitkan dengan pengambilan produk kesihatan yang mengandungi 'beni-koji' atau *red yeast rice* yang dikilangkan oleh syarikat Kobayashi Pharmaceutical Co., Jepun. Sebab kematian dan pesakit dimasukkan ke hospital adalah masih dalam siasatan pihak berkuasa negara Jepun dan pihak pengilang.

Beni-koji atau *red yeast rice* adalah bahan yang diekstrak daripada proses *fermentation* atau penapaian beras dengan menggunakan sejenis yis yang dikenali sebagai *Monascus purpureus*.

Antara bahan yang diekstrak daripada proses 'fermentation' beras dengan *Monascus purpureus*, adalah satu bahan aktif semula jadi yang dikenali sebagai Monocolin-K.

Struktur kimia Monocolin-K adalah sama dengan struktur ubat farmaseutikal *lovastatin* yang berfungsi untuk mengawal tahap kolesterol dalam darah.

Beni-koji atau *red yeast rice* juga digunakan sebagai bahan dalam makanan seperti di dalam produk minuman, sup, bahan pewarna dan bahan perisa makanan.

Jabatan Perkhidmatan Farmasi, Kementerian Kesihatan tidak pernah mengeluarkan kebenaran untuk mengimport dan menjual produk suplemen kesihatan yang mengandungi 'beni-koji' atau *red yeast rice* yang dikilangkan oleh Syarikat Kobayashi Pharmaceutical Co., Jepun, di Negara Brunei Darussalam.

Orang ramai yang menggunakan produk-produk berkenaan adalah dinasihatkan untuk memberhentikan pengambilannya dengan serta merta dan mana-mana produk dalam simpanan untuk dikembalikan balik ke agen pembekal ataupun dimusnahkan.

Orang ramai adalah juga dinasihatkan untuk terlebih dahulu berbincang dengan doktor atau pegawai farmasi sebelum mengambil mana-mana produk suplemen kesihatan.

Produk suplemen kesihatan termasuk produk yang mengandungi 'beni-koji' atau *red yeast rice* adalah berpotensi untuk berinteraksi dengan ubat-ubatan yang sedang diambil oleh para pesakit.

Ini boleh menyebabkan kesan advers atau sampingan yang tidak diingini dan boleh menjejaskan rawatan penyakit yang sedia ada.

Kementerian Kesihatan akan terus menjalankan pemantauan secara berterusan dan keselamatan orang ramai adalah menjadi keutamaan.

Untuk makluman dan pertanyaan lanjut, orang ramai bolehlah menghubungi Bahagian Regulatori Produk melalui talian telefon +673 2393301 atau +673 2393230 sambungan 225 atau menghantar e-mel kepada [tmhs.unit@moh.gov.bn](mailto:tmhs.unit@moh.gov.bn) atau menghubungi Talian Darussalam 123.



# TAKBIR RAYA TANDA KESYUKURAN KEPADA ALLAH SUBHANAHU WATA'ALA

Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi

Foto : Ihsan Ahli Jawatankuasa Takmir Masjid Kampung Pintu Malim

## >> Muka 1

Takbir Raya merupakan cara untuk kita mengagungkan dan membesarkan Allah Subhanahu Wata'ala sebagai tanda kesyukuran kepada-Nya setelah berjaya menunaikan ibadah berpuasa sebulan lamanya dalam bulan Ramadan.

Justeru itu, salah satu cara untuk menghidupkan malam raya adalah dengan melafazkan Takbir Raya Aidilfitri.

Sabda Rasulullah : *"Barang siapa menghidupkan (dengan ibadah) pada malam dua Hari Raya kerana mengharap pahala Allah, maka hatinya tidak akan mati di hari semua hati mati".* - [HR Ibn Majah 1772].

Kita juga disunatkan untuk melakukannya tanpa mengira waktu dan tempat bermula terbenamnya matahari pada akhir bulan Ramadan sehinggalah imam mengangkat Takbiratul Ihram untuk menunaikan Solat Aidilfitri.

Takbir Raya juga dikategorikan sebagai Takbir Mursal (juga dikenali sebagai Takbir Mutlak) kerana pelaksanaannya tidak terikat

dengan waktu solat.

Takbir berkenaan boleh dimulakan pada malam Hari Raya Aidilfitri, iaitu selepas terbenamnya matahari (masuk waktu Maghrib) 1 Syawal sehingga Takbiratul Ihram Sembahyang Hari Raya Aidilfitri.

Kita digalakkan bertakbir sepanjang malam antara dua waktu berkenaan.

Tujuan melaungkan takbir adalah untuk mengagungkan Allah Subhanahu Wata'ala pada hari-hari yang kita digalakkan oleh syarak untuk merayakannya.

Inilah syiar dan simbol agama kita yang hendaklah kita sungguh-sungguh meraikannya sebagai tanda komitmen dan kepatuhan kita kepada Tuhan Yang Esa.

Takbir pada Hari Raya merupakan perkara yang disunatkan berdasarkan firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al-Baqarah, ayat 185 yang bermaksud : *"Supaya kamu cukupkan bilangan puasa (sebulan Ramadan), supaya kamu membesarkan Allah kerana mendapat petunjuk-Nya dan mudah-mudahan kamu bersyukur".*



TAKBIR Raya merupakan cara kita untuk mengagungkan dan membesarkan Allah Subhanahu Wata'ala sebagai tanda kesyukuran kepada-Nya setelah berjaya menunaikan ibadah berpuasa sebulan lamanya dalam bulan Ramadan.

## Terus istiqamah, berpegang teguh dengan perintah Allah



SEKITAR Program Siri Tadabbur Al-Quran 7.0 bagi minggu terakhir Ramadan yang diadakan di Dewan Serbaguna, Pusat Da'wah Islamiah (atas kanan) manakala gambar atas kiri, salah sorang peserta ketika berinteraksi bersama penceramah.

**PULAIE**, Rabu, 10 April. - Badan Sukarelawan Belia Da'ie dengan sokongan Urus Setia Program Keugamaan Belia, Pusat Da'wah Islamiah (PDI) meneruskan Program Siri Tadabbur Al-Quran 7.0 bagi minggu terakhir Ramadan di Dewan Serbaguna, PDI, di sini.

Dengan tajuk 'Ramadan Pergi, Ibadah Jangan Berhenti' petikan dari Surah Hud, ayat 112 hingga 115 disampaikan oleh Penolong Pengarah, PDI, Awang Haji Ahmad Abdussalam bin Haji Abd Rahman.

Antara pengisiannya menekankan tentang kepentingan istiqamah dengan berpegang teguh pada 'dinullah' (ugama/perintah Allah) kerana menurut Ibn 'Abbas

R.A, ayat 114 merupakan tuntutan yang paling berat di dalam Al-Quran. Beliau juga menerangkan tiga bahagian istiqamah iaitu dengan lisan (terjaga lisan dalam hal umum & akidah), dengan hati (niat yang betul dan ikhlas) dan dengan jiwa (terus beribadah dan taat kepada Allah).

Begitu juga beberapa cabaran istiqamah mempertahankan kebenaran itu ialah mudah dan cepat kecewa serta putus asa, oleh itu surah ini berfungsi sebagai penenang hati Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam kerana para al-anbiya terdahulu juga pernah diuji dengan penentangan kaum mereka.

Terakhir penceramah mengongsikan tips dan cara untuk istiqamah iaitu niat, berkawan dengan orang soleh, berada di persekitaran yang baik, berdoa, tahu akan pahala istiqamah, hindari penyakit-penyakit hati dan memperbanyak istighfar.

Juga empat rukun-rukun istiqamah yang perlu dijaga iaitu tidak melampaui batas dalam menjalankan perintah Allah, tidak cenderung kepada orang zalim, mendirikan solat fardu lima waktu dan bersikap sabar.

Pada minggu terakhir ini juga diteruskan lagi dengan segmen khas iaitu sesi kuiz secara 'online' yang dikelolakan oleh ahli

Siaran Akhbar dan Foto : Pusat Da'wah Islamiah



jawatankuasa Belia Da'ie sebagai pengukuhan pengetahuan dan kefahaman orang awam terhadap ayat-ayat yang telah ditadabburi.

Alhamdulillah, sambutan orang ramai adalah amat menggalakkan.

Seramai 70 orang telah menghadiri program tersebut yang terdiri daripada kalangan para Asatizah Negara Brunei Darussalam, pegawai-pegawai kerajaan, golongan pesara, para belia termasuk NGO luar, mahasiswa dan mahasiswi universiti, para alumni Akademi Dakwah dan juga persendirian. Rakaman program ini juga boleh didapati di Instagram rasmi Belia Da'ie .

Diharapkan semoga program Siri Tadabbur Al-Quran 7.0 ini menjadi salah satu usaha para belia dalam menjalankan amar ma'ruf di Negara Brunei Darussalam agar dapat melahirkan lebih ramai masyarakat yang cintakan Al-Quran dengan menjadikan amalan pembacaan dan tadabbur Al-Quran sebagai amalan sepanjang hayat bagi memperoleh keberkatan dan syafaat di akhirat kelak.

Justeru, orang ramai dialu-alukan untuk mengikuti Instagram rasmi Belia Da'ie (@beliadaie) bagi maklumat lanjut mengenai bakal-bakal program yang akan dilaksanakan dari semasa ke semasa.



# TANAI TANGGUNGJAWAB, AMANAH MELAKSANAKAN TUGAS

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid  
Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas



HARI Raya Aidilfitri adalah masa yang istimewa untuk bersama keluarga dan rakan-rakan, memperkuat ikatan keluarga dan mengeratkan hubungan silaturahmi namun bertugas semasa Hari Raya Aidilfitri adalah satu amanah.

**SERASA**, Jumaat, 12 April. - Hari Raya Aidilfitri adalah masa yang istimewa untuk bersama keluarga dan rakan-rakan, memperkuat ikatan keluarga dan mengeratkan hubungan silaturahmi serta melawat dan bertemu orang yang tersayang setahun sekali.

Selain meraikan Hari Raya Aidilfitri bersama keluarga dan kawan-kawan, ia juga merupakan saat yang menggembirakan, namun tidak semua orang berkesempatan untuk meluangkan masa Hari Raya pertama mereka dengan orang yang tersayang.

Kakitangan yang bekerja di hospital, gedung-gedung perniagaan, di lapangan terbang

tidak terkecuali kerana bertugas untuk bangsa dan negara. Malah ada di antara mereka yang terlepas merayakan Hari Raya Aidilfitri khususnya pada awal bulan Syawal untuk beberapa tahun akan tetapi mereka semua tetap mempunyai satu tujuan iaitu tugas dan tanggungjawab mereka untuk menyera keluarga.

Secara lazimnya, apabila menjelang Hari Raya Aidilfitri, ramai yang akan mula sibuk menghiasi rumah dan menyediakan baju raya untuk dipakai di pagi raya. Seperti lazimnya, bagi mereka, perayaan Aidilfitri bermula dengan Sembahyang Sunat Hari Raya dan Takbir Raya.

Pelita Brunei sempat menemu

bual salah seorang petugas sebagai wartawan di salah sebuah agensi media di negara ini, Dayang Rokiah Mahmud di mana beliau mengongsikan bahawa bertugas semasa Hari Raya Aidilfitri adalah satu amanah malah ketika membuat berita mengenai liputan suasana hari raya sudah cukup bagi diri beliau bagi sama-sama merasa kegembiraan dan juga kemeriahannya.

"Walaupun terpaksa bertugas, namun di hati masih dekat dengan keluarga, tugas sebagai wartawan semestinya berwarna warni dapat melihat suka duka orang-orang yang menjalani kehidupan seharian dan saya amat bersyukur," jelasnya.

## RTB sajikan rancangan menarik sempena Hari Raya Aidilfitri

Siaran Akhbar : Radio Televisyen Brunei

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Rabu, 10 April. - Sempena Sambutan Hari Raya Aidilfitri tahun ini, Radio Televisyen Brunei (RTB) akan menyiarkan rancangan menarik melalui saluran televisyen RTB Perdana, RTB Aneka dan RTB Sukmaindera dan rangkaian radio Nasional FM, Pilihan FM, Pelangi FM, Harmoni FM dan Nur Islam FM.

Program TV akan menyiarkan rancangan-rancangan hiburan seperti 'Santai Sabtu Berhari Raya', 'Senandung Dakwah Edisi Raya', 'Melodi Raya', 'Cahaya Syawal', '1Famili Raya', 'Gembira Ria Di Hari Raya', 'Riuh-Riuh Raya', 'Hari Raya Komedi' dan rancangan memasak kompetitif seperti rancangan 'Dapur Terbuka' di mana para peserta berbakat bersaing untuk mempamerkan kemahiran memasak mereka.

Selain daripada itu, Program TV juga akan menghidangkan rancangan-rancangan temu bual seperti 'Misi Superstar Edisi Raya', 'Cultural Literacies Raya Edition', 'Ceria Raya' dan juga rancangan drama seperti 'Misi 4 Sekawan Edisi Raya', 'Cendol VS Wajid' dan 'Pasti Raya'.

Dalam menyerikan lagi sambutan Hari Raya Aidilfitri, kelima-lima rangkaian Radio Brunei (RTB) akan turut menyiarkan rancangan-rancangan menarik antaranya 'Riuh Malam Raya', 'Pikirkan Tia', 'Wow! Drama Raya', 'Mukun MOU', 'Sembang-Sembang Malam Raya' dan 'Raya O Raya' yang akan ke udara bermula malam pukul.

Sambutan Hari Raya turut dimeriahkan lagi dengan adanya program-program seperti 'Eid Fitri Capsule', 'Hari Raya Quiz', 'Raya Recipe', 'Raya Pikat Line Raya', 'Drama Khas Sempena Hari Raya Aidilfitri: Keluargaku', 'Rentak Retro Raya', 'Celebrating Eid: Guidance & Gratitude' dan sebagainya yang akan ke udara bermula Hari Raya pertama dan seterusnya.

Bertugas pada Aidilfitri, ujarnya lagi bukan perkara asing buat kakitangan media kerajaan mahupun swasta yang sentiasa bersiap sedia walaupun ia bermula sejak Hari Raya pertama lagi.

Kata beliau, sekiranya tugas

yang dilaksanakan dilakukan dengan hati yang ikhlas dan rasa tanggungjawab pasti ada ganjaran tidak ternilai daripada Allah Subhanahu Wata'ala walaupun hati terasa sedih kerana tidak ada peluang beraya bersama keluarga.

## Dekorasi, hiasan dalaman rumah serikan suasana raya

Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman  
Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman



**SUDAH** menjadi kelaziman setiap kali menjelang Hari Raya Aidilfitri, pemilik kediaman atau tuan rumah akan sibuk melakukan persiapan terutamanya menghias ruang tamu, mengubah dekorasi dan hiasan dalaman rumah dan juga luar rumah (atas dan kanan).

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Rabu, 10 April. - Sudah menjadi kelaziman setiap kali menjelang Hari Raya Aidilfitri, pemilik kediaman atau tuan rumah akan sibuk melakukan persiapan terutamanya menghias ruang tamu, mengubah dekorasi dan hiasan dalaman rumah bagi memastikan rumah kita tampil berseri dan cantik terutamanya apabila menerima kunjungan daripada tetamu untuk berziarah

nanti.

Hiasan rumah merupakan salah satu elemen penting dalam merayakan perayaan yang penuh bermakna ini dengan pelbagai pilihan dekorasi yang mampu mewujudkan keceriaan dan kemeriahan.

Menghias rumah juga terpulung kepada kreativiti pemilik kediaman masing-masing, ada yang lebih gemar kepada gaya moden, ada

pula lebih memilih kepada tema klasik dan mungkin ada juga yang lebih suka kepada pengayaan mudah atau minimalist.

Antara dekorasi yang sering dapat kita saksikan di ruang-ruang tamu terutamanya semasa meraikan lebaran ialah hiasan bunga-bunga segar ataupun tiruan yang setentunya menarik mata memandang.

Meletakkan bunga-bunga sahaja boleh meningkatkan suasana sesuatu ruangan secara drastik dan akan menyerlahkan lagi keindahan bilik berkenaan.

Di atas meja juga turut diletakkan dengan bekas-bekas simpanan kuih-muih, biskut atau kek dalam pelbagai bentuk dan warna.

Selain perabot dan meja, permaidani dan juga langsir turut memainkan peranan penting dalam menimbulkan seri ruang berkenaan.

Malah tidak lengkap rasanya jika dinding-dinding ruang tamu tidak dihiasi dengan bingkai gambar potret keluarga mahupun bingkai kaligrafi yang mempamerkan ayat-ayat suci.

Dalam meningkatkan lagi suasana raya, dekorasi lampu-lampu kecil berbentuk lilin yang dipasang menggunakan bateri juga menjadi pilihan ramai pada masa ini.

Manakala, bagi yang inginkan



suasana raya seperti zaman dahulu bolehlah menghias ruang tamu dengan dekorasi anyaman ketupat yang cukup mudah diperoleh dan dijual di kedai-kedai semasa musim perayaan ini.

Malah di kawasan sekeliling halaman rumah, juga turut dipasang lampu-lampu pelita dan cucul berwarna-warni bagi menambahkan lagi seri sambutan Hari Raya Aidilfitri.

Pastinya, ada banyak cara yang

boleh kita lakukan untuk mewujudkan keceriaan bagi kediaman kita.

Melalui hiasan-hiasan berkenaan, sambutan Hari Raya di rumah menjadi lebih bermakna dan meriah bagi semua yang terlibat.

Ia bukan hanya sekadar hiasan semata-mata, tetapi satu ungkapan kesyukuran yang memperindah suasana perayaan dan mengukuhkan nilai-nilai kekeluargaan yang diwarisi dari generasi ke generasi.





## Amalan ziarah-menziarahi

sahabat handai, jiran tetangga dengan mengadakan rumah terbuka.

Amalan ziarah-menziarahi dan mengadakan rumah terbuka mempunyai banyak hikmah dan kelebihan yang sangat bermakna bagi umat Islam terutama sekali dalam menghubungkan dan merapatkan lagi ikatan persaudaraan sesama Islam. Agama Islam menyeru umatnya agar sentiasa berusaha terutama memperbaiki dan mempertingkatkan ikatan silaturahim dan ukhuwah sesama insan, apatah lagi sesama Islam. Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al-Hujurat, ayat 10 :

**Tafsirnya :** "Sesungguhnya orang-orang beriman itu bersaudara, maka damaikanlah antara dua saudara kamu (yang bertelingkah) itu dan bertakwalah kepada Allah supaya kamu beroleh rahmat".

Berziarah adalah amalan yang dituntut di dalam agama Islam yang patut kita pelihara dan hidupkan. Ini kerana amalan ini mempunyai fadilat dan kelebihan. Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam dalam hadis Baginda ada menyebutkan perihal kelebihan ataupun fadilat ziarah. Daripada Abu Hurairah Radiallahuanhu berkata, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda :

**Maksudnya :** "Barang siapa menziarahi orang sakit atau menziarahi saudaranya sesama Islam semata-mata untuk mendapatkan keredaan Allah, nescaya malaikat akan mendoakannya dengan berkata : Engkau telah mendapatkan kebaikan hidup (di dunia dan di akhirat) dan engkau telah menempatkan atau

menyediakan bagi dirimu satu martabat yang tinggi di syurga". (Hadis Riwayat Imam Termizi)

Sesungguhnya amalan ziarah-menziarahi atau kunjung-mengunjungi memberi manfaat yang amat besar. Amalan ziarah-menziarahi membolehkan hubungan yang jauh menjadi dekat, yang renggang menjadi rapat, yang bersengketa menjadi damai dan sebagainya. Maka dengan amalan ziarah akan terbentuklah satu ikatan kasih sayang yang dapat mengeratkan sesama insan serta mengeratkan hubungan silaturahim. Dengan hubungan silaturahim ini, kita akan dapat saling kenal-mengenal antara satu sama lain, hormat-menghormati, saling bekerjasama dan fahami-memahami sesama kita.

Dalam pada itu, agama Islam telah menggariskan beberapa peraturan dan adab ketika kita berkunjung. Antaranya ialah :

**Pertama :** Memberi salam dan meminta izin terlebih dahulu sebelum masuk ke rumah yang hendak diziarahi.

**Kedua :** Mengetuk pintu atau membunyikan lonceng rumah dengan perlahan sekira-kira boleh didengar oleh tuan rumah atau penghuni rumah.

**Ketiga :** Hendaklah memperkenalkan diri sebelum masuk.

Perlu diingat, bagi mereka yang hendak pergi berziarah agar memilih masa dan waktu yang sesuai untuk berkunjung. Sesungguhnya pemilihan waktu berziarah yang bersesuaian ini dapat memberi peluang kepada tuan atau penghuni rumah

tersebut bersedia menerima pengunjung dengan selesa.

Sebagaimana lazimnya di negara kita, Sambutan Hari Raya diadakan dalam pelbagai bentuk majlis seperti mengadakan rumah terbuka. Amalan ini adalah amalan yang berkebakikan kerana boleh mengeratkan hubungan silaturahim dan boleh menghimpunkan saudara-mara yang jauh dan yang dekat. Walau bagaimanapun, mengadakan rumah terbuka ini bukanlah menjadi satu kewajiban sehingga membebaskan dan hendaklah diadakan mengikut kemampuan masing-masing.

Ingatlah, apa yang penting majlis tersebut hendaklah mengikut lunas ajaran agama Islam dan tidak dicampuradukkan di antara yang hak dengan yang batil seperti pergaulan bebas dan bersalaman antara lelaki dan perempuan yang bukan mahram dan bersuka ria tanpa batas.

Akhirnya, sama-samalah kita menjaga kesucian Aidilfitri dengan sentiasa menjaga adab dan tingkah laku dalam meraikan Hari Raya yang mulia ini. Kita berdoa semoga Hari Raya ini akan dapat mengeratkan lagi hubungan silaturahim sesama kita. Mudah-mudahan apa yang kita lakukan di Hari Raya ini akan mendapat keredaan Allah Subhanahu Wata'ala. *Amin Ya Rabbal Alamin.*

**Tafsirnya :** "Dan janganlah kamu campur adukkan yang hak dengan yang batil dan janganlah kamu sembunyikan yang hak sedang kamu mengetahuinya". (Surah Al-Baqarah, ayat 42)

## 4,111 mushaf UNISSA diserahkan ke sekolah-sekolah Arab

Siaran Akhbar dan Foto :  
Universiti Islam Sultan Sharif Ali



REKTOR UNISSA, Dr. Awang Haji Norarfan bin Haji Zainal dan Penolong Rektor (Penyelidikan, Antarabangsa dan Perkhidmatan) UNISSA, Dr. Arman bin Haji Asmad ketika menyampaikan Mushaf UNISSA di sekolah-sekolah Arab yang terpilih (atas dan kanan).

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Rabu, 10 April. - Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) melalui Unit Penerbitan Mushaf menyerahkan mushaf UNISSA ke Sekolah-sekolah Arab di Negara Brunei Darussalam (NBD).

Penyerahan mushaf UNISSA ke Sekolah Menengah Arab Laki-laki Hassanah Bolkiah dan Sekolah Arab Temburong

disampaikan oleh Rektor UNISSA, Dr. Awang Haji Norarfan bin Haji Zainal.

Seterusnya penyerahan mushaf UNISSA ke Sekolah Arab Sultan Haji Hassanah Bolkiah, Sekolah Ugama Arab Menengah Perempuan Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha dan Sekolah Persediaan Arab Bandar Seri Begawan masing-masing disampaikan oleh

Penolong Rektor (Akademik), UNISSA, Profesor Madya Dr. Siti Sara binti Haji Ahmad; dan Penolong Rektor Hal Ehwal Pelajar dan Alumni, UNISSA, Dr. Hajah Lilly Suzana binti Haji Shamsu.

Sementara itu, penyerahan mushaf UNISSA ke Mahad Islam Brunei dan Sekolah Arab Belait pula disampaikan oleh Penolong Rektor

(Penyelidikan, Antarabangsa dan Perkhidmatan), UNISSA, Dr. Arman bin Haji Asmad.

Sejumlah 4,111 buah mushaf diserahkan kepada sekolah-sekolah berkenaan untuk kegunaan para pelajar dan juga guru-guru di sekolah berkenaan.

Mushaf UNISSA yang merupakan hasil tulisan anak tempatan pertama NBD mula digunakan buat julung kalinya

sebagai kepala perarakan Majlis Hafl Al-Takharrij UNISSA Ke-10 yang diadakan pada 9 November 2020.

Sejak penerbitannya, sejumlah lebih 6,500 ribu naskah wakaf mushaf UNISSA diagihkan kepada pihak-pihak yang berkenaan termasuk masyarakat luar negara seperti Indonesia, Malaysia, Thailand, Kemboja dan Singapura.





# OPERASI KABAT : 2 WARGANEGARA ASING DITAHAN



**BELAIT**, Rabu, 10 April. - Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan (JIPK) melalui Bahagian Penguatkuasa Undang-Undang, Cawangan Kuala Belait telah melaksanakan operasi penguatkuasa undang-undang

Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan (JIPK) melalui Bahagian Penguatkuasa Undang-Undang, Cawangan Kuala Belait semasa melaksanakan Operasi Kabat JIPK 2024 yang menyasarkan kawasan awam di Mukim Belait.

**Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan**

di bawah Operasi Kabat JIPK 2024 yang menyasarkan kepada kawasan awam di Mukim Belait. Menurut siaran akhbar yang dikeluarkan mengenai maklumat berkenaan Operasi Kabat 47/2024, telah menyasarkan sebuah rumah di Mukim Belait, yang mana hasil operasi pemeriksaan dilaksanakan kepada dua orang warganegara asing. Kedua-dua individu telah pun ditahan dan dibawa ke Bahagian Penguatkuasa Undang-Undang bagi siasatan lanjut, yang mana salah seorang daripadanya dipercayai melakukan kesalahan di bawah Peraturan 15(2), Peraturan Imigresen Penggal 17 iaitu bekerja bukan dengan majikan asal. Manakala itu, seorang lagi dipercayai melakukan kesalahan di bawah Peraturan 35(1), Peraturan Imigresen Penggal 17 iaitu mengambil pekerja tanpa pengetahuan majikan asal. Bagi maklumat berhubung dengan pesalah Imigresen, JIPK mengalu-alukan orang ramai untuk menghubungi talian Hotline JIPK menerusi talian +673 8734888 atau +673 8753888 (Bandar Seri Begawan) atau +673 8984111 (Kuala Belait).

## Operasi Siaga pastikan Perintah Pekerjaan dipatuhi

**Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Buruh**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Rabu, 10 April. - Bahagian Penguatkuasaan Undang-Undang, Jabatan Buruh telah mengendalikan Operasi Siaga 64/2024 pada 25 Mac 2024 bertujuan untuk menguatkuasakan dan memastikan Perintah Pekerjaan 2009 dipatuhi oleh para majikan. Pemeriksaan perumahan pekerja yang telah dijalankan di Kawasan Kampung Jerudong mendapati empat kesalahan di bawah Perintah Pekerjaan, 2009 yang dilakukan oleh majikan iaitu Bab 71

Gagal memberikan cuti tahunan; Bab 72 Gagal memberikan cuti sakit yang disahkan oleh pengamal perubatan; Bab 80 Gagal menyediakan tempat tinggal bersih yang mencukupi dan sempurna; serta Bab 81 Tempat tinggal pekerja tidak menepati kehendak undang-undang.

Bagi kesalahan melanggar Perintah Pekerjaan 2009, jika didapati, majikan boleh dikenakan denda kompaun tidak lebih daripada BND1,000 bagi kesalahan tersebut.

Jika gagal membayar denda kompaun tersebut, majikan akan dihadapkan ke mahkamah.

Majikan juga diarahkan untuk memindahkan pekerja-pekerja ke tempat yang memenuhi piawaian minima perumahan khususnya mempunyai kapasiti bilik-bilik yang boleh menampung jumlah pekerja yang sedia ada dan di tempat yang dibenarkan sahaja.

Sehubungan dengan itu, Jabatan Buruh ingin mengingatkan kepada majikan supaya sentiasa memantau hal ehwal kebajikan pekerja selaras dengan kehendak Perintah Pekerjaan, 2009 seperti



**BAHAGIAN Penguatkuasaan Undang-Undang, Jabatan Buruh semasa mengendalikan Operasi Siaga 64/2024 pada 25 Mac 2024 bagi menguatkuasakan dan memastikan Perintah Pekerjaan 2009 dipatuhi oleh para majikan (bawah kiri dan atas).**

penyediaan kontrak perkhidmatan secara bertulis dan pembayaran gaji tepat pada waktunya.

Para majikan adalah dinasihatkan untuk tidak menyalahgunakan Lesen Pekerja Asing dan melanggar akta di bawah Perintah

Pekerjaan 2009.

Untuk maklumat lebih lanjut bolehlah berhubung dengan Jabatan Buruh menerusi talian +673 2381848 (semasa waktu bekerja) atau +673 7298989 (di luar waktu bekerja).

جايڤن فرانتشن ايكونومي دان ستاتيستيك  
JABATAN PERANCANGAN EKONOMI DAN STATISTIK  
JABATAN HAL EHWAL PENGUNA  
KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI

### NASIHAT BERBELANJA DALAM TALIAN

**Fikir sebelum beli**

"boleh percaya kan tu?"

"mun barang inda sampai, kana mulihkan usinku kan ni?"

"ok kan tu? selamat kah jual bali cemani ani?"

"iawah? banar kan tawarannya ani?"

**Jadi pengguna yang bertanggungjawab**

- ☒ Semak ulasan terlebih dahulu, beli dari sumber yang dipercayai.
- ☒ Dapatkan resit rasmi.
- ☒ Fahami polisi bayaran balik dan jaminan.
- ☒ Jika ragu, elakkan berurusan dengan mereka.

Perintah Pelindungan Pengguna (Perdagangan Wejar) dikenakan ke atas transaksi Perniagaan-ke-Pengguna

# MINDA PEMBACA

**TAJUK-TAJUK MINDA PEMBACA :**

1. 'Membangun Masyarakat Bebas Rasuah'. Tarikh Tutup : 17 April 2024
2. 'Mewujudkan Persekitaran Inklusif Untuk Autisme'. Tarikh Tutup : 24 April 2024
3. 'Erat Silaturahmi Sesama Jiran Tetangga'. Tarikh Tutup : 1 Mei 2024

**TERMA DAN SYARAT :**

1. Penyertaan dibuka kepada orang ramai yang berusia lingkungan 15 hingga 40 tahun, yang terdiri daripada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam kecuali warga Jabatan Penerangan.
2. Pendapat awda hendaklah ditaip jarak langkau dua baris dan panjang pendapat awda mestilah antara 200 hingga 300 patah perkataan.
3. Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap dan nombor telefon hendaklah disertakan dan dihantar kepada :

**SIDANG PENGARANG MINDA PEMBACA**

Bahagian PELITA BRUNEI, Jabatan Penerangan  
Lapangan Terbang Lama, Berakas  
Bandar Seri Begawan, BB3510  
Negara Brunei Darussalam.  
atau melalui


E-mel : [pelita.brunei@information.gov.bn](mailto:pelita.brunei@information.gov.bn)

**Menangi BND75**

SETIAP MINGGU

**Tunggu apa lagi ... Hantarkan pendapat awda sekarang**









Di dalam Mahkamah Tinggi  
Negara Brunei Darussalam  
Di Bandar Seri Begawan

**Kes No.**  
BCY / CP / 306 / 2023

**Tang Kee Hoon**  
- Pemiutang Penghakiman /  
Pemetisyen

**Malai Anuar bin Haji Malai  
Mashor  
(00-055661)**  
- Penghutang Penghakiman /  
Penentang

#### Notis Perintah Penerimaan

Sila ambil perhatian bahawa :-

a.) Satu Perintah Penerimaan telah  
dibuat terhadap Penghutang yang  
berikut pada **29 Februari 2024**.

#### Nama dan alamat terakhir diketahui :

Malai Anuar bin Haji Malai Mashor  
Simpang 331, No. 7,  
Jalan Jerudong, Bandar Seri  
Begawan, BG3122  
Negara Brunei Darussalam

**Tarikh Petisyen :**  
4 Januari 2024

b.) Semua sipiutang-sipiutang  
kepada nama Penghutang  
yang tersebut di atas hendaklah  
menghadapkan borang-borang  
bukti hutang yang boleh diperoleh  
di **Pejabat Pegawai Penerima  
Rasmi** dengan seberapa boleh.

c.) Semua hutang-hutang yang  
seharusnya dibayar kepada  
Penghutang tersebut di atas  
hendaklah dihadapkan kepada  
**Pegawai Penerima Rasmi,  
Tingkat 2, Bangunan Mahkamah  
Besar, Bandar Seri Begawan,  
Negara Brunei Darussalam.**

**Bertarikh :**  
6 Mac 2024

#### Notis Kepada Pemiutang untuk Perjumpaan Pertama

Di bawah Perintah Penerimaan  
bertarikh **29 Februari 2024**.

Notis adalah dengan ini diberikan  
bahawa satu perjumpaan  
pemiutang-pemiutang mengenai  
perkara di atas akan diadakan  
di **Pejabat Pegawai Penerima  
Rasmi, Tingkat 1, Bilik (L1-11),  
Mahkamah Besar pada 1 Mei  
2024, jam 9.45 Pagi**.

Bagi membolehkan kamu mengundi  
di sana bukti-bukti kamu mestilah  
diserah-simpan kepada saya tidak  
lewat dari 24 jam sebelum waktu  
yang ditetapkan bagi perjumpaan  
ini.

Proksi-proksi yang akan digunakan  
di perjumpaan ini mestilah diserah-  
simpan kepada saya tidak lewat  
dari 24 jam sebelum waktu yang  
telah ditetapkan bagi perjumpaan  
ini.

Pemeriksaan awam bagi  
penghutang adalah ditetapkan  
pada **1 Mei 2024, jam 9.45 Pagi di  
Mahkamah Besar**.

Mana-mana pihak pemiutang yang  
telah menyerahkan bukti, atau  
wakil-wakilnya yang diberi kuasa  
secara bertulis, bolehlah menyoal  
penghutang semasa pemeriksaan  
awam penghutang, mengenai  
dengan hal-halnya dan juga sebab  
kegagalannya.

**Bertarikh :**  
9 Mac 2024

Di dalam Mahkamah Tinggi  
Negara Brunei Darussalam  
Di Bandar Seri Begawan

**Kes No.**  
BCY / CP / 536 / 2017

**Bank Islam Brunei Darussalam  
Berhad**  
- Pemiutang Penghakiman /  
Pemetisyen

**Dayangku Mardiana binti  
Pengiran Omar  
(00-283585)**  
- Penghutang Penghakiman /  
Penentang

#### Notis Perintah Penerimaan

Sila ambil perhatian bahawa :-

a.) Satu Perintah Penerimaan telah  
dibuat terhadap Penghutang yang  
berikut pada **11 Mei 2023**.

#### Nama dan alamat terakhir diketahui :

Dayangku Mardiana binti  
Pengiran Omar  
No. 8, Lorong Seri Paduka 3,  
Kg. Mata-Mata, Gadong, BE1918  
Negara Brunei Darussalam

**Tarikh Petisyen :**  
24 Januari 2018

b.) Semua sipiutang-sipiutang  
kepada nama Penghutang  
yang tersebut di atas hendaklah  
menghadapkan borang-borang  
bukti hutang yang boleh diperoleh  
di **Pejabat Pegawai Penerima  
Rasmi** dengan seberapa boleh.

c.) Semua hutang-hutang yang  
seharusnya dibayar kepada  
Penghutang tersebut di atas  
hendaklah dihadapkan kepada  
**Pegawai Penerima Rasmi,  
Tingkat 2, Bangunan Mahkamah  
Besar, Bandar Seri Begawan,  
Negara Brunei Darussalam.**

**Bertarikh :**  
9 Mac 2024

#### Notis Kepada Pemiutang untuk Perjumpaan Pertama

Di bawah Perintah Penerimaan  
bertarikh **11 Mei 2023**.

Notis adalah dengan ini diberikan  
bahawa satu perjumpaan  
pemiutang-pemiutang mengenai  
perkara di atas akan diadakan  
di **Pejabat Pegawai Penerima  
Rasmi, Tingkat 1, Bilik (L1-11),  
Mahkamah Besar pada 2 April  
2024, jam 9.45 Pagi**.

Bagi membolehkan kamu mengundi  
di sana bukti-bukti kamu mestilah  
diserah-simpan kepada saya tidak  
lewat dari 24 jam sebelum waktu  
yang ditetapkan bagi perjumpaan  
ini.

Proksi-proksi yang akan digunakan  
di perjumpaan ini mestilah diserah-  
simpan kepada saya tidak lewat  
dari 24 jam sebelum waktu yang  
telah ditetapkan bagi perjumpaan  
ini.

Pemeriksaan awam bagi  
penghutang adalah ditetapkan  
pada **2 April 2024, jam 9.45 Pagi  
di Mahkamah Besar**.

Mana-mana pihak pemiutang yang  
telah menyerahkan bukti, atau  
wakil-wakilnya yang diberi kuasa  
secara bertulis, bolehlah menyoal  
penghutang semasa pemeriksaan  
awam penghutang, mengenai  
dengan hal-halnya dan juga sebab  
kegagalannya.

**Bertarikh :**  
9 Mac 2024

Di dalam Mahkamah Tinggi  
Negara Brunei Darussalam  
Di Bandar Seri Begawan

**Kes No.**  
BCY / CP / 290 / 2023

**Baiduri Finance Berhad**  
- Pemiutang Penghakiman /  
Pemetisyen

**Siti Mardimah binti Mohamad  
Ardi  
(01-067214)**  
- Penghutang Penghakiman /  
Penentang

#### Notis Perintah Penerimaan

Sila ambil perhatian bahawa :-

a.) Satu Perintah Penerimaan telah  
dibuat terhadap Penghutang yang  
berikut pada **29 Februari 2024**.

#### Nama dan alamat terakhir diketahui :

Siti Mardimah binti Mohamad Ardi  
No. 16A, Simpang 185-82,  
Kg. Tungku Katok, Gadong,  
Bandar Seri Begawan, BE2319,  
Negara Brunei Darussalam

**Tarikh Petisyen :**  
13 Februari 2024

b.) Semua sipiutang-sipiutang  
kepada nama Penghutang  
yang tersebut di atas hendaklah  
menghadapkan borang-borang  
bukti hutang yang boleh diperoleh  
di **Pejabat Pegawai Penerima  
Rasmi** dengan seberapa boleh.

c.) Semua hutang-hutang yang  
seharusnya dibayar kepada  
Penghutang tersebut di atas  
hendaklah dihadapkan kepada  
**Pegawai Penerima Rasmi,  
Tingkat 2, Bangunan Mahkamah  
Besar, Bandar Seri Begawan,  
Negara Brunei Darussalam.**

**Bertarikh :**  
9 Mac 2024

#### Notis Kepada Pemiutang untuk Perjumpaan Pertama

Di bawah Perintah Penerimaan  
bertarikh **29 Februari 2024**.

Notis adalah dengan ini diberikan  
bahawa satu perjumpaan  
pemiutang-pemiutang mengenai  
perkara di atas akan diadakan  
di **Pejabat Pegawai Penerima  
Rasmi, Tingkat 1, Bilik (L1-11),  
Mahkamah Besar pada 29 April  
2024, jam 9.30 Pagi**.

Bagi membolehkan kamu mengundi  
di sana bukti-bukti kamu mestilah  
diserah-simpan kepada saya tidak  
lewat dari 24 jam sebelum waktu  
yang ditetapkan bagi perjumpaan  
ini.

Proksi-proksi yang akan digunakan  
di perjumpaan ini mestilah diserah-  
simpan kepada saya tidak lewat  
dari 24 jam sebelum waktu yang

telah ditetapkan bagi perjumpaan  
ini.

Pemeriksaan awam bagi  
penghutang adalah ditetapkan  
pada **29 April 2024, jam 9.30 Pagi  
di Mahkamah Besar**.

Mana-mana pihak pemiutang yang  
telah menyerahkan bukti, atau  
wakil-wakilnya yang diberi kuasa  
secara bertulis, bolehlah menyoal  
penghutang semasa pemeriksaan  
awam penghutang, mengenai  
dengan hal-halnya dan juga sebab  
kegagalannya.

**Bertarikh :**  
6 Mac 2024

Di dalam Mahkamah Tinggi  
Negara Brunei Darussalam  
Di Bandar Seri Begawan

**Kes No.**  
BCY / CP / 210 / 2023

**BIBD AT-Tamwil Berhad**  
- Pemiutang Penghakiman /  
Pemetisyen

**Pg. Fardinee Riwandee bin  
Pg. Ismail  
(00-305989 / Army No 16378)**  
- Penghutang Penghakiman /  
Penentang

#### Notis Perintah Penerimaan

Sila ambil perhatian bahawa :-

a.) Satu Perintah Penerimaan telah  
dibuat terhadap Penghutang yang  
berikut pada **2 Mac 2024**.

#### Nama dan alamat terakhir diketahui :

Pg. Fardinee Riwandee bin  
Pg. Ismail  
No. 17, Simpang 21, Jalan 24-26,  
Perumahan Kg Rimba,  
Gadong, BE3119  
Negara Brunei Darussalam

**Tarikh Petisyen :**  
28 September 2023

b.) Semua sipiutang-sipiutang  
kepada nama Penghutang  
yang tersebut di atas hendaklah  
menghadapkan borang-borang  
bukti hutang yang boleh diperoleh  
di **Pejabat Pegawai Penerima  
Rasmi** dengan seberapa boleh.

c.) Semua hutang-hutang yang  
seharusnya dibayar kepada  
Penghutang tersebut di atas  
hendaklah dihadapkan kepada  
**Pegawai Penerima Rasmi,  
Tingkat 2, Bangunan Mahkamah  
Besar, Bandar Seri Begawan,  
Negara Brunei Darussalam.**

**Bertarikh :**  
5 Mac 2024

#### Notis Kepada Pemiutang untuk Perjumpaan Pertama

Di bawah Perintah Penerimaan  
bertarikh **2 Mac 2024**.

Notis adalah dengan ini diberikan  
bahawa satu perjumpaan  
pemiutang-pemiutang mengenai  
perkara di atas akan diadakan  
di **Pejabat Pegawai Penerima  
Rasmi, Tingkat 1, Bilik (L1-11),  
Mahkamah Besar pada 29 April  
2024, jam 9.00 Pagi**.

Bagi membolehkan kamu mengundi  
di sana bukti-bukti kamu mestilah  
diserah-simpan kepada saya tidak  
lewat dari 24 jam sebelum waktu  
yang ditetapkan bagi perjumpaan  
ini.

Proksi-proksi yang akan digunakan  
di perjumpaan ini mestilah diserah-  
simpan kepada saya tidak lewat  
dari 24 jam sebelum waktu yang  
telah ditetapkan bagi perjumpaan  
ini.

Pemeriksaan awam bagi  
penghutang adalah ditetapkan  
pada **29 April 2024, jam 9.00 Pagi  
di Mahkamah Besar**.

Mana-mana pihak pemiutang yang  
telah menyerahkan bukti, atau  
wakil-wakilnya yang diberi kuasa  
secara bertulis, bolehlah menyoal  
penghutang semasa pemeriksaan  
awam penghutang, mengenai  
dengan hal-halnya dan juga sebab  
kegagalannya.

**Bertarikh :**  
5 Mac 2024

Di dalam Mahkamah Tinggi  
Negara Brunei Darussalam  
Di Bandar Seri Begawan

**Kes No.**  
BCY / CP / 226 / 2023

**Baiduri Finance Berhad**  
- Pemiutang Penghakiman /  
Pemetisyen

**Danial Khairul Anam bin  
Abdullah Richard @ Dannel  
Anak Richard  
(30-204346)**  
- Penghutang Penghakiman /  
Penentang

#### Notis Perintah Penerimaan

Sila ambil perhatian bahawa :-

a.) Satu Perintah Penerimaan telah  
dibuat terhadap Penghutang yang  
berikut pada **27 Januari 2024**.

#### Nama dan alamat terakhir diketahui :

Danial Khairul Anam bin Abdullah  
Richard @ Dannel Anak Richard  
No. 19, Simpang 38,  
Jalan Jerudong  
Negara Brunei Darussalam

**Tarikh Petisyen :**  
25 Oktober 2023

b.) Semua sipiutang-sipiutang  
kepada nama Penghutang  
yang tersebut di atas hendaklah  
menghadapkan borang-borang  
bukti hutang yang boleh diperoleh  
di **Pejabat Pegawai Penerima  
Rasmi** dengan seberapa boleh.

c.) Semua hutang-hutang yang  
seharusnya dibayar kepada  
Penghutang tersebut di atas  
hendaklah dihadapkan kepada  
**Pegawai Penerima Rasmi,  
Tingkat 2, Bangunan Mahkamah  
Besar, Bandar Seri Begawan,  
Negara Brunei Darussalam.**

**Bertarikh :**  
9 Mac 2024

#### Notis Kepada Pemiutang untuk Perjumpaan Pertama

Di bawah Perintah Penerimaan  
bertarikh **27 Januari 2024**.

Notis adalah dengan ini diberikan  
bahawa satu perjumpaan  
pemiutang-pemiutang mengenai  
perkara di atas akan diadakan  
di **Pejabat Pegawai Penerima  
Rasmi, Tingkat 1, Bilik (L1-11),  
Mahkamah Besar pada 9 Mei  
2024, jam 9.45 Pagi**.



## &gt;&gt; Muka 21

di sana bukti-bukti kamu mestilah diserahkan-simpan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Proksi-proksi yang akan digunakan di perjumpaan ini mestilah diserahkan-simpan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang telah ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Pemeriksaan awam bagi penghutang adalah ditetapkan pada **9 Mei 2024, jam 9.45 Pagi di Mahkamah Besar.**

Mana-mana pihak pemiutang yang telah menyerahkan bukti, atau wakil-wakilnya yang diberi kuasa secara bertulis, bolehlah menyoal penghutang semasa pemeriksaan awam penghutang, mengenai dengan hal-halnya dan juga sebab kegagalannya.

**Bertarikh :**  
9 Mac 2024

**Di dalam Mahkamah Tinggi  
Negara Brunei Darussalam  
Di Bandar Seri Begawan**

**Kes No.**  
**BCY / CP / 274 / 2023**

**Bank Islam Brunei Darussalam  
Berhad**  
- Pemiutang Penghakiman /  
Pemetisyen

**Mohammad Nor bin Jokni  
(01-052846)**  
- Penghutang Penghakiman /  
Penentang

**Notis Perintah Penerimaan**

Sila ambil perhatian bahawa :-

a.) Satu Perintah Penerimaan telah dibuat terhadap Penghutang yang berikut pada **15 Februari 2024.**

**Nama dan alamat terakhir  
diketahui :**

Mohammad Nor bin Jokni  
No. 31C, Simpang 1185-73-213,  
Perpindahan Bukit Beruang,  
Tutong, TC3345  
Negara Brunei Darussalam

**Tarikh Petisyen :**  
29 November 2023

b.) Semua sipiutang-sipiutang kepada nama Penghutang yang tersebut di atas hendaklah menghadapkan borang-borang bukti hutang yang boleh diperolehi di **Pejabat Pegawai Penerima Rasmi** dengan seberapa boleh.

c.) Semua hutang-hutang yang seharusnya dibayar kepada Penghutang tersebut di atas hendaklah dihadapkan kepada **Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 2, Bangunan Mahkamah Besar, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.**

**Bertarikh :**  
20 Februari 2024

**Notis Kepada Pemiutang untuk  
Perjumpaan Pertama**

Di bawah Perintah Penerimaan bertarikh **15 Februari 2024.**

Notis adalah dengan ini diberikan bahawa satu perjumpaan pemiutang-pemiutang mengenai perkara di atas akan diadakan di **Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 1, Bilik (L1-11), Mahkamah Besar pada 9 Mei 2024, jam 9.00 Pagi.**

Bagi membolehkan kamu mengundi di sana bukti-bukti kamu mestilah diserahkan-simpan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang telah ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Proksi-proksi yang akan digunakan di perjumpaan ini mestilah diserahkan-simpan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang telah ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Pemeriksaan awam bagi penghutang adalah ditetapkan pada **9 Mei 2024, jam 9.00 Pagi di Mahkamah Besar.**

Mana-mana pihak pemiutang yang telah menyerahkan bukti, atau wakil-wakilnya yang diberi kuasa secara bertulis, bolehlah menyoal penghutang semasa pemeriksaan awam penghutang, mengenai dengan hal-halnya dan juga sebab kegagalannya.

**Bertarikh :**  
9 Mac 2024

**Di dalam Mahkamah Tinggi  
Negara Brunei Darussalam  
Di Bandar Seri Begawan**

**Kes No.**  
**BCY / CP / 436 / 2019**

**BIBD At-Tamwil Berhad**  
- Pemiutang Penghakiman /  
Pemetisyen

**Roslan bin Kahar  
(00-251019)**  
- Penghutang Penghakiman /  
Penentang

**Notis Perintah Penerimaan**

Sila ambil perhatian bahawa :-

a.) Satu Perintah Penerimaan telah dibuat terhadap Penghutang yang berikut pada **16 Julai 2020.**

**Nama dan alamat terakhir  
diketahui :**

Roslan bin Kahar  
No. 20, Simpang 661-50-35,  
RPN Kg. Rataie, Temburong  
Negara Brunei Darussalam

**Tarikh Petisyen :**  
21 Oktober 2019

b.) Semua sipiutang-sipiutang kepada nama Penghutang yang tersebut di atas hendaklah menghadapkan borang-borang bukti hutang yang boleh diperolehi di **Pejabat Pegawai Penerima Rasmi** dengan seberapa boleh.

c.) Semua hutang-hutang yang seharusnya dibayar kepada Penghutang tersebut di atas hendaklah dihadapkan kepada **Pegawai Penerima Rasmi,**

**Tingkat 2, Bangunan Mahkamah Besar, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.**

**Bertarikh :**  
17 Februari 2024

**Notis Kepada Pemiutang untuk  
Perjumpaan Pertama**

Di bawah Perintah Penerimaan bertarikh **16 Julai 2020**

Notis adalah dengan ini diberikan bahawa satu perjumpaan pemiutang-pemiutang mengenai perkara di atas akan diadakan di **Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 1, Bilik (L1-11), Mahkamah Besar pada 21 Mac 2024, jam 11.15 Pagi.**

Bagi membolehkan kamu mengundi di sana bukti-bukti kamu mestilah diserahkan-simpan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang telah ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Proksi-proksi yang akan digunakan di perjumpaan ini mestilah diserahkan-simpan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang telah ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Pemeriksaan awam bagi penghutang adalah ditetapkan pada **21 Mac 2024, jam 11.15 Pagi di Mahkamah Besar.**

Mana-mana pihak pemiutang yang telah menyerahkan bukti, atau wakil-wakilnya yang diberi kuasa secara bertulis, bolehlah menyoal penghutang semasa pemeriksaan awam penghutang, mengenai dengan hal-halnya dan juga sebab kegagalannya.

**Bertarikh :**  
17 Februari 2024

**Kes No**  
**BCY / CP / 602 / 2011**

**Baiduri Finance Berhad**  
- Pemiutang Penghakiman /  
Pemetisyen

**JD2 – Julika bin Haji Sarudin /  
Serudin  
(00-121985)**

- Penghutang Penghakiman /  
Penentang

**Notis Pembatalan**

Sila ambil perhatian bahawa Perintah Penerimaan yang dibuat terhadap Penghutang berikut pada **5 Jun 2012** telah dibatalkan pada **7 Mac 2024.**

**Nama Penghutang :**  
JD2 – Julika bin Haji Sarudin /  
Serudin

**Alamat Penghutang :**  
No. 185, Jalan 77,  
Kampung Perpindahan Lambak  
Kanan, Berakas, BC2915,  
Negara Brunei Darussalam

**Bertarikh :**  
13 Mac 2024

**Kes No**  
**BCY / CP / 476 / 2011**

**Standard Chartered Finance  
(Brunei) Berhad**

- Pemiutang Penghakiman /  
Pemetisyen

**JD1 – Rahman bin Hj Matali  
(00-079287)**

- Penghutang Penghakiman /  
Penentang Pertama

**JD2 – Juraysah binti Jumat  
(00-122660)**

- Penghutang Penghakiman /  
Penentang Kedua

**Notis Pembatalan**

Sila ambil perhatian bahawa Perintah Penerimaan yang dibuat terhadap Penghutang berikut pada **29 Ogos 2013** telah dibatalkan pada **22 Februari 2024.**

**Nama Penghutang :**

JD1 – Rahman bin Hj Matali  
JD2 – Juraysah binti Jumat

**Alamat Penghutang :**  
No. 30, Simpang 1185-73-193-21,  
RPN Bukit Beruang, Tutong,  
Negara Brunei Darussalam

**Bertarikh :**  
11 Mac 2024

**Kes No**  
**BCY / CP / 27 / 2002**

**Baiduri Finance Berhad**  
- Pemiutang Penghakiman /  
Pemetisyen

**Dk Hariani binti Pg Hj Metussin  
(00-114883)**  
- Penghutang Penghakiman /  
Penentang

**Notis Pembatalan**

Sila ambil perhatian bahawa Perintah Penerimaan yang dibuat terhadap Penghutang berikut pada **13 Jun 2002** telah dibatalkan pada **22 Februari 2024.**

**Nama Penghutang :**  
Dk Hariani binti Pg Hj Metussin

**Alamat Penghutang :**  
No. 7, Simpang 7-528, Kg Sungai  
Hanching, Jalan Muara, BC2115  
Negara Brunei Darussalam

**Bertarikh :**  
11 Mac 2024

**Kes No.**  
**BCY / CP / 528 / 2015**

**BIBD AT-Tamwil Berhad**  
- Pemiutang Penghakiman /  
Pemetisyen

**Mohammad Taqiyuddin bin  
Awang Taha  
(00-311476)**

- Penghutang Penghakiman /  
Penentang

**Notis Perintah Penghukuman**

Sila ambil perhatian bahawa :

a.) Satu Perintah Penghukuman telah dibuat terhadap Penghutang yang berikut pada **13 Januari 2024.**

**Nama dan alamat Bankrap:**  
Mohammad Taqiyuddin bin  
Awang Taha

No. 19, Simpang 1185-73-193,

RPN Bukit Beruang  
Negara Brunei Darussalam

**Tarikh Permohonan :**  
16 November 2023

b. Semua sipiutang-sipiutang kepada Bankrap yang tersebut di atas hendaklah menghadapkan Borang-Borang Bukti Hutang yang boleh diperolehi di **Pejabat Pegawai Penerima Rasmi** dengan seberapa yang boleh.

c. Semua hutang-hutang yang seharusnya dibayar oleh Bankrap tersebut di atas hendaklah dihadapkan kepada **Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat Dua, Bangunan Mahkamah Besar, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.**

**Tarikh :**  
16 Januari 2024

**Di dalam Mahkamah Tinggi  
Negara Brunei Darussalam  
Di Bandar Seri Begawan**

**Syarikat (Penggulungan)**  
**No. BCY / ICWP / 2 / 2023**

Dalam Perkara Akta Perintah  
Insolvensi (Penggulungan) Aturan  
2018

Dan

Dalam perkara **National Bank of  
Brunei Berhad**

**Notis Insolvensi (Penggulungan)**

**Nama Syarikat :**  
National Bank of Brunei Berhad

**Alamat Pejabat Berdaftar :**  
No. 102-103, Jalan Kianggeh,  
Bandar Seri begawan, BF1920,  
Negara Brunei Darussalam.

**Tarikh Perintah Penggulungan :**  
13 Julai 2023

**Tarikh dan Tempat Perjumpaan :**  
Pejabat Pegawai Rasmi  
Mahkamah Besar  
Jalan Raja isteri Pengiran Anak  
Saleha  
Negara Brunei Darussalam.

**Bertarikh :**  
19 Februari 2024

**Notis Perjumpaan Pertama  
Pemiutang**

(Di bawah Perintah Penggulungan bertarikh 13 Julai 2023.)

Notis adalah dengan ini diberikan bahawa Perjumpaan Pertama Pemiutang mengenai perkara di atas akan diadakan di **Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 1, Bilik (L1-11), Mahkamah Besar, pada 6 April 2024 pada jam 9.45 Pagi.**

Bagi membolehkan kamu mengundi disana bukti-bukti hutang kamu mestilah diserahkan-simpan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang telah ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Proksi-Proksi yang akan digunakan di perjumpaan ini mestilah diserahkan-simpan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang telah ditetapkan bagi perjumpaan ini.

**Bertarikh :**  
19 Februari 2024

**Muhd Muzakir bin Haji Zakaria  
Timbalan Pegawai Penerima  
Rasmi  
B/P Penerima Rasmi  
Mahkamah Besar**





Di dalam Mahkamah Tinggi  
Negara Brunei Darussalam  
Di Bandar Seri Begawan

**Kes No.**  
**BCY / CP / 80 / 2023**

**Bahagia Distributors Sdn Bhd**  
- Pemiutang Penghakiman /  
Pemetisyen

**Chong Kian Voon**  
(Trading under the name and  
style of KIANCO Trading,  
Business No. P00083102)  
(30-109186)  
- Penghutang Penghakiman /  
Penentang

#### Notis Perintah Penerimaan

Sila ambil perhatian bahawa :-

a.) Satu Perintah Penerimaan telah  
dibuat terhadap Penghutang yang  
berikut pada **30 September 2023**.

#### Nama dan alamat terakhir diketahui :

Chong Kian Voon  
(Trading under the name and style  
of KIANCO Trading, Business No.  
P00083102)  
No 63, Chempaka Park, Jalan  
Tutong, BA1118  
Negara Brunei Darussalam

**Tarikh Petisyen :**  
8 Ogos 2023

b.) Semua sipiutang-sipiutang  
kepada nama Penghutang  
yang tersebut di atas hendaklah  
menghadapkan borang-borang  
bukti hutang yang boleh diperoleh  
di **Pejabat Pegawai Penerima  
Rasmi** dengan seberapa boleh.

c.) Semua hutang-hutang yang  
seharusnya dibayar kepada  
Penghutang tersebut di atas  
hendaklah dihadapkan kepada  
**Pegawai Penerima Rasmi,  
Tingkat 2, Bangunan Mahkamah  
Besar, Bandar Seri Begawan,  
Negara Brunei Darussalam.**

**Bertarikh :**  
9 Mac 2024

#### Notis Kepada Pemiutang untuk Perjumpaan Pertama

Di bawah Perintah Penerimaan  
bertarikh **30 September 2023**.

Notis adalah dengan ini diberikan  
bahawa satu perjumpaan  
pemiutang-pemiutang mengenai  
perkara di atas akan diadakan  
di **Pejabat Pegawai Penerima  
Rasmi, Tingkat 2, Bilik (L2-8),  
Mahkamah Besar pada 25 Mac  
2024, jam 10.00 Pagi**.

Bagi membolehkan kamu mengundi  
di sana bukti-bukti kamu mestilah  
diserah-simpan kepada saya tidak  
lewat dari 24 jam sebelum waktu  
yang ditetapkan bagi perjumpaan  
ini.

Proksi-proksi yang akan digunakan  
di perjumpaan ini mestilah diserah-  
simpan kepada saya tidak lewat  
dari 24 jam sebelum waktu yang  
telah ditetapkan bagi perjumpaan  
ini.

Pemeriksaan awam bagi

penghutang adalah ditetapkan  
pada **25 Mac 2024, jam 10.00 Pagi  
di Mahkamah Besar**.

Mana-mana pihak pemiutang yang  
telah menyerahkan bukti, atau  
wakil-wakilnya yang diberi kuasa  
secara bertulis, bolehlah menyoal  
penghutang semasa pemeriksaan  
awam penghutang, mengenai  
dengan hal-halnya dan juga sebab  
kegagalannya.

**Bertarikh :**  
9 Mac 2024

Di dalam Mahkamah Tinggi  
Negara Brunei Darussalam  
Di Bandar Seri Begawan

**Kes No.**  
**BCY / CP / 312 / 2023**

**Bank Islam Brunei Darussalam  
Berhad**  
- Pemiutang Penghakiman /  
Pemetisyen

**Ak Md Sophian bin Pg Hj Ibrahim**  
(00-263683)  
- Penghutang Penghakiman /  
Penentang

#### Notis Perintah Penerimaan

Sila ambil perhatian bahawa :-

a.) Satu Perintah Penerimaan telah  
dibuat terhadap Penghutang yang  
berikut pada **14 September 2023**.

#### Nama dan alamat terakhir diketahui :

Ak Md Sophian bin Pg Hj Ibrahim  
No 24, Jalan 99, Simpang 105-  
12-21, RPN Kg Rimba Gadong,  
BE3319,  
Negara Brunei Darussalam

**Tarikh Petisyen :**  
15 Mei 2023

b.) Semua sipiutang-sipiutang  
kepada nama Penghutang  
yang tersebut di atas hendaklah  
menghadapkan borang-borang  
bukti hutang yang boleh diperoleh  
di **Pejabat Pegawai Penerima  
Rasmi** dengan seberapa boleh.

c.) Semua hutang-hutang yang  
seharusnya dibayar kepada  
Penghutang tersebut di atas  
hendaklah dihadapkan kepada  
**Pegawai Penerima Rasmi,  
Tingkat 2, Bangunan Mahkamah  
Besar, Bandar Seri Begawan,  
Negara Brunei Darussalam.**

**Bertarikh :**  
9 Mac 2024

#### Notis Kepada Pemiutang untuk Perjumpaan Pertama

Di bawah Perintah Penerimaan  
bertarikh **14 September 2023**.

Notis adalah dengan ini diberikan  
bahawa satu perjumpaan  
pemiutang-pemiutang mengenai  
perkara di atas akan diadakan  
di **Pejabat Pegawai Penerima  
Rasmi, Tingkat 2, Bilik (L2-8),  
Mahkamah Besar pada 25 Mac  
2024, jam 9.45 Pagi**.

Bagi membolehkan kamu mengundi  
di sana bukti-bukti kamu mestilah  
diserah-simpan kepada saya tidak  
lewat dari 24 jam sebelum waktu  
yang ditetapkan bagi perjumpaan  
ini.

Proksi-proksi yang akan digunakan  
di perjumpaan ini mestilah diserah-  
simpan kepada saya tidak lewat  
dari 24 jam sebelum waktu yang  
telah ditetapkan bagi perjumpaan  
ini.

Pemeriksaan awam bagi  
penghutang adalah ditetapkan  
pada **25 Mac 2024, jam 9.45 Pagi  
di Mahkamah Besar**.

Mana-mana pihak pemiutang yang  
telah menyerahkan bukti, atau  
wakil-wakilnya yang diberi kuasa  
secara bertulis, bolehlah menyoal  
penghutang semasa pemeriksaan  
awam penghutang, mengenai  
dengan hal-halnya dan juga sebab  
kegagalannya.

**Bertarikh :**  
9 Mac 2024

Di dalam Mahkamah Tinggi  
Negara Brunei Darussalam  
Di Bandar Seri Begawan

**Kes No.**  
**BCY / CP / 297 / 2023**

**Bank Islam Brunei Darussalam  
Berhad**  
- Pemiutang Penghakiman /  
Pemetisyen

**Dayang Jainab binti Haji Sijim /  
Awang Haji Sijim**  
(00-073391)  
- Penghutang Penghakiman /  
Penentang

#### Notis Perintah Penerimaan

Sila ambil perhatian bahawa :-

a.) Satu Perintah Penerimaan telah  
dibuat terhadap Penghutang yang  
berikut pada **27 Januari 2024**.

#### Nama dan alamat terakhir diketahui :

Dayang Jainab binti Haji Sijim /  
Awang Haji Sijim  
No 18, Simpang 82-6, STKRJ  
Rimba, Gadong, Jalan Tungku  
Link, BE3119,  
Negara Brunei Darussalam

**Tarikh Petisyen :**  
10 Disember 2023

b.) Semua sipiutang-sipiutang  
kepada nama Penghutang  
yang tersebut di atas hendaklah  
menghadapkan borang-borang  
bukti hutang yang boleh diperoleh  
di **Pejabat Pegawai Penerima  
Rasmi** dengan seberapa boleh.

c.) Semua hutang-hutang yang  
seharusnya dibayar kepada  
Penghutang tersebut di atas  
hendaklah dihadapkan kepada  
**Pegawai Penerima Rasmi,  
Tingkat 2, Bangunan Mahkamah  
Besar, Bandar Seri Begawan,  
Negara Brunei Darussalam.**

**Bertarikh :**  
19 Mac 2024

#### Notis Kepada Pemiutang untuk Perjumpaan Pertama

Di bawah Perintah Penerimaan  
bertarikh **27 Januari 2024**.

Notis adalah dengan ini diberikan  
bahawa satu perjumpaan  
pemiutang-pemiutang mengenai  
perkara di atas akan diadakan  
di **Pejabat Pegawai Penerima  
Rasmi, Tingkat 1, Bilik (L1-8),  
Mahkamah Besar pada 3 April  
2024, jam 9.30 Pagi**.

Bagi membolehkan kamu mengundi  
di sana bukti-bukti kamu mestilah  
diserah-simpan kepada saya tidak  
lewat dari 24 jam sebelum waktu  
yang ditetapkan bagi perjumpaan  
ini.

Proksi-proksi yang akan digunakan  
di perjumpaan ini mestilah diserah-  
simpan kepada saya tidak lewat

dari 24 jam sebelum waktu yang  
telah ditetapkan bagi perjumpaan  
ini.

Pemeriksaan awam bagi  
penghutang adalah ditetapkan  
pada **3 April 2024, jam 9.30 Pagi  
di Mahkamah Besar**.

Mana-mana pihak pemiutang yang  
telah menyerahkan bukti, atau  
wakil-wakilnya yang diberi kuasa  
secara bertulis, bolehlah menyoal  
penghutang semasa pemeriksaan  
awam penghutang, mengenai  
dengan hal-halnya dan juga sebab  
kegagalannya.

**Bertarikh :**  
19 Mac 2024

**Kes No.**  
**BCY / CP / 82 / 2017**

**Baiduri Finance Berhad**  
(Previously filed by HSBC  
Finance (B) Berhad)  
- Pemiutang Penghakiman /  
Pemetisyen

**Hj Baharuddin bin Haji Abd  
Ghani**  
- Penghutang Penghakiman /  
Penentang

#### Notis Pembatalan

Sila ambil perhatian bahawa  
Perintah Penerimaan yang dibuat  
terhadap Penghutang berikut pada  
**17 Jun 2017** telah dibatalkan pada  
**15 Februari 2024**.

**Nama Penghutang :**  
Haji Baharuddin bin Haji Abd Ghani

**Alamat Penghutang :**  
No 68, Jalan Haji Halus, Kg Bunut,  
KM8, Jalan Tutong, BF1320  
Negara Brunei Darussalam

**Bertarikh :**  
28 Februari 2024  
**Kes No.**



**Perintah Acara Mal**  
**Mahkamah-Mahkamah Syariah**  
**2005**

**Saman Gantian**  
**Dalam Mahkamah Rendah**  
**Syariah**  
**Di Daerah Belait,**  
**Negara Brunei Darussalam**

**Saman No. :**  
**KB / MRS / MAL-B / S010A / 0147**  
**/ 11-2023**

**Antara**

**Nur Monaliza binti Nyawa @**  
**Monaliza binti Nyawa**  
**- Plaintiff / Pemohon**

**Lawan**

**Alihassan bin Haji Kaling**  
**- Defendan / Responden**

Kepada : **Alihassan bin Haji**  
**Kaling** (Defendan yang dinamakan  
di atas) alamat terakhir **No 413,**  
**Simpang 413, Kampung Penabai,**  
**Daerah Tutong.**

Kamu adalah dengan ini disaman

**BCY / CP / 49 / 2016**

**Baiduri Bank Sendirian Berhad**  
- Pemiutang Penghakiman /  
Pemetisyen

**Pg. Shafree bin Pg. Damit**  
(00-118695)  
- Penghutang Penghakiman /  
Penentang

#### Notis Perintah Penghukuman

Sila ambil perhatian bahawa :

a.) Satu Perintah Penghukuman  
telah dibuat terhadap Penghutang  
yang berikut pada **18 Januari 2024**.

#### Nama dan alamat Bankrap:

Pg. Shafree bin Pg. Damit  
No 22, Simpang 10, Jalan  
Puragam, Panaga, Seria  
Negara Brunei Darussalam

**Tarikh Permohonan :**  
1 Disember 2023

b. Semua Sipiutang-sipiutang  
kepada Bankrap yang tersebut di  
atas hendaklah menghadapkan  
Borang-Borang Bukti Hutang yang  
boleh diperoleh di Pejabat Pegawai  
Penerima Rasmi dengan seberapa  
yang boleh.

c. Semua hutang-hutang yang  
seharusnya dibayar oleh Bankrap  
tersebut di atas hendaklah  
dihadapkan kepada Pegawai  
Penerima Rasmi, Tingkat Dua,  
Bangunan Mahkamah Besar,  
Bandar Seri Begawan, Negara  
Brunei Darussalam.

**Tarikh :**  
29 Februari 2024  
**Muhammad Syafiq bin Awang**  
**Haji Zakaria**  
**Timbalan Pegawai Penerima**  
**Rasmi**  
**B/P Penerima Rasmi**  
**Mahkamah Besar**

supaya hadir secara sendiri  
atau melalui Peguam Syarie  
kamu di hadapan **Mahkamah  
Rendah Syariah Daerah Belait**  
pada **Selasa, 14 Syawal 1445H**  
**bersamaan 23 April 2024M** pada  
**jam 9.00 Pagi** untuk menjawab  
tuntutan terhadap kamu oleh plaintiff  
yang dinamakan di atas, yang mana  
butir-butir dalam Tuntutan itu seperti  
dinyatakan dalam Penyataan  
Tuntutan yang diendorskan.

**Sila ambil perhatian** bahawa jika  
kamu ingkar hadir di mahkamah  
pada hari dan masa yang  
ditetapkan, Mahkamah boleh  
meneruskan untuk mendengarkan  
dan memutuskan kes tanpa  
kehadiran kamu.

Dan sila ambil perhatian bahawa jika  
kamu ingin membela diri terhadap  
tuntutan tersebut, kamu hendaklah  
memfailkan di Mahkamah ini dan  
menyampaikan kepada **Plaintif**  
suatu pembelaan dalam Borang  
yang ditetapkan sebelum tarikh  
yang disebut di atas atau hadir di  
Mahkamah pada tarikh itu.

**Bertarikh :**

**7 Syaaban 1445H / 17 Februari**  
**2024M**

**Meterai**  
**Mahkamah Rendah Syariah**  
**Daerah Belait**  
**Negara Brunei Darussalam**



# Khutbah Khas Hari Raya Aidilfitri 1445 Hijah / 2024 Masihi

## Khutbah Aidilfitri pertama

## HARI RAYA PELUANG MEMPERBAIKI HUBUNGAN PERSAUDARAAN



**YANG Mulia Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama semasa menyampaikan khutbah.**

Allahuakbar, Allahuakbar, Allahuakbar

**D**i pagi yang mulia dan penuh berkat ini, marilah kita sama-sama memperbanyakkan rasa syukur dan meningkatkan ketakwaan kepada Allah Subhanahu Wata'ala dengan sebenar-benar takwa. Marilah kita mentaati segala perintah Allah Subhanahu Wata'ala dan meninggalkan segala larangan-Nya, mudah-mudahan kita semua dikasihi Allah Subhanahu Wata'ala serta mendapat perlindungan-Nya di dunia dan di akhirat.

Sesungguhnya takwalah yang membezakan antara orang-orang yang beriman dengan orang-orang yang tidak beriman. Orang-orang yang beriman, itulah mereka yang mendapat kemenangan dan menjadi ahli syurga. Ganjaran syurga merupakan setinggi-tinggi pencapaian dan destinasi terakhir dalam kehidupan insan yang bertakwa. Berfirman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al-Hashr, ayat 20 :

**Tafsirnya :** "Tidaklah sama penghuni neraka dengan ahli syurga. Ahli syurga itu ialah orang-orang yang berjaya".

Allahuakbar, Allahuakbar, Allahuakbar

Alhamdulillah, kita telah berada di pagi Syawal yang mulia, pada hari ini kita menzhahirkan rasa kesyukuran dan kegembiraan dengan bersama-sama melafazkan takbir, tahmid dan tasbih sebagai tanda mengagungkan kebesaran Allah Subhanahu Wata'ala setelah berjaya menyempurnakan ibadah puasa sepanjang

bulan Ramadan yang baru saja berlalu.

Selama berada di bulan Ramadan, kita telah dilatih dengan diberikan keampunan melaksanakan ibadah-ibadah fardu dan sunat. Kita sanggup dan mampu melaksanakan ibadah puasa ini, serta seluruh ibadah yang menjadi rangkaiannya, tiada lain, dikeranakan oleh adanya taufik daripada Allah Subhanahu Wata'ala jua.

Selama satu bulan penuh, pada bulan Ramadan yang lalu, saudara-saudara, kita menyingsingkan lengan baju, tekun beribadah, bertaqarrub mendekatkan diri kepada Allah, bukan sahaja di siang hari, malah kita terus berusaha meraih rahmat Allah di malam harinya. Di siang hari, sejak dari terbit fajar, sampai terbenamnya matahari, kita kerjakan puasa, menahan diri daripada makan minum dan hubungan kelamin, memperbanyakkan sedekah, menghayati ceramah dan tazkirah, melakukan pelbagai amal kebajikan, di samping mengawal nafsu serta menjauhi segala bentuk maksiat seperti maksiat mata, telinga dan mulut, agar tidak merosakkan ibadah puasa. Di malam hari, kitab kerjakan Sembahyang Sunat Tarawih dan Witir secara berjemaah, membaca Al-Quran, bertadarus dan mentadabbur ayat-ayatnya, qiamullail, bersahur dan sebagainya. Di akhir bulan Ramadan pula, kita keluarkan Zakat Fitrah dan kemudian pada pagi ini, kita semua berduyun-duyun ke masjid-masjid, surau dan balai ibadah mengerjakan Sembahyang Sunat Aidilfitri.

Semua ini telah dapat kita tempuhi, hasil daripada didikan Ramadan yang boleh mendorong kita ke arah menjadi umat yang bertakwa. Umat yang mempunyai sifat takwa akan mendapat jaminan yang dijanjikan Allah sebagaimana yang disebut di dalam Surah Ali-Imran, ayat 136 :

**Tafsirnya :** "Mereka (orang-orang yang bertakwa) itu dengan ganjaran-Nya ialah keampunan daripada Tuhan mereka dan syurga-syurga yang mengalir di bawahnya sungai-sungai, mereka kekal di dalamnya. Dan itulah sebaik-baik ganjaran bagi orang-orang yang berakal".

Mudah-mudahan, semua amal ibadah

kita di bulan Ramadan yang lalu, diterima dengan baik oleh Allah Subhanahu Wata'ala, dengan mendapat pahala selayaknya dan kita semua termasuk di dalam golongan hamba-hamba-Nya yang memperoleh kebahagiaan dunia dan di akhirat. Dan semoga kita dipertemukan lagi dengan Ramadan yang akan datang.

Allahuakbar, Allahuakbar, Allahuakbar

Pada kelazimannya, Aidilfitri diraikan bersama orang yang tersayang. Apabila tiba Hari Raya, hampir setiap orang akan menziarahi rumah ibu bapa. Ibu bapalah tempat utama yang dituju untuk menyambut lebaran. Ibu bapa merupakan insan yang paling berjasa dalam hidup kita. Mereka telah mengurniakan seluruh hidup untuk memastikan kehidupan kita selaku anak-anak sentiasa cukup dan menerima pelajaran yang sebaiknya demi masa depan kita.

Setiap kali tiba Hari Raya, pastinya ibu bapa kitalah insan yang berlegar-legar dalam fikiran dan ingatan kita. Maka kegembiraan pada Hari Raya ini pastinya kita ingin raiakan bersama insan-insan mulia ini. Inilah peluang yang ada untuk kita mengeratkan hubungan silaturahim antara ibu bapa, keluarga dan sanak saudara.

Bagi ibu bapa dan orang tua, mereka merupakan insan yang paling gembira pada hari ini. Kerana anak-anak, cucu dan sanak saudara akan berkumpul bersama-sama. Pastinya setiap anak mengharapkan restu dan keredaan daripada ibu bapa masing-masing kerana keredaan ibu bapa itulah yang akan mendatangkan keredaan Allah Subhanahu Wata'ala. Dalam sebuah hadis, Abdullah ibnu Umar Radiallahuanhuma berkata, bahawa Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda : **Tafsirnya :** "Reda Allah terletak kepada reda orang tua dan kemurkaan Allah terletak kepada kemurkaan orang tua". (Hadis Riwayat Imam Termizi)

Justeru, ambillah peluang sementara mereka masih ada untuk kita terus mencurahkan bakti dan penghormatan kepada mereka. Bersyukurlah bagi mereka yang masih memiliki ibu bapa untuk meraikan bersama-sama.

## Khutbah Aidilfitri kedua

Allahuakbar, Allahuakbar, Allahuakbar

**A**IDILFITRI membawa makna yang mendalam. 'Eid' bererti kembali, perayaan atau ulang tahun. Manakala 'Fitri' bermaksud terbuka atau makan minum, di mana seluruh umat Islam pada hari ini diwajibkan terbuka dan diharamkan berpuasa. 'Fitri' juga membawa maksud fitrah atau tabiat asal kejadian manusia yang suci bersih. Dalam erti kata, setiap Muslim yang telah menjalani ibadah berpuasa di bulan Ramadan kemudian berjaya melalui perjuangan hawa nafsu kerana Allah, maka ganjarannya adalah kembali suci seperti anak yang baru lahir. Inilah makna daripada hadis Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam yang bermaksud : "Barang siapa yang menghidupkan bulan Ramadan dengan penuh keimanan dan mengharapkan balasan pahala daripada Allah, maka Allah akan mengampuni dosa-dosanya yang telah lalu," sabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam.

Hari ini kita meraikan Aidilfitri sebagai tanda kita berjaya menunaikan amanah melaksanakan kerohanian di bulan Ramadan. Bagi kaum Muslimin yang bertakwa, didikan dan tarbiah Ramadan, memberikan suatu pengisian yang sangat bermakna dalam menjalani kehidupan yang berkualiti. Kaum Muslimin yang bertakwa ini, akan memanfaatkan detik Aidilfitri ini dengan menyusun dan mengatur niat, sikap dan perilaku yang telah diajarkan oleh tarbiah Ramadan itu. Antaranya, menebarkan kasih sayang, saling memaafkan serta tidak terjerumus kepada larangan dan kemurkaan Allah Subhanahu Wata'ala. Sehingga hati, sikap dan perilaku mereka menjadi mantap dalam mendepani kesebelas bulan berikutnya. Inilah, para golongan *muttaqin* (yang bertakwa) sebagaimana yang disebut oleh Baginda Sallallahu Alaihi Wasallam sebagai umatnya yang amat berharap, rindu malah berangan-angan agar seluruh bulan dalam setahun itu semuanya adalah bulan Ramadan.

Allahuakbar, Allahuakbar, Allahuakbar

Lazimnya, kegembiraan Aidilfitri dapat dirasakan dengan rumah-rumah dihiasi lampu-lampu cucul berwarna-warni, sanak saudara berkumpul beramai-ramai, memakai pakaian yang cantik dan berseri-seri serta beraneka juadah yang tersedia. Kita juga mengadakan rumah terbuka. Menjemput sanak saudara, jiran tetangga dan rakan taulan serta saling ziarah-menziarahi dan kunjung-mengunjungi. Kita akan bersalam-salaman untuk memohon keampunan semoga salah silap dimaafkan, perselisihan atau perbalahan dilupakan dan mana-mana yang kusut kembali dilepaskan.

Amalan ziarah-menziarahi ini bertepatan dengan usaha-usaha murni menghidupkan sunnah Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam. Jika pada waktu atau bulan-bulan yang lain, kita tiada kesempatan kerana kesibukan dengan tugas mengurus rutin harian, maka di kesempatan inilah kita dapat menjalin semula keakraban dengan jiran tetangga, saudaramara dan sahabat handai. Sesungguhnya inilah masa yang paling sesuai untuk kita menghubungkan dan mengeratkan lagi silaturahim sesama kita.

Dalam keghairahan meraikan Aidilfitri, janganlah sama sekali kita melakukan pembaziran kerana pembaziran itu dibenci oleh Allah Subhanahu Wata'ala. Sambutlah Hari Raya ini dengan mengikut kemampuan masing-masing. Apa yang penting biarlah bersederhana kerana Islam mengajar kita melakukan sesuatu perkara secara bersederhana dan tidak membazir. Allah Subhanahu Wata'ala berfirman dalam Surah Al-Isra', ayat 27 :

**Tafsirnya :** "Sesungguhnya orang-orang yang membazir (membelanjakan harta pada jalan yang menyalahi syarak) itu ialah saudara-saudara syaitan dan syaitan itu adalah sangat kufur kepada Tuhannya".

## Hidupkan sunnah Rasulullah

Allahuakbar, Allahuakbar, Allahuakbar

Dalam suasana kita meraikan kegembiraan ini, janganlah kita lupa akan keperitan dan kesengsaraan yang sedang dialami oleh saudara seagama kita yang berada di mana sahaja seperti saudara kita yang berada di Palestin. Kita sedang bergembira meraikan Aidilfitri, sedang mereka di sana dalam kegelisahan, ketakutan, bermandikan air mata dan bersimbah darah. Mereka menghadapi penindasan dan serangan musuh durjana, berupa pengeboman yang tidak berperikemanusiaan, tanpa ada belas kasihan, sehingga mengorbankan orang awam termasuk kanak-kanak dan Wanita, memusnahkan harta benda dan kehidupan masyarakat di sana. Mereka yang masih hidup pula, kehilangan ibu bapa dan ibu bapa kehilangan anak-anak.

Apabila menyaksikan penderitaan yang dialami oleh mereka yang menghadapi musibah tersebut, sudah setentunya terdetik di dalam hati dan sanubari kita, perasaan belas kasihan dan simpati terhadap nasib yang menimpa mereka. Sebagai umat Islam yang diikat dengan tali persaudaraan dan kasih sayang sesama Islam. Kita berserta dengan negara-negara Islam yang lain, dan juga negara-negara yang mencintai keamanan dan kedamaian amatlah kesal di atas kejadian ini. Oleh yang demikian, marilah kita memohon pertolongan kepada Allah Subhanahu Wata'ala dengan berdoa semoga saudara Islam kita di Palestin diselamatkan daripada kekejaman musuh serta penderitaan yang mereka alami berakhir dengan segera. Semoga kekejaman musuh serta penderitaan yang mereka alami berakhir dengan segera. Semoga mereka akan dapat merasai hidup yang aman dan damai seperti yang kita nikmati.

Allahuakbar, Allahuakbar, Allahuakbar

Bagi kita yang diberikan kesempatan untuk melalui Ramadan Al-Mubarak dan meraikan

Kerana ada dalam kalangan kita, yang sejak kecil, langsung tidak dapat merasai kasih sayang ibu atau bapa disebabkan ajal mereka yang lebih dahulu tiba. Manakala bagi yang telah tiada, teruskan memperbanyakkan doa, semoga Allah Subhanahu Wata'ala mengampunkan dosa mereka dan menempatkan mereka dalam kalangan hamba-hamba-Nya yang soleh. Pemergian mereka bukan bererti tanggungjawab kita sebagai anak telah selesai, bahkan doa seorang anak itu juga merupakan salah satu daripada amalan untuk berbakti kepada ibu bapa yang telah meninggal dunia.

Allahuakbar, Allahuakbar, Allahuakbar

Hari Raya ini juga merupakan peluang untuk kita memperbaiki hubungan persaudaraan. Ini kerana antara kita, pasti ada kesalahan mahupun kesilapan yang telah dilakukan sama ada secara sadar ataupun tidak. Perbezaan pendapat dan perselisihan yang berlaku sesama manusia memang tidak dapat dielakkan. Apa yang penting kita bijak menangani setiap perbezaan tersebut dengan tenang dan bijaksana, bagi Umat Islam, walaupun kita berbeza pandangan, kita tetap bertemu pada akidah yang sama iaitu mengesakan Allah Subhanahu Wata'ala dan mengabdikan diri kepada-Nya.

Justeru, Aidilfitri ini merupakan kesempatan yang sangat sesuai untuk kita memaafkan kesalahan orang lain terhadap kita, dan peluang kita memohon kemaafan atas apa jua kesalahan yang telah kita lakukan. Semoga dengan jernihnya hubungan sesama kita akan membuka lembaran baharu kehidupan yang lebih tenang dan saling mengasihi antara satu sama lain.

**Tafsirnya :** "Dan bersegeralah kamu (mengerjakan amal kebajikan untuk membawa kamu) kepada keampunan daripada Tuhan kamu dan ke syurga yang luasnya seluas langit dan bumi yang disediakan untuk orang-orang yang bertakwa. (Iaitu) orang-orang yang membelanjakan (hartanya) pada masa senang dan susah dan orang-orang yang menahan kemarahannya serta memaafkan (kesalahan) orang. Dan Allah mengasihi orang-orang yang berbuat kebaikan". (Surah Ali-Imran, ayat 133-134)

Syawal yang penuh keberkatan ini, marilah sama-sama memperbanyakkan bekal dengan menjadikan di setiap kehidupan kita yang mendatang dengan amalan soleh sebagai kesinambungan daripada amalan sepanjang Ramadan yang baru berlalu. Maka di bulan Syawal ini, kita teruskan melakukan ibadah sunat dengan melakukan Puasa Enam di mana pahalanya menyamai dengan puasa sepanjang tahun. Seperti yang kita maklum, Puasa Enam ini boleh dilakukan secara berturut-turut atau berselang hari. Daripada Abu Ayub Al-Ansari, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda :

**Maksudnya :** "Barang siapa yang berpuasa pada bulan Ramadan, kemudian diikuti dengan Puasa Enam hari pada bulan Syawal, seolah-olah dia berpuasa sepanjang tahun". (Hadis Riwayat Imam Muslim)

Sama-samalah kita berdoa semoga amalan kita diterima oleh Allah Subhanahu Wata'ala sebagai amalan yang diredai-Nya. Sambil itu, kita terus merafakkan doa dan bermunajat, semoga Allah Subhanahu Wata'ala sentiasa mengurniakan nikmat dan rahmat-Nya kepada Negara Brunei Darussalam agar terpelihara, makmur dan aman sejahtera di bawah pemerintahan dan kepimpinan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam. Kita raiakanlah Aidilfitri ini dengan rasa penuh tawaduk dan merendah diri kepada Allah Subhanahu Wata'ala dan ambillah kesempatan ini untuk kita menjalin hubungan silaturahim sesama kita. Semoga Sambutan Hari Raya Aidilfitri kali ini diwarnai dengan penuh kegembiraan serta rahmat dan keredaan Allah Subhanahu Wata'ala, *Amin Ya Rabbal Alamin*.

**Tafsirnya :** "Sesungguhnya orang-orang yang beriman itu bersaudara maka damaikanlah antara saudara kamu (yang bertelingkah) itu dan bertakwalah kepada Allah supaya kamu beroleh rahmat". (Surah Al-Hujurat, ayat 10)



# Khutbah Hari Raya Aidilfitri 1445 Hij ah / 2024 Masihi

## Khutbah Aidilfitri pertama

## KE ARAH MENJADI UMAT YANG BERTAKWA

Allahuakbar, Allahuakbar, Allahuakbar

D I pagi yang mulia dan penuh berkat ini, marilah kita sama-sama memperbanyakkan rasa syukur dan meningkatkan ketakwaan kepada Allah Subhanahu Wata'ala dengan sebenar-benar takwa. Marilah kita mentaati segala perintah Allah Subhanahu Wata'ala dan meninggalkan segala larangan-Nya, mudah-mudahan kita semua dikasihi Allah Subhanahu Wata'ala serta mendapat perlindungan-Nya di dunia dan di akhirat.

Alhamdulillah, kita telah berada di pagi Syawal yang mulia, pada hari ini kita menzahirkan rasa kesyukuran dan kegembiraan setelah berjaya menyempurnakan ibadah puasa sepanjang bulan Ramadan yang baru sahaja berlalu. Amal ibadah kita sepanjang bulan Ramadan tersebut telah meninggalkan kesan yang mendalam di lubuk hati kita sebagai orang yang beriman. Kejayaan kita melalui Ramadan Al-Mubarak pada tahun ini mudah-mudahan akan meningkatkan lagi ketakwaan kita kepada Allah Subhanahu Wata'ala.

Sesungguhnya takwalah membezakan antara orang-orang yang beriman dengan orang-orang yang tidak beriman. Orang-orang yang beriman itu merekalah yang mendapat kemenangan dan menjadi ahli syurga. Ganjaran syurga merupakan setinggi-tinggi pencapaian dan destinasi terakhir dalam kehidupan insan yang bertakwa. Ini jelas sebagaimana firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al-Hashr, ayat 20 :

**Tafsirnya :** “Tidaklah sama penghuni neraka dengan ahli syurga. Ahli syurga itu ialah orang-orang yang berjaya”.

Allahuakbar, Allahuakbar, Allahuakbar

Dengan kedatangan 1 Syawal ini, umat Islam di seluruh dunia dari pelbagai bangsa dan peringkat umur, bersama-sama melafazkan takbir, tahmid dan tasbih sebagai

tanda mengagungkan kebesaran Allah Subhanahu Wata'ala dan tanda kejayaan mendidik dan mengawal nafsu di bulan Ramadan yang penuh berkat.

Selama berada di bulan Ramadan, kita dilatih melaksanakan ibadah-ibadah fardu dan sunat seperti Sembahyang Fardu Isyak Berjemaah, Sembahyang Sunat Tarawih, bertadarus Al-Quran, qiamullail, bersahur, memperbanyakkan sedekah dan sebagainya. Semuanya itu merupakan hasil daripada didikan Ramadan yang boleh mendorong kita ke arah menjadi umat yang bertakwa.

Ketahuilah, bahawa perjuangan untuk mewujudkan masyarakat bertakwa ini menjadi tanggungjawab kita bersama sebagai umat Islam. Maka seluruh umat Islam tanpa mengira latar belakang, kedudukan, bangsa dan pangkat serta darjat perlulah bergerak, berjuang dan bersatu memperkukuhkan kesatuan umat Islam. Sesungguhnya Allah Subhanahu Wata'ala memerintahkan kita agar bersatu dan berpegang dengan agama Allah Subhanahu Wata'ala, sebagaimana firman-Nya dalam Surah Ali-Imran, ayat 103 :

**Tafsirnya :** “*Dan berpegang teguhlah kamu kepada tali (agama) Allah dan janganlah kamu bercerai-berai dan ingatlah nikmat Allah kepada kamu ketika kamu bermusuhan (semasa jahiliyah dahulu) lalu Allah menyatukan antara hai kamu (dengan nikmat agama Islam) maka menjadilah kamu dengan nikmat-Nya itu (orang-orang Islam yang) bersaudara. Dan dahulunya kamu berada di tepi jurang neraka lalu Allah menyelamatkan kamu daripada-Nya (dengan sebab nikmat Islam). Demikianlah Allah menjelaskan kepada kamu ayat-ayat keterangan-Nya supaya kamu mendapat hidayah*”.

Allahuakbar, Allahuakbar, Allahuakbar

Pada kelazimannya Aidilfitri diraikan bersama orang yang tersayang. Apabila tiba Hari Raya, hampir setiap orang akan

menziarahi rumah ibu bapa. Ibu bapalah tempat utama yang dituju untuk menyambut lebaran. Ibu bapa merupakan insan yang paling berjasa dalam hidup kita. Mereka telah mengorbankan seluruh hidup mereka untuk memastikan kehidupan kita sentiasa cukup dan menerima pelajaran yang sebaiknya demi masa depan kita.

Setiap kali tiba Hari Raya, pastinya ibu bapa kita insan yang berlegar-legar dalam fikiran dan ingatan kita. Maka kegembiraan pada Hari Raya ini pastinya kita ingin raikan bersama insan-insan mulia ini. Inilah peluang yang ada untuk kita mengeratkan hubungan silaturahim antara ibu bapa, keluarga dan sanak saudara.

Ibu bapa juga merupakan insan yang paling gembira pada hari ini kerana anak-anak pulang berkumpul. Pasti setiap anak mengharapkan restu dan keredaan daripada ibu bapa masing-masing kerana keredaan ibu bapa itulah yang akan mendatangkan keredaan Allah Subhanahu Wata'ala. Dalam sebuah hadis, Abdullah ibnu Umar Radiallahuanha berkata bahawa Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda :

**Maksudnya :** “*Reda Allah terletak kepada reda orang tua dan kemurkaan Allah terletak kepada kemurkaan orang tua*”. (Hadis Riwayat Imam Termizi)

Justeru, ambillah peluang sementara mereka masih ada untuk kita terus mencurahkan bakti dan penghormatan kepada mereka. Bersyukurlah bagi mereka yang masih memilih ibu bapa. Kerana ada dalam kalangan kita yang sejak kecil langsung tidak dapat merasai suasana Hari Raya bersama ibu atau bapa disebabkan ajal mereka yang lebih dahulu tiba. Manakala bagi yang telah tiada, teruslah memperbanyakkan berdo'a semoga Allah Subhanahu Wata'ala mengampunkan dosa mereka dan menempatkan mereka dalam kalangan hamba-hamba-Nya yang soleh. Pemergian

mereka bukan bererti tanggungjawab kita sebagai anak telah selesai, bahkan doa seorang anak itu juga merupakan salah satu daripada amalan untuk berbakti kepada ibu bapa yang telah meninggal dunia.

Allahuakbar, Allahuakbar, Allahuakbar

Hari Raya ini juga merupakan peluang untuk kita memperbaiki hubungan persaudaraan. Ini kerana antara kita, pasti ada kesalahan mahupun kesilapan yang telah dilakukan sama ada secara sadar ataupun tidak. Perbezaan pendapat dan perselisihan yang berlaku sesama manusia memang tidak dapat dielakkan. Apa yang penting kita bijak menangani setiap perbezaan tersebut dengan tenang dan bijaksana. Bagi umat Islam, walaupun kita berbeza pandangan, kita tetap bertemu pada akidah yang sama iaitu mengesakan Allah Subhanahu Wata'ala dan mengabadikan diri kepada-Nya.

Justeru, Aidilfitri ini merupakan kesempatan yang sangat sesuai untuk kita memaafkan kesalahan orang lain terhadap kita dan peluang kita memohon kemaafan atas apa jua kesalahan yang telah kita lakukan. Semoga dengan jernihnya hubungan sesama kita akan membuka lembaran baharu kehidupan yang lebih tenang dan saling mengasihi antara satu sama lain.

**Tafsirnya :** “*Mereka ditimpa kehinaan di mana sahaja mereka berada kecuali jika mereka berpegang teguh kepada tali (agama) Allah dan tali (perjanjian) dengan manusia dan sudah sepatutnya mereka mendapat kemurkaan daripada Allah dan mereka ditimpa kehinaan. Yang demikian itu disebabkan mereka mengingkari ayat-ayat keterangan Allah dan mereka membunuh nabi-nabi tanpa alasan yang memang tidak dibenarkan. Yang demikian itu adalah disebabkan mereka derhaka dan melampaui batas*”. (Surah Ali-Imran, ayat 112).

## Khutbah Aidilfitri kedua

## Sambut Hari Raya mengikut kemampuan

Allahuakbar, Allahuakbar, Allahuakbar

H ARI ini kita meraikan Aidilfitri sebagai tanda kita berjaya menunaikan amanah melaksanakan kerohanian di bulan Ramadan. Didikan Ramadan yang mendisiplinkan diri kita sepanjang hari, memberikan suatu pengisian yang sangat bermakna dalam menjalani kehidupan yang berkualiti.

Didikan Ramadan yang telah kita lalui itu seperti melaksanakan tuntutan fardu mahupun sunat dan mengawal nafsu serta menjaga segala bentuk maksiat seperti maksiat mata, maksiat telinga, maksiat mulut agar tidak merosakkan ibadah puasa. Semua itu telah dapat kita tempuhi dengan didikan Ramadan tersebut.

Oleh yang demikian, segala didikan yang telah kita laksanakan di sepanjang Ramadan itu hendaklah diteruskan di bulan-bulan yang lain secara istiqamah. Janganlah hanya di bulan Ramadan sahaja kita rajin beramal ibadah tetapi di bulan-bulan lain pula kita berasa malas untuk beramal ibadah.

Allahuakbar, Allahuakbar, Allahuakbar

Pengertian Aidilfitri membawa makna yang mendalam iaitu 'Eid' bererti kembali, perayaan atau ulang tahun. Manakala 'Fitri' bermaksud terbuka atau makan minum, di mana seluruh umat Islam pada hari ini diwajibkan terbuka dan diharamkan berpuasa, ia juga membawa maksud fitrah atau tabiat asal kejadian manusia yang suci bersih, setelah sebulan berpuasa di bulan Ramadan.

Lazimnya kemeriahan Aidilfitri dapat dirasakan dengan rumah-rumah yang dihiasi lampu-lampu cucul berwarna-warni, sanak saudara berkumpul beramai-ramai, memakai

pakaian yang cantik dan berseri-seri serta beraneka juadah yang tersedia. Kemeriahan juga dapat dirasakan dengan kita berkumpul di masjid ini untuk menunaikan Sembahyang Sunat Hari Raya Aidilfitri dan mendengar khutbah. Kita bersalam-salaman untuk memohon keampunan semoga semua salah silap dimaafkan, perselisihan atau perbalahan dilupakan dan mana-mana yang kusut kembali dilearikan. Kita juga mengadakan rumah terbuka, menjemput sanak saudara, jiran tetangga dan rakan taulan serta saling ziarah-menziarahi dan kunjung-mengunjungi.

Amalan ziarah-menziarahi ini bertepatan dengan usaha-usaha murni menghidupkan sunnah Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam. Jika pada waktu atau bulan-bulan yang lain, kita tiada kesempatan kerana kesibukan dengan tugas mengurus rutin harian, maka di kesempatan inilah kita dapat menjalani semula keakraban dengan jiran tetangga, saudara-mara dan sahabat handai. Sesungguhnya inilah masa yang paling sesuai untuk kita menghubungkan dan mengeratkan lagi silaturahim sesama kita.

Dalam keghairahan meraikan Aidilfitri, janganlah sampai kita melakukan pembaziran kerana pembaziran itu dibenci oleh Allah Subhanahu Wata'ala. Sambutlah Hari Raya ini dengan mengikut kemampuan masing-masing. Apa yang penting biarlah bersederhana kerana Islam mengajar kita melakukan sesuatu perkara secara bersederhana dan tidak membazir. Allah Subhanahu Wata'ala berfirman dalam Surah Al-Isra', ayat 27 :

**Tafsirnya :** “*Sesungguhnya orang-orang yang membazir (membelanjakan harta pada jalan yang menyalahi syarak) itu ialah saudara-saudara syaitan dan syaitan itu adalah sangat kufur kepada Tuhannya*”.

Allahuakbar, Allahuakbar, Allahuakbar

Dalam suasana kita meraikan kegembiraan ini, janganlah kita lupa akan keperitan dan kesengsaraan yang sedang dialami oleh saudara seagama kita yang berada di mana sahaja seperti saudara kita yang berada di Palestin. Kita sedang bergembira meraikan Aidilfitri, mereka di sana dalam kegelisahan, ketakutan, bermandikan air mata dan bersibah darah kerana menghadapi penindasan dan serangan musuh durjana berupa pengeboman yang tidak berperikemanusiaan tanpa ada belas kasihan sehingga mengorbankan orang awam termasuk kanak-kanak dan wanita, serta memusnahkan harta benda dan kehidupan masyarakat di sana. Mereka yang masih hidup pula kehilangan tempat tinggal dan bersedih kerana kehilangan orang yang tersayang, anak-anak kehilangan ibu bapa dan ibu bapa kehilangan anak-anak.

Apabila menyaksikan penderitaan yang dialami oleh mereka yang menghadapi musibah tersebut, sudah setentunya tersirat di dalam hati sanubari kita perasaan belas kasihan dan simpati terhadap nasib yang menimpa mereka. Sebagai umat Islam yang diikat dengan tali persaudaraan dan kasih sayang sesama Islam, kita berserta dengan negara-negara Islam yang lain dan juga negara-negara yang mencintai keamanan dan kedamaian amatlah kesal di atas kejadian in. Oleh yang demikian, marilah kita memohon pertolongan kepada Allah Subhanahu Wata'ala dengan berdo'a semoga saudara Islam kita di Palestin diselamatkan daripada kekejaman musuh serta penderitaan yang mereka alami berakhir dengan segera. Seterusnya semoga mereka akan dapat merasai hidup yang aman dan damai seperti yang kita nikmati.

Allahuakbar, Allahuakbar, Allahuakbar

Bagi kita yang diberikan kesempatan untuk melalui Ramadan Al-Mubarak dan meraikan Syawal yang penuh keberkatan ini, marilah sama-sama kita memperbanyakkan bekal dengan menjadikan di setiap kehidupan kita yang mendatang dengan amalan soleh sebagai kesinambungan dari amalan sepanjang Ramadan yang baru berlalu. Maka di bulan Syawal ini, kita teruskan melakukan ibadah sunat dengan melakukan Puasa Enam di mana pahalanya menyamai dengan puasa sepanjang tahun. Seperti yang kita maklum, Puasa Enam ini boleh dilakukan secara berturut-turut atau berselang hari. Daripada Abu Ayub Al-Ansari Radiallahuanhu, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda :

**Maksudnya :** “*Barang siapa yang berpuasa pada bulan Ramadan, kemudian diikuti dengan Puasa Enam hari pada bulan Syawal, seolah-olah dia berpuasa sepanjang tahun*”. (Hadis Riwayat Imam Muslim)

Sama-samalah kita berdo'a semoga amalan kita diterima oleh Allah Subhanahu Wata'ala sebagaimana amalan yang diredai-Nya. Raikanlah Aidilfitri ini dengan rasa penuh tawaduk dan merendah diri kepada Allah Subhanahu Wata'ala dan ambillah kesempatan ini untuk kita menjalinkan hubungan silaturahim sesama kita, buanglah yang keruh ambillah yang jernih. Semoga Sambutan Hari Raya Aidilfitri kali ini diwarnai dengan penuh kegembiraan serta rahmat dan keredaan Allah Subhanahu Wata'ala, *Amin Ya Rabbal Alamin*.

**Tafsirnya :** “*Sesungguhnya orang-orang beriman itu bersaudara maka damaikanlah antara dua saudara kamu (yang bertelingkah) itu dan bertakwalah kepada Allah supaya kamu beroleh rahmat*”. (Surah Al-Hujurat, ayat 10)



# PERSIAPAN AKHIR SEBELUM MENJELANGNYA HARI RAYA

■ Berita dan Foto : Aimi Sani

**MENTIRI**, Rabu, 10 April. - Meskipun negara tidak serentak merayakan Hari Raya pertama dengan negara-negara jiran lainnya, namun rakyat dan penduduk di negara ini tetap menerima dengan penuh kesyukuran kerana masih berpeluang memperbanyakkan dan merebut pahala dan rahmat Allah di hari terakhir bulan Ramadan.

Menyentuh mengenai persiapan terakhir menjelang Aidilfitri, setentunya semua rakyat dan penduduk di negara ini yang beragama Islam tidak melepaskan peluang untuk membuat persiapan akhir bagi memastikan segala persiapan berjalan dengan lancar dan sempurna agar hari yang dinantikan lebih bermakna dan meriah.

Dalam banyak lokasi, kompleks membeli-belah dan gerai-gerai

yang menjual barangan Aidilfitri adalah dua lokasi wajib yang akan dikunjungi baik mereka yang sudah berkeluarga mahupun berstatus bujang untuk mendapatkan keperluan mereka pada saat-saat akhir meskipun harus berdepan dengan kesesakan lalu lintas dan bersesak-sesak dengan orang ramai.

Dayang Fatin Halwa binti Haji Rosman dari Kampung Bengkurong ketika ditemui berkata menjelang malam Aidilfitri, beliau dan adik-beradiknya akan sibuk mengemas rumah, memotong kek dan mengisi balang-balang biskut, mengisi sampul duit raya untuk diberikan kepada anak-anak buah, menggoreng keropok, menyejukkan minuman tin untuk dihidangkan di pagi raya.

Selain itu, beliau sekeluarga juga turut mengadakan Takbir Hari Raya selepas Sembahyang Fardu Isyak Berjemaah.

Menurut beliau lagi, baju raya sudah pun siap dicuci dan digosok seminggu sebelum Hari Raya.

Dalam mempersiapkan diri, beliau serta suami juga tidak lupa untuk memastikan minyak kereta sudah dibeli awal bagi memudahkan perjalanan mereka berhari raya selain turut memastikan tayar kenderaan dalam keadaan baik dan selamat.

"Semoga dengan kedatangan Syawal tahun ini dapatlah kita mendidik diri dan ahli keluarga meraihkannya dengan cara sederhana, di samping terus mentaati apa yang diajarkan oleh agama Islam dan semoga kita semua juga diberi keberkatan dan keampunan serta dipanjangkan usia bertemu dengan Ramadan akan datang dan segala amalan kita sepanjang Ramadan diterima oleh-Nya.

"Selamat menyambut Hari Raya



**DAYANG Fatin Halwa** ketika mengisi balang-balang biskut bagi persiapan akhir sebelum menjelang Hari Raya di samping mengemas rumah dan memotong kek raya.

Aidilfitri maaf zahir batin," ujarnya.

Hari Raya Aidilfitri adalah hari yang disyariatkan umat Islam untuk menyambutnya dengan penuh rasa syukur dan gembira

atas nikmat kurnia yang Allah Subhanahu Wata'ala anugerahkan kepada hamba-Nya yang berjaya melakukan ibadat pada bulan Ramadan.

## Orang ramai penuhi pusat beli-belah buat persiapan Aidilfitri

■ Berita dan Foto : Hernie Suliana Haji Othman



**ORANG** ramai kelihatan sibuk membeli-belah bagi persiapan menyambut Hari Raya Aidilfitri (atas dan atas kanan).

**TUTONG**, Rabu, 10 April. - Berikutan hasil merukyah awal bulan Syawal 1445 Hijrah yang tidak kelihatan pada Selasa, 9 April semalam, penduduk negara ini mengambil peluang membeli-belah untuk persiapan akhir menyambut Hari Lebaran pada keesokan hari

dengan mengunjungi gedung-gedung perniagaan, kedai-kedai busana, dan juga ekspo-ekspo jualan tempatan.

Tinjauan Pelita Brunei ke pusat membeli-belah di Pekan Tutong mendapati ramai yang memanfaatkan hari tambahan

berkecuali untuk membeli barang keperluan untuk berhari raya, khususnya makanan dan minuman buat menjamu keluarga, sanak saudara dan juga tetamu yang datang berkunjung, sebagaimana Hari Raya Aidilfitri disambut lazimnya.

Pelita Brunei berkesempatan menemui salah seorang juruwang yang bertugas di Petani Mall, Tutong, Dayang Sa'adatul Adibah binti Haji Amjah, bagi mendapatkan gambaran suasana membeli-belah saat-saat akhir yang beliau perhatikan.

Menurutnya, suasana lebih meriah pada malam pengumuman penglihatan anak bulan Syawal semalam, dengan ramai yang membeli stok makanan, terutamanya snek dan manisan.

Hari ini pula katanya, kebanyakan pengunjung membeli barangan seperti gula-gula, minuman dan kek siap sedia yang kelihatannya sudah laris terjual semasa penulis tiba di gedung berkenaan.

Beliau juga mengongsikan kedai di tempat beliau bertugas akan ditutup lebih lewat daripada biasanya, bagi memberi laluan



kepada pengunjung yang masih membuat persiapan akhir.

Selain itu, kepada yang mempunyai peruntukkan wang yang lebih, kaunter-kaunter bank turut menjadi tumpuan untuk menukar wang berdominasi kecil seperti BND1, BND5 dan juga BND10 untuk dijadikan sedekah kepada kanak-kanak yang berkunjung.

Tidak dinafikan juga ada yang menunggu pengumuman

penglihatan anak bulan dengan penuh debaran, kerana khuatir persediaan belum mencukupi.

Walaupun negara kita menyambut lebaran sedikit lewat dari negara tetangga, ia merupakan rahmat yang terselindung, di samping diberikan rezeki untuk beribadah selama 30 hari, dan ia juga memberikan sedikit masa kepada yang belum bersedia untuk membeli-belah di saat akhir.



سورھنجاي قرحدمتن عوام  
SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM  
JABATAN PERDANA MENTERI | BRUNEI DARUSSALAM  
WWW.RECRUITMENT.GOV.BN | WWW.SPA.GOV.BN



## ADAKAH PROFIL PSCR 2.0 AWDA LENGKAP DAN TERATUR?

100%

BARU

PANDUAN  
LATAR BELAKANG PENDIDIKAN

- ✓ Kelulusan Pendidikan Tinggi  
Diploma / Ijazah Sarjana Muda / Ijazah Sarjana / PHD atau sebanding (bidang Major atau Minor dimestikan teratur)
- ✓ Kelulusan Pendidikan Menengah  
PMB / GCE 'O' LEVEL / GCE 'A' LEVEL atau sijil / kelulusan sebanding
- ✓ Tamat Persekolahan  
bagi pemohon yang menamatkan pelajaran di peringkat menengah sahaja

PANDUAN  
MUATNAIK DOKUMEN

- ✓ Maklumat Peribadi  
Kad Pengenal / Pasport / Gambar Terkini
- ✓ Maklumat Lesen Memandu
- ✓ Kelulusan Pendidikan Tinggi  
Sijil / Transkrip (dimestikan dimuatnaik) / MKPK (jika dari Institusi Swasta / Luar Negeri)
- ✓ Kelulusan Pendidikan Menengah
- ✓ Tamat Persekolahan  
(Sijil berhenti Sekolah)

PANDUAN  
PENGALAMAN KERJA

- ✓ Pengalaman Kerja Kerajaan  
menandakan "✓" pada jawatan sekarang / prestasi 3 tahun kebelakangan / pengesahan profil pegawai kakitangan kerajaan / tempoh kerja yang teratur / tarikh mula dalam tangga gaji / tangga gaji / nama jawatan yang betul
- ✓ Pengalaman Kerja Swasta
- ✓ Pengalaman Kerja Beruniform
- ✓ Pengalaman Bekerja Sendiri
- ✓ Penempatan Kerja
- ✓ Tidak Bekerja

PANDUAN  
KEMAHIRAN DAN KELAYAKAN PROFESIONAL

- ✓ Kelayakan Profesional
- ✓ Peperiksaan Kesetiausahaan
- ✓ Kemahiran Bahasa
- ✓ Lain-Lain Kemahiran

PANDUAN  
PEPERIKSAAN DAN KURSUS

- ✓ Peperiksaan Kerajaan
- ✓ Kursus Yang Dihadiri (Kerajaan/Swasta)
- ✓ Kursus Induksi Perkhidmatan Awam
- ✓ Kursus Perkhidmatan Awam (IPA)
- ✓ Program Pembangunan Eksekutif



# PUISI

## Salam Lebaran

Di waktu subuh mula bersinar  
kedengaran bunyi takbir raya  
bergema di menara-menara  
memanggil para muslimin  
dengan mengerjakan sembahyang raya  
dengan penuh khushyuk dan tawaduk  
dengan mengucap kalimat,  
Allahu akhbar...Allahu akhbar...Allahu akhbar,  
La ilaha ilallah wallahu akhbar,  
Allahu akhbar walillahil hamdu.

Di waktu mentari hingga ke senja  
suasana di hari lebaran  
kanak-kanak, tua-muda, miskin-kaya,  
berpakaian serba baharu  
dengan penuh mesra dan manja  
mengeratkan silaturahmi sesama muslimin  
dengan menyusun jejeri sepuluh  
dengan memohon segala kemaafan  
zahir dan batin  
di hari yang mulia.

Malam kian menyinari  
cahaya bulan dan bintang  
dengan lampu-lampu neon  
beraneka warna bergemerlapan  
menerangi kota dan desa  
dengan keindahan lebaran,  
para insan muslimin menikmati  
suasana di malam raya  
dengan penuh kemesraan  
tanda bersyukur kepada-Nya Ilahi.

Adi Jiwa

## BERTUKAR BUAH TANGAN ZAHIRKAN PENGHARGAAN, RASA SYUKUR

Berita dan Foto : Pg. Vivy Malessa Pg. Ibrahim



PELUANG saling bertukar-tukar buah tangan direbut oleh rakan taulan atau kaum keluarga bagi meraikan Sambutan Hari Raya Aidilfitri.

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Rabu, 10 April. - Dalam menyambut Hari Raya Aidilfitri yang akan disambut oleh umat Islam di negara ini pada

Khamis, peluang ini direbut oleh rakan taulan atau kaum keluarga untuk saling bertukar-tukar buah tangan.

Buah tangan berkenaan tidak kira berupa hamper, kuih-muih raya dan minuman.

Pemberian buah tangan berkenaan adalah bagi sama-sama merayakan dan memeriahkan lagi suasana Hari Raya Aidilfitri.

Peluang pemberian buah tangan berkenaan juga menunjukkan kasih sayang sesama insan dan juga secara tidak langsung mengamalkan sifat bersedekah.

Dalam kesempatan ini, Pelita Brunei menemu bual seorang orang awam mengenai dengan pandangan pemberian buah tangan kepada rakan-rakan dan kaum keluarga.

Awang Khairul Izam bin Abdullah dari Kampung Kiulap menjelaskan sebelum Hari Raya menjelma, beliau memang ada memberikan buah tangan berupa hamper kepada keluarga terdekat bagi sama-sama memeriahkan Hari Raya.

"Keikhlasan saya memberi buah tangan tersebut dihargai oleh ahli keluarga dan syukur alhamdulillah mereka berasa amat gembira menerimanya," ujarnya.

Tambahnya, pemberian buah tangan untuk sambutan Hari Raya adalah sebagai salah satu cara untuk menzahirkan penghargaan dan rasa syukur dalam sama-sama berkongsi kegembiraan di Hari Raya kepada rakan dan ahli keluarga terdekat.

## Stesen minyak jadi tumpuan menjelang Syawal



SEKITAR suasana stesen-stesen minyak menjelang Syawal yang kelihatan sibuk dengan deretan kenderaan untuk mengisi minyak kenderaan masing-masing (atas dan atas kanan).

Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani  
Foto : Azmah Haji Ahad

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Rabu, 10 April. - Sebagai persiapan menjelang Hari Raya Aidilfitri, stesen-stesen minyak turut menjadi tumpuan utama masyarakat di negara ini untuk mengisi minyak kenderaan mereka.

Semasa tinjauan Pelita Brunei mendapati suasana stesen-stesen minyak menjelang Syawal tahun ini sangat sibuk dengan deretan kenderaan yang beratur panjang

untuk mengisi minyak kenderaan masing-masing.

Kesibukan para penyelia dan petugas di stesen-stesen minyak bukan sahaja berlaku pada waktu siang, malah ia turut berlarutan sehingga waktu malam

Sementara itu, orang ramai khususnya pelanggan di stesen-stesen minyak turut diingatkan untuk sentiasa mematuhi langkah-langkah keselamatan semasa berada di stesen minyak.

Antara larangan utama dan jelas diingatkan ialah untuk tidak

menyalakan api atau rokok, mematikan enjin kenderaan semasa mengisi minyak dan tidak menggunakan telefon bimbit, kerana langkah-langkah keselamatan di stesen minyak harus diambil berat oleh semua pengguna.

Justeru, adalah disarankan kepada orang ramai untuk lebih bersikap sabar dan rasional ketika berada di stesen minyak serta sentiasa memberikan kerjasama bagi mengelakkan sebarang kejadian yang tidak diinginkan berlaku.



### NASIHAT BERBELANJA DALAM TALIAN Fikir sebelum beli

"buleh percaya kan tu?"

"mun barang inda sampai, kana mulihkan usinku kan ni?"

"ok kan tu? selamat kah jual bali cemani ani?"

"iawah? banar kan tawarannya ani?"

### Jadi pengguna yang bertanggungjawab

- ✓ Semak ulasan terlebih dahulu, beli dari sumber yang dipercayai.
- ✓ Dapatkan resit rasmi.
- ✓ Fahami polisi bayaran balik dan jaminan.
- ✓ Jika ragu, elakkan berurusan dengan mereka.

Perintah Pelindungan Pengguna (Perdagangan Wajar) dikenakan ke atas transaksi Perniagaan-ke-Pengguna



# BUNGA API, MERCUN PELBAGAI JENAMA DIRAMPAS

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Rabu, 10 April. - Jabatan Kastam dan Eksais Diraja (JKED) melalui gerakan operasi Bahagian Penguatkuasa Undang-Undang telah berjaya membuat kes-kes tangkapan barang-barang kesalahan Kastam di kawasan Kampung Tanjong Bunut, Kampung Junjungan dan Kampung Sungai Kebun, Daerah Brunei dan Muara.

Hasil gerakan operasi pertama yang telah dijalankan pada Jumaat, 29 Mac 2024 di kawasan Kampung Tanjong Bunut, telah berjaya menahan seorang lelaki warga India berumur 38 tahun atas kesalahan memiliki barang kesalahan, iaitu 16,932 paket dan 871 batang bunga api pelbagai jenama, dan 44,100 paket mercun pelbagai jenama.

Hasil gerakan operasi kedua yang telah dijalankan pada Sabtu, 30 Mac 2024 di kawasan Kampung Junjungan, telah berjaya menahan seorang lelaki warga tempatan berumur 38 tahun atas kesalahan memiliki barang kesalahan iaitu: 101 paket dan 175 batang bunga api pelbagai jenama, dan tujuh kotak dan 180 biji mercun pelbagai jenama.

Seterusnya, hasil gerakan

operasi ketiga yang telah dijalankan pada Isnin, 1 April 2024 di kawasan Kampung Sungai Kebun, telah berjaya menahan seorang perempuan warga tempatan berumur 43 tahun atas kesalahan memiliki barang kesalahan iaitu: 131 kerton dan 214 paket rokok pelbagai jenama; satu kotak, 14 paket dan 97 batang mercun pelbagai jenama; wang tunai BND3,688.00 dipercayai hasil daripada aktiviti penjualan barang kesalahan kastam; dan satu unit telefon bimbit yang dipercayai digunakan untuk aktiviti kesalahan JKED.

Kesemua barang-barang kesalahan terbabit telah dirampas dan individu terlibat telah dibawa ke Pejabat Penguatkuasa Undang-Undang, JKED untuk siasatan lanjut.

JKED ingin menasihatkan kepada orang ramai agar sentiasa mematuhi mana-mana perundangan negara dan menghindari dari melakukan kegiatan-kegiatan penyeludupan atau membawa masuk dan keluar barang-barang tegahan, sekatan dan juga larangan kastam.

Memiliki barang-barang tegahan Kastam adalah menjadi satu kesalahan di bawah Seksyen

140, Perintah Kastam 2006 atau Seksyen 146, Perintah Eksais 2006.

JKED turut mengucapkan ribuan terima kasih kepada orang ramai yang telah memberikan kerjasama dengan menyalurkan maklumat-maklumat yang berkaitan dengan aktiviti menyalahi perundangan dan peraturan yang dikuatkuasakan oleh JKED.

Orang ramai dialu-alukan untuk mengongsikan maklumat berkaitan apa jua kegiatan penyeludupan barang-barang tegahan Kastam atau apa jua aktiviti yang menyalahi perundangan Kastam dengan menghubungi JKED menerusi talian utama JKED : +673 8714422 atau +673 8721422 atau ke pejabat Kastam yang berdekatan.

Pihak JKED juga memberi jaminan bahawa identiti setiap pemberi maklumat adalah dirahsiakan.

**JABATAN Kastam dan Eksais Diraja** melalui gerakan operasi Bahagian Penguatkuasa Undang-Undang berjaya membuat kes-kes tangkapan barang-barang kesalahan kastam di beberapa kawasan Daerah Brunei dan Muara.

Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Kastam dan Eksais Diraja



## Pemakaian daster kini menjadi pilihan jejaka

Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi,  
Isa Haji Abdul Rahman  
Foto : Ihsan Nurdyanah R., Pg. Haji Muhammad  
Tali @ Matali Pg. Haji Mat Serudin



**P**EMAKAIAN daster kini sudah tidak asing lagi, ia bukan hanya dipakai oleh mempelai pengantin lelaki malah penggunaannya sudah menjadi trend sekarang terutama sekali dikenakan oleh sebilangan kaum lelaki untuk lebih *rugged* dan kelihatan ranggi apabila dipakai dalam satu majlis keraian.

Di negara ini, pemakaian daster juga dapat kita saksikan pemakaiannya semasa majlis-majlis penuh adat istiadat seperti Majlis-majlis Kebesaran Adat Istiadat Diraja termasuk dalam persembahan tarian tradisional Melayu kita.

Kira-kira lebih 20 jenis tambatan daster Brunei terdapat di negara ini sejak dari dahulu lagi antaranya Daster Taruna, Helang Benari, Singa Menerpa, Layar Bahtera, Nakhoda Belayar, dan Hulubalang Diraja.

Daster Taruna adalah salah satu daster asas dalam seni tambatan daster di negara

ini. Sememangnya kreativiti orang lama dalam memberi nama-nama setiap daster itu sentiasa berkembang kerana kehidupan mereka lebih dekat dengan alam semula jadi dan begitu juga persekitaran mereka. Seperti juga nama-nama daster, ia turut dikaitkan dengan ciri-ciri 'si pemakainya'.

Setiap jenis daster memiliki corak dan tambatan lipatan yang berbeza-beza, tidak terkecuali juga jenis bahan kain yang digunakan. Malah kain yang digunakan untuk daster seperti kain songket menjadi sorotan utama dengan corak yang halus dan menarik. Pastinya daster itu memiliki rekaan simpulan tersendiri, namun kebiasaannya apa yang dipelajari secara umumnya mengikuti tradisi pemakaian

orang dulu-dulu.

Kini daster juga merupakan hiasan di kepala dan sudah menjadi fesyen ketika ini yang menampakkan lagi seri gaya bukan sahaja dipakai semasa majlis persandingan malah juga pada acara-acara kekeluargaan. Trend pemakaian daster ini sememangnya menjadi tarikan utama kerana ianya menunjukkan kelainan pada si pemakai apatah lagi sebelum ini kebiasaannya kita melihat songkok dipakai tetapi kini daster mula mengambil tempat.

Tambatan daster dari kain songket ditambah lagi dengan hiasan pin atau *brooch* menyerlahkan lagi si pemakai dengan baju Melayu dan sinjang yang lengkap dan ia juga sesuai dipakai semasa menyambut

lebaran dengan penampilan yang begitu elegan dan 'gah' sekali.

Apa yang kita harapkan pemakaian daster seumpama ini akan terus mendapat sambutan daripada masyarakat kita di negara ini tidak mengira peringkat umur, baik yang muda atau sebaliknya.

Adanya pemakaian daster secara konsisten ini setentunya dapat menanamkan minat dan kesedaran orang awam terutama generasi belia sekarang yang seharusnya berbangga dalam melihat kehebatan tradisi Melayu dan betapa indahnya adat warisan budaya Melayu agar ia 'tak lapuk dek hujan, tak lekang dek panas'.

Untuk menempah perkhidmatan juruhias pengantin, penyewaan daster pengantin dan daster bagi ahli keluarga lelaki, bolehlah menghubungi Pengiran Haji Muhammad Tali @ Matali bin Pengiran Haji Mat Serudin di talian +673 8679608.



# SALAM LEBARAN

Oleh : Norlia Md. Zain

**K**EMERIAHAN Hari Raya telah dirasakan oleh seluruh umat Islam setelah sebulan berpuasa. Tahniah bagi mereka yang berjaya melaksanakannya dan mengisi Ramadan mereka dengan amal ibadat. Apa lagi rakyat dan penduduk di negara ini dapat menyambut Syawal dengan keadaan negara yang aman makmur.

Pelita Brunei kali ini memberi ruang kepada orang ramai untuk menyampaikan ucapan Hari Raya sebagai pengganti diri. Mudah-mudahan dapat menceriakan Hari Raya bagi mereka yang mengenali. Semoga hubungan ukhuwah akan kekal terjalin walaupun tidak dapat bersua muka.

"SELAMAT Hari Raya Aidilfitri diucapkan buat keluarga dan rakan seperjuangan yang mengenali diri saya. Semoga tahun 2024 ini membawa keceriaan dalam kita mnyambut Hari Raya tahun ini," daripada Dayang Masmardiwyahwati binti Haji Akhir.



"SALAM Aidilfitri diucapkan khusus buat keluarga yang disayangi, maaf dipinta andainya ada terkasar bahasa, tersilap bicara, semoga lebaran kali ini membawa penuh kebahagiaan. Selamat Hari Raya Aidilfitri kami ucapkan, dari kami Awang Amirulhady bin Abdullah dan Dayang Faizah Wati binti Ibrahim".



"SELAMAT Hari Raya Aidilfitri kami ucapkan kepada seluruh umat Islam terutama sekali kepada family di Lambak, family di Sungai Besar, saudara-mara serta para sahabat yang kami sayangi. Mohon Maaf Zahir dan Batin. Dalam menyambut meriahnya raya, Jangan lupakan saudara di Gaza, Serba sederhana tetap bermakna, Semoga amalan kita diterima."

Daripada Dayang Siti Nur Izzahriah binti Haji Imran serta keluarga.



"RAMADAN pergi Syawal menjelma Segala tersakiti Maaf dipinta

Selamat Hari Raya Aidilfitri, Maaf Zahir Batin," ikhlas daripada Farhan, Aura, Afa, Auna, Rafa dan Ariz.



"SALAM lebaran ini ditujukan kepada keluarga tersayang terutama kepada kedua ibu bapa serta mertua, adik-beradik, ipar-duai, anak-anak buah serta ahli keluarga yang lain serta rakan-rakan," ikhlas daripada Awang Muhammad Syuhardi bin Haji Abu Bakar dan isteri serta anak.



"SELAMAT menyambut bulan Syawal, semoga segala amalan kita diterima dan termasuk dalam golongan orang-orang yang sentiasa bersyukur di atas nikmat-Nya. Mohon ampun dan maaf atas segalanya, Selamat Hari Raya Aidilfitri, Maaf Zahir dan Batin," daripada Dayang Siti Nor Mala binti Haji Abdul Karim.



"SALAM Aidilfitri. Pada kesempatan hari dan bulan yang mulia ini, kami sekeluarga memohon ampun dari kesilapan-kesilapan zahir mahupun batin. Semoga Hari Raya pada tahun ini dipenuhi dengan riang ria dan kegembiraan. Dengan luhur hati ikhlas kemaafan, semoga silap dan salah kami diampuni agar terus terjalin ikatan hubungan kita semua penuh dengan kebahagiaan dan keharmonian," daripada Dayang Siti Fatimah binti Othman serta keluarga.







## ‘Istana Terbuka’ eratkan hubungan silaturahmi sesama negara sahabat

Oleh : Ak. Jefferi Pg. Durahman  
Foto : Azmah Haji Ahad

**N**EGARA Brunei Darussalam sangat beruntung dan bertuah dianugerahkan sebagai sebuah negara yang aman dan sentosa berkat pimpinan seorang raja yang berjiwa rakyat, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Kemurahan pemimpin negara itu jelas terbukti dengan adanya majlis-majlis ramah mesra di Majlis Junjung Ziarah Hari Raya Aidilfitri atau lebih sinonim dengan 'Istana Terbuka' bagi pembesar-pembesar negara dan perwakilan negara-negara sahabat silaturahmi sempena Hari Raya Aidilfitri di Istana Nurul Iman.

Dengan adanya 'Istana Terbuka' bagi pembesar-pembesar negara dan perwakilan negara-negara sahabat jelas menunjukkan keikhlasan Kebawah Duli Yang Maha Mulia dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha binti Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Mohamed Alam berkongsi rasa syukur dan gembira bersama para tetamu selain sebagai pemimpin yang berjiwa rakyat.

Kegembiraan ini juga dikongsikan bersama para diplomat luar negara yang menetap di negara ini. Pada kesempatan ini juga wakil dari Meja Rencana Seksyen Kandungan Khas turut membuat temu bual bersama dua wakil kedutaan negara sahabat di negara ini.

Pesuruhjaya Tinggi Malaysia ke Negara Brunei Darussalam, Tuan Yang Terutama Dato' Raja Reza bin Raja Zaib Shah dalam temu bual menjelaskan tahun ini merupakan kali ketiga berturut-turut Tuan Yang Terutama berpuasa dan menyambut Hari Raya Aidilfitri di Brunei Darussalam.

Ujar Tuan Yang Terutama lagi, kesempatan untuk menghadiri majlis Istana Terbuka di Istana Nurul Iman pasti akan menjadi salah satu kenangan indah yang akan terpahat sepanjang masa dalam ingatan lebih-lebih lagi memandangkan beliau akan menamatkan tempoh perkhidmatannya

sebagai Pesuruhjaya Tinggi Malaysia pada bulan depan.

Menyentuh tentang konsep sambutan Hari Raya di Istana Terbuka pula, Tuan Yang Terutama berkata ianya memberikan satu peluang yang unik kepada para tetamu yang diundang untuk mengadap dan menyampaikan sendiri ucapan Hari Raya ke hadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri dan kerabat diraja yang lain. Ini juga sekali gus akan memperkukuhkan lagi ikatan persahabatan dan silaturahmi antara baginda berdua dengan para tetamu, di samping itu, mereka turut menikmati keenakan pelbagai juadah tradisi Hari Raya negara ini yang dihidangkan.

"Sebagai salah seorang wakil Duta Besar Asing yang bermastautin di Negara Brunei Darussalam saya berpendapat bahawa kami sebagai para diplomat asing amat menghargai dan teruja diberi kesempatan untuk menyambut Hari Raya bersama Kebawah Duli Yang Maha Mulia dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri bersama-sama kerabat diraja selain daripada Menteri-menteri kabinet Negara Brunei Darussalam. Saya juga berpendapat tradisi mengadakan Istana Terbuka wajar diteruskan pada masa akan datang.

Pada kesempatan yang amat berharga ini juga, saya dan isteri ingin menyampaikan ucapan Selamat Hari Raya Aidilfitri, Maaf, Zahir dan Batin ke hadapan majlis Kebawah DYMM dan Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Raja Isteri. Semoga Kebawah DYMM berdua dirahmati Allah Subhanahu Wata'ala dan dikurniakan dengan nikmat afiah, kesejahteraan dan dilimpahi rahmat berterusan," ungkap Tuan Yang Terutama dan isteri.

Manakala Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Rakyat China ke Negara Brunei Darussalam, Tuan Yang Terutama Xiao Jianguo pula berkata ini merupakan kali kedua untuk beliau menghadiri Sambutan Hari Raya Aidilfitri di Istana Nurul Iman di mana tahun pertama pada tahun lepas apabila pertama kali tiba di Negara Brunei Darussalam. Menurut Tuan Yang Terutama,

berhari raya di Istana Terbuka ini dianggap sebagai satu pengalaman budaya yang begitu membuat hati Tuan Yang Terutama teruja dan kagum.

Bagi Tuan Yang Terutama lagi, sambutan ini juga merupakan satu majlis yang begitu besar dengan pelbagai hidangan makanan yang beraneka di samping kesopanan santunan para tetamu dengan pakaian tradisional mereka yang begitu menarik perhatiannya.

"Bukan itu sahaja, saya juga turut tersentuh dengan layanan yang sangat istimewa yang diberikan kepada para diplomat asing yang menetap di negara ini melalui sambutan Hari Raya di Istana Nurul Iman. Kesungguhan Kebawah DYMM dan Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Raja Isteri menganjurkan majlis yang sangat istimewa bagi kami para diplomat asing betul-betul menyentuh hati dan perasaan kami atas kemesraan dan layanan yang begitu istimewa dari baginda berdua beserta para kerabat diraja lainnya," ujar Tuan Yang Terutama dengan penuh keceriaan.

Berkata Tuan Yang Terutama lagi, Hari Raya merupakan hari kemenangan dan percutian yang menggembirakan dan besar bagi umat Islam di negara ini, di mana Hari Raya ini juga menurutnya berperanan sebagai masa untuk bermaafan dan bergembira.

"Saya berasa amat berbesar hati kerana turut dijemput ke Istana Terbuka seterusnya berpeluang bertemu bersama Kebawah DYMM dan Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Raja Isteri juga kerabat diraja sekali gus berpeluang berinteraksi mesra dengan mereka.

Ia juga merupakan acara sosial yang penting untuk para duta dengan latar belakang budaya, agama dan etnik yang berbeza untuk bertemu antara satu sama lain dan belajar daripada satu sama lain. Terutamanya terdapat ramai duta di negara ini juga dari negara-negara Islam, yang mempunyai pandangan dan pengalaman yang berbeza," jelas Tuan Yang Terutama.

Tuan Yang Terutama juga berkata bak kata pepatah Melayu, 'Tak kenal maka tak cinta'. China dan Brunei adalah jiran rapat di seberang laut, menikmati budaya dan tradisi Asia yang serupa dan interaksi mesra antara kedua-dua negara dapat dikesan

sejak seribu tahun dahulu, yang melaluinya pertukaran dan kerjasama aktif dari segi tamadun dan budaya telah dijalankan dan membuahkan hasil bahkan tamadun sentiasa diperkaya dengan pertukaran dan pembelajaran bersama. China bersedia untuk mengukuhkan lagi pertukaran budaya dengan Negara Brunei Darussalam, untuk memperdalam persefahaman dan kepercayaan bersama serta merapatkan hubungan rakyat dengan rakyat kedua-dua negara.

"Pada kesempatan ini juga, saya selaku selaku wakil Duta dari Republik Rakyat China ke Negara Brunei Darussalam mengambil kesempatan yang amat berharga ini mengucapkan Selamat Hari Raya Aidilfitri ke hadapan majlis Kebawah DYMM dan Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Raja Isteri berserta seluruh ahli kerabat diraja, semoga baginda berdua akan sentiasa dalam situasi yang sihat dan berbahagia selalu serta kekal memerintah negara," ujar Tuan Yang Terutama pada majlis tersebut.

Majlis ini juga adalah sebagai salah satu cara baginda berkongsi hari kemenangan umat Islam bersama rakyat dan para diplomat asing bagi mengeratkan lagi hubungan silaturahmi selain membukakan laluan platform para diplomat asing untuk lebih mengeratkan lagi hubungan antara negara masing-masing bahkan peluang ini tidak dilepaskan begitu sahaja memandangkan mereka hanya berada di negara ini untuk suatu tempoh yang ditetapkan. Sememangnya kunjungan ini akan menjadi ingatan manis dan lipatan sejarah sepanjang mereka berkhidmat di negara ini.

Majlis Junjung Ziarah Hari Raya Aidilfitri tersebut berlangsung dengan penuh kegembiraan, lebih-lebih lagi baginda berdua dan kerabat diraja yang lain berkenan menerima sembah ucapan 'Selamat Hari Raya Aidilfitri' dan seterusnya beramah mesra bersama para tetamu yang hadir. Di samping para tetamu dapat menyaksikan sendiri akan kemesraan baginda berdua dan kerabat diraja yang lain.

Dengan adanya ikatan muhibah ini, ia akan mengeratkan lagi persahabatan dan hubungan dua hala antara Negara Brunei Darussalam dengan negara-negara luar dalam pelbagai bidang serta kerjasama.



# BIDEN KATA NETANYAHU LAKUKAN KESILAPAN BERPERANG DI GAZA



WASHINGTON, 11 April. - Presiden Amerika Syarikat (AS) Joe Biden mengkritik Perdana Menteri Israel Benjamin Netanyahu berhubung perang ke atas Gaza, menyifatkan pendekatannya sebagai "kesilapan".

"Saya fikir apa yang dia lakukan adalah satu kesilapan. Saya tidak bersetuju dengan pendekatannya," kata Biden kepada rangkaian TV berbahasa Sepanyol Univision yang berpangkalan di AS dalam satu temu bual pada Selasa, lapor

Agensi Anadolu

"Apa yang saya minta ialah Israel menggesa untuk gencatan senjata, membenarkan akses sepenuhnya untuk tempoh enam hingga lapan minggu akan datang untuk semua makanan dan ubat masuk ke negara itu," katanya. Tiada alasan untuk tidak menyediakan keperluan perubatan dan makanan untuk penduduk. Ia perlu dilakukan sekarang.

Menurut Anadolu, kenyataan Biden dibuat selepas beliau berkata

dalam satu kenyataan minggu lepas bahawa beliau "marah" dan "sedih" atas serangan udara Israel di Gaza yang mengorbankan tujuh pekerja badan amal makanan yang berpangkalan di AS, World Central Kitchen (WCK), menekankan bahawa Israel "tidak melakukan secukupnya untuk melindungi pekerja bantuan".

Israel telah melancarkan serangan tentera di Semenanjung Gaza sejak 7 Okt, membunuh lebih 33,300 rakyat Palestin dan

mencederakan hampir 76,000 selain kemusnahan kediaman dan infrastruktur pada skala besar dan kekurangan barangan keperluan.

Rejim itu dituduh melakukan pembunuhan beramai-ramai di Mahkamah Keadilan Antarabangsa (ICJ), yang pada Januari lepas

mengeluarkan keputusan interim yang mengarahkan Tel Aviv menghentikan tindakan genosid dan mengambil langkah menjamin bantuan kemanusiaan diberikan kepada orang awam di Gaza. - ©BERNAMA

## Labur ke China sama dengan labur untuk masa hadapan

BEIJING, 11 April. - Dengan adanya persekitaran pelaburan yang baik, pelaksanaan dasar pintu terbuka yang konsisten dan keyakinan perusahaan asing yang semakin meningkat, menanam modal ke China sama dengan melabur untuk masa hadapan.

Demikian dinyatakan jurucakap Kementerian Luar China, Mao Ning pada Rabu susulan Kearney, syarikat kaunseling pengurusan yang terkemuka di dunia, menaikkan kedudukan China kepada tangga ketiga daripada ketujuh dalam ranking indeks keyakinan pelaburan langsung asing (FDI) pada 2024, yang juga tempat pertama dalam senarai ekonomi yang baharu berkembang.

Mao memaklumkan pada

sidang media semalam bahawa China telah menggubal dan menguatkuasakan undang-undang pelaburan asing, menyempurnakan sistem perundangan melibatkan pelaburan asing, mengintensifkan perlindungan terhadap hak harta intelek, mengemas kini peraturan dan piawaian dalam pelbagai bidang sehingga persekitaran pelaburan sudah menjadi lebih stabil, telus dan boleh dijangkakan sejak beberapa tahun kebelakangan ini. Di samping itu, China terus meningkatkan tahap keterbukaan dari segi institusi dan menyesuaikan diri dengan peraturan perdagangan antarabangsa yang berspesifikasi tinggi.

Ini dibuktikan dengan senarai negatif mengenai akses modal

asing di China yang telah dipendekkan dari edisi pertama pada 2013 yang merangkumi 190 fasal, kepada edisi dewasa ini yang melibatkan 31 fasal, termasuk hanya 27 fasal yang berkaitan dengan pelaksanaan projek pilot di Zon Perdagangan Bebas (FTA).

"Menanam modal ke China sama dengan melabur untuk masa hadapan. China akan terus menambah baik persekitaran perniagaan, memperluas ruang kerjasama demi situasi sama menentang menerusi usaha mengembangkan kuasa produktif kualiti baharu, dan sudi berkongsi dividen hasil pembangunan dengan seluruh dunia," kata Mao lagi. - ©BERNAMA

## China sokong Palestin anggota PBB

BEIJING, 12 April. - China menyokong Palestin menjadi anggota baharu Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) dan menyokong Majlis Keselamatan PBB (UNSC) mengambil tindakan berkenaan dengan secepat mungkin.

Ini dinyatakan jurucakap Kementerian Luar China, Mao Ning pada Khamis ketika membuat ulasan tentang Palestin meminta secara rasmi UNSC agar mempertimbangkan semula permohonannya yang dikeluarkan pada 2011 untuk menganggotai

PBB.

Sebelum ini iaitu pada 8 April lalu, UNSC pernah mengadakan satu mesyuarat dan menyerah permohonan Palestin tersebut kepada Jawatankuasa Penerimaan Anggota Baharu untuk dibahaskan. Bagaimanapun, Amerika Syarikat (AS) menyatakan bahawa pihaknya kekal menentang keanggotaan Palestin di PBB sebelum menyaksikan perjanjian yang lebih menyeluruh dicapai dengan Israel.

Sehubungan itu, Mao Ning menyatakan bahawa konflik

Palestin-Israel pusingan ini masih berlarutan, yang mengakibatkan krisis kemanusiaan yang serius dan ini sekali lagi memberikan amaran kepada masyarakat antarabangsa bahawa hanya dengan melaksanakan "pelan dua negara", membantu Palestin menubuhkan negaranya dan mengakhiri layanan yang tidak adil yang dialami rakyat Palestin selama bertahun-tahun, barulah dapat menamatkan secara tuntas konflik yang bersifat 'lingkaran ganas' antara Palestin dan Israel. - ©BERNAMA

## 9 maut, 15 hilang selepas bot bawa migran karam dekat Itali

ROM, 12 April. - Sekurang-kurangnya sembilan maut dan 15 lagi masih hilang pada Khamis selepas sebuah bot membawa migran terbalik di perairan selatan Itali pada Rabu.

Menurut Pengawal Pantai Itali dan kumpulan pemerhati bukan kerajaan, bot yang membawa 46 orang dari Burkina Faso, Guinea, Ivory Coast dan Mali terbalik dan tenggelam dalam keadaan angin kencang lewat Rabu, tiga hari selepas ia belayar dari Sfax, Tunisia, Xinhua memetik laporan agensi berita Itali, ANSA.

Pengawal Pantai berkata

anggotanya menyelamatkan 22 orang dan membawa keluar lapan mayat termasuk seorang kanak-kanak perempuan berusia antara empat hingga lapan tahun. Seorang lagi mangsa, seorang kanak-kanak lelaki meninggal dunia sebelum sempat dihantar ke hospital.

Mereka yang terselamat dan mayat mangsa dibawa ke pusat pemprosesan migran di Lampedusa, pulau paling selatan di Itali.

Insiden itu dipercayai berlaku di perairan antara Lampedusa dan Malta.

Menurut data terkini daripada Suruhanjaya Tinggi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu Bagi Pelarian (UNHCR), jumlah keseluruhan ketibaan migran di Eropah menyeberangi Laut Mediterranean adalah di bawah 45,000 setakat 7 April kira-kira lebih 5,000 daripada yang dicatatkan dalam tempoh sama pada 2023.

Pada tahun lepas, Itali melaporkan pendaratan hampir 158,000 migran dan lebih daripada 1,900 kematian di laut. Ia menerima 14,600 migran melalui laut Mediterranean setakat tahun ini. - ©BERNAMA

## Gempa bumi sederhana dikesan di Filipina

KUALA LUMPUR, 11 April. - Satu gempa bumi sederhana berukuran 5.1 pada skala Richter dikesan berlaku di Mindanao, Filipina pada 11.34 pagi ini.

Jabatan Meteorologi Malaysia dalam ciapan di Facebook memaklumkan pusat gempa itu terletak di 7.5 darjah utara dan 126.2 darjah timur dengan kedalaman 63 kilometer iaitu 60 kilometer timur dari Panabo, Filipina. "Tiada ancaman tsunami kepada Malaysia," menurut ciapan itu. - ©BERNAMA

## Pertempuran meletus di Tripoli, Libya

TRIPOLI, 12 April. - Pertempuran antara kumpulan bersenjata meletus di Tripoli, ibu negara Libya pada Khamis dengan tembak-menembak di dalam bandar dan pasukan tentera digerakkan di sekitar jalan raya pada Khamis, menurut saksi.

Insiden tembak-menembak itu mengakibatkan panik dalam kalangan orang ramai, menurut saksi lapor Xinhua.

Jabatan Kecemasan di bawah Kementerian Kesihatan menasihatkan penduduk supaya menjauhi kawasan konflik dan duduk di rumah untuk keselamatan mereka. - ©BERNAMA

## Tiga maut nahas helikopter tentera di Cuba

HAVANA, 12 April. - Tiga pegawai maut pada Khamis selepas sebuah helikopter tentera terhempas di timur bandar raya Santiago, Cuba, lapor Kementerian Angkatan Bersenjata (Minfar).

Pesawat itu terhempas di sebuah lapangan terbang dalam kawasan bandar raya kedua paling padat dengan penduduk di negara ini kira-kira 860 kilometer timur Havana, kata Minfar dalam satu kenyataan sambil menambah tiga daripada kru helikopter itu maut, lapor Xinhua.

"Pada masa ini sebuah jawatankuasa Angkatan Tentera Revolusi sedang menyiasat punca nahas," menurut kenyataan itu. - ©BERNAMA

## 15 pekerja maut bas terjunam dalam lombong di tengah India

NEW DELHI, 10 April. - Sekurang-kurangnya 15 pekerja terbunuh selepas bas yang membawa mereka terjunam ke dalam lombong di tengah India pada Selasa malam.

Kemalangan itu yang berlaku pada 8.30 malam di kawasan Kumhari di daerah Durg, Chhattisgarh.

Bas itu mengangkut berpuluh-puluh pekerja sebuah syarikat penyulingan selepas bekerja.

Kira-kira 12 mangsa yang cedera dimasukkan ke hospital. Siasatan telah diarahkan untuk mengetahui punca kemalangan, kata Majistret daerah Richa Prakash Chaudhary kepada media tempatan. - ©BERNAMA





## BAC 2024 : AARON-WOOI YIK BERTEMU SZE FEI - NUR IZZUDDIN UNTUK REBUT SLOT KE FINAL

KUALA LUMPUR, 12 April. - Dua beregu lelaki negara Aaron Chia-Soh Wooi Yik dan Goh Sze Fei-Nur Izzuddin Rumsani akan bertemu sesama sendiri untuk menentukan slot ke final Kejohanan Badminton Asia (BAC) 2024 di Ningbo, China, esok.

Ini selepas kedua-dua pasangan itu mara ke separuh akhir setelah menewaskan lawan masing-masing pada aksi suku akhir di Gimnasium Pusat Sukan Olimpik Ningbo, hari ini.

Pasangan pilihan keempat kejohanan Aaron-Wooi Yik hanya memerlukan 30 minit untuk mengatasi pasangan tuan rumah dan pilihan ketujuh Liu Yu Chen-Ou Xuan Yi, 21-14, 21-15.

Dengan kemenangan itu, juara dunia

2022 berkenaan menyamakan rekod pertemuan mereka kepada 4-4 sejak kedua-dua pasangan tersebut bertemu pertama kali pada separuh akhir Terbuka Indonesia 2022.

Dalam pada itu Sze Fei-Nur Izzuddin meneruskan kecemerlangan dalam kejohanan itu apabila bangkit daripada kekalahan set pertama untuk menewaskan juara Sukan Olimpik 2020 Lee Yang-Wang Chi-Lin dari Taiwan, 19-21, 21-19, 21-19 dalam pertarungan selama 68 minit.

Bagaimanapun beregu ranking ke-19 dunia itu bakal berdepan saingan sukar, esok kerana mereka hanya menang sekali menentang Aaron-Wooi Yik dalam tujuh pertemuan sebelum ini. - ©BERNAMA

## Paris 2024 : Jerman, Belgium antara pasukan pilihan menang emas hoki lelaki

KUALA LUMPUR, 11 April. - Jerman, selaku juara bertahan Piala Dunia dijangka menjadi pilihan utama bagi merebut pingat emas hoki lelaki pada Sukan Olimpik Paris 2024, yang dijadualkan dari 26 Julai hingga 11 Ogos.

Juara empat kali (1972, 1992, 2008, 2012), yang tentunya akan berusaha untuk merampas kembali kejuaraan Olimpik selepas sedekad, bagaimanapun dijangka akan menghadapi tentangan sengit daripada juara bertahan Belgium, juara dua kali Belanda, pemenang 2004 Australia dan pemenang pingat emas Olimpik terbanyak, India.

Bekas Ketua Jurulatih Kebangsaan A. Arul Selvaraj, memilih Jerman sebagai pasukan pilihan utamanya, kerana pasukan bimbingan Andre Henning itu telah dibina semula selepas menjuarai Piala Dunia 2023 di Bhubaneswar, India.

Beliau juga percaya, kehebatan Gonzalo Peillat, yang pernah membantu Argentina merangkul pingat emas Olimpik pertama mereka di Sukan Rio 2016, sebelum berpindah ke Jerman pada 2022, juga akan meningkatkan kekuatan pasukan.

"Jerman bermain hoki paling mudah di dunia, tetapi pendekatan yang paling berdisiplin dan ekonomik, dalam erti kata lain mereka melakukan segala-galanya dengan cara yang paling mudah dan ringkas. Mereka sedang dalam proses pembinaan semula, jadi pasukan itu akan menggunakan semua kejohanan kecil untuk menguji pemain dan akhirnya mereka akan tahu cara memenangi perlawanan."

"Mempunyai Peillat merupakan kelebihan besar buat Jerman, dia pernah memenangi Olimpik bersama Argentina, dan Piala Dunia bersama Jerman, jadi ia akan menjadi menarik untuk diperhatikan. Bagi saya, mereka tidak pernah berhenti belajar dan Olimpik merupakan saat ketika saya habiskan banyak masa untuk mencatat nota," katanya kepada Bernama.

Arul, yang berpengalaman dalam melatih di Afrika Selatan dan Ireland, berkata selain Belgium yang tewas kepada Jerman di Piala Dunia menerusi penentuan pukulan penalti, Belanda dan Australia juga menjadi pasukan pilihannya.

"Belgium dengan senario yang lebih sukar kerana mereka kini dalam pembangunan semula dengan lebih ramai pemain muda. Belanda semakin meningkat di bawah jurulatih Jeroen Delmee, dan terlihat dengan pasukan itu, cara mereka bermain dan meningkat, ramai pemain muda, sangat menarik untuk melihat mereka bermain," katanya.

Arul berkata beliau merasakan satu-satunya pasukan Asia yang layak dalam acara hoki lelaki iaitu India, juga akan menjadi pasukan yang menarik dan mampu memberikan cabaran di Stadium Yves-du-Manoir, Paris, untuk menamatkan kemarau empat dekad mereka memenangi pingat emas Olimpik selepas kali terakhir melakukannya pada edisi Moscow 1980.

"India mempunyai ramai pemain dengan kualiti yang hebat. Saya dengar mereka teruja untuk menukar warna pingat, selepas memenangi gangsa di Tokyo 2020," katanya.

Pada Sukan Olimpik Paris, Belanda, Jerman, Great Britain, Sepanyol, tuan rumah Perancis dan Afrika Selatan, diundi dalam Kumpulan A, manakala Kumpulan B terdiri daripada Belgium, India, Australia, Argentina, New Zealand dan Ireland, dengan hanya empat pasukan teratas dalam setiap kumpulan, akan mara ke suku akhir.

India merupakan pasukan paling cemerlang dalam acara hoki lelaki dengan lapan gelaran (1928, 1932, 1936, 1948, 1952, 1956, 1964, 1980), diikuti Jerman (empat gelaran), manakala Great Britain (1908, 1920, 1988) dan Pakistan (1960, 1968, 1984) masing-masing menang tiga kali. - ©BERNAMA

## Zii Jia gagal mara ke separuh akhir BAC 2024

KUALA LUMPUR, 12 April. - Perseorangan lelaki profesional negara Lee Zii Jia akhirnya tewas di tangan Jonatan Christie setelah mencatatkan lima kemenangan dalam pertemuan sebelum ini, apabila disingkirkan pemain Indonesia itu pada pusingan suku akhir Kejohanan Badminton Asia (BAC) 2024 di Ningbo, China hari ini.

Zii Jia yang turun selaku pemain pilihan kelapan kejohanan bermula goyah dalam set pertama susulan beberapa kesilapan yang dilakukannya dan set berakhir 11-21 dengan menahak kepada pilihan ketiga Christie.

Wakil Malaysia itu terus membiarkan dirinya diperkotak-katikan di set kedua

untuk Christie mengungguli set 21-6.

Malaysia bagaimanapun berhasil menempah satu tempat di pusingan akhir apabila dua beregu lelaki negara Aaron Chia-Soh Wooi Yik dan Goh Sze Fei-Nur Izzuddin Rumsani akan bertarung esok dalam separuh akhir.

Aaron-Wooi Yik mara ke separuh akhir selepas menang straight set ke atas beregu tuan rumah Yu Chen-Ou Xuan Yi 21-14, 21-15.

Sementara Sze Fei-Nur Izzuddin mengharungi perlawanan selama 68 minit sebelum berjaya mengetepikan juara Olimpik 2020 Lee Yang-Wang Chi-Lin dari Taiwan 19-21, 21-19, 21-19. - ©BERNAMA

## Tahukah Awda

**P**ULAU Luba terletak di sebelah timur Kampung Bunut dan Kawasan Sungai Brunei, dan jalan masuk melalui Jalan Haji Halus, Bunut, di atas sebidang tanah berkeluasan 50 hektar. Pulau ini ditumbuhi dengan hutan bakau dan menjadi tempat tinggal burung laut. Di kawasan pulau ini terdapat sebuah Makam Diraja, dikenali Makam di Luba Sultan Kamaluddin, salah seorang Raja Brunei yang terkenal dengan sifat warak dan keramat, dan kuat beragama.

SUMBER : Kenali Negara Kitani Tempat-Tempat Eksotik

BERITA-BERITA HARIAN BOLEH DIKUTI DI LAMAN SESAWANG : [www.pelitabrunei.gov.bn](http://www.pelitabrunei.gov.bn)

HARGAI IBU BAPA SEMENTARA MEREKA MASIH ADA